



memacu transformasi menjana pertumbuhan

Laporan MITI 2012

Laporan MITI 2012

memacu transformasi menjana pertumbuhan

kandungan

ISSN 0128-7524
Jun 2013
© Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia 2012

Hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar kepada apa-apa bentuk dengan sebarang cara sekalipun tanpa izin bertulis daripada penerbit. Semua fakta dan maklumat adalah benar pada saat percetakan.

Untuk membeli naskah ini atau untuk maklumat lain, sila hubungi:

Pengarah Kanan
Bahagian Perancangan Strategik
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia
Tingkat 15, Blok 8
Kompleks Pejabat Kerajaan
Jalan Duta, 50622 Kuala Lumpur
Tel: +603-6200 0456 Faks: +603-6201 2573
Laman web MITI: www.miti.gov.my
E-mel: mitiweb@miti.gov.my

Reka bentuk, aturhuruf dan cetakan oleh


Sasyaz Holdings Sdn. Bhd. (219275-V)
29, Jalan PJU 3/48
Sunway Damansara Technology Park
47810 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia
Tel: +603 7803 3754
Faks: +603 7804 8245
E-mel: sasyaz88@streamyx.com

Harga: RM60.00

Pengantar	4
Profil Pengurusan	8
Sekilas Pandang	14
Trajektori Pertumbuhan yang Kukuh	18
Perdagangan Antarabangsa dan Hubungan Ekonomi	26
<i>Megatrend</i> dan Peluang bagi Sektor Pembuatan	44
Perkhidmatan: Memperkasa Pertumbuhan, Mempergiatkan Ekonomi	72
Program Berimpak Tinggi untuk Usahawan	86
Negara yang Berdaya Saing	112
MITI pada 2012 dan Seterusnya	120
Lampiran	130

pengantar

YB Dato' Sri Mustapa Mohamed
Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Malaysia



memacu transformasi menjana pertumbuhan

Ekonomi Malaysia bertumbuh 5.6 peratus pada tahun 2012, di saat ekonomi global mengalami pemulihan yang masih perlahan. Sektor pembuatan mengalami pertumbuhan 4.8 peratus, manakala sektor perkhidmatan pula bertumbuh pada 6.4 peratus.

Malaysia mencatatkan nilai dagangan berjumlah RM1.3 trilion pada tahun 2012. Walaupun berhadapan dengan situasi yang mencabar daripada luar negara, eksport mencapai tahap baru pada RM702.2 bilion dan import meningkat kepada RM607.4 bilion. Negara ini juga berjaya menarik RM162.4 bilion pelaburan langsung pada tahun 2012, melebihi nilai tahun-tahun sebelum ini.

Secara keseluruhannya, pencapaian kita di dalam perdagangan dan pelaburan adalah membanggakan, di sebalik keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu. Negara kita telah menunjukkan perkembangan yang memuaskan di dalam pembangunan industri bagi teknologi baru dan baru muncul, dan pada masa yang sama, negara juga berupaya meningkatkan tarikkannya sebagai hab global dan serantau bagi pembuatan dan perkhidmatan.

Prestasi MITI bagi tahun 2012 juga turut membanggakan. Komitmen dan usaha yang telah disumbangkan oleh warga MITI merupakan kunci kejayaan pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang dijalankan.

Komitmen untuk transformasi

Prestasi MITI bagi tahun 2012 juga turut membanggakan. Komitmen dan usaha yang telah disumbangkan oleh warga MITI merupakan kunci kejayaan pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang dijalankan. Pada tahun 2012, negara kita terus memperkukuhkan talian perdagangan dengan pasaran-pasaran utama dunia dan kita juga telah menandatangani perjanjian perdagangan bebas yang penting dengan Australia. Bagi meningkatkan daya saing negara, kita telah menarik pelaburan di dalam sektor-sektor sasaran yang akan membantu peralihan Malaysia kepada industri yang bernilai tambah tinggi, berintensifkan pengetahuan dan berasaskan inovasi. Bagi membantu perusahaan kecil dan sederhana (PKS) mencapai potensi mereka, kita telah mengenalpasti Program-program Berimpak Tinggi yang akan mengurangkan



MITI akan terus menerajui usaha-usaha untuk mengintegrasikan produk dan perkhidmatan Malaysia kepada rantai nilai global.

halangan untuk pendaftaran dan perlesenan, menggalakkan idea-idea inovatif, menyediakan khidmat sokongan dan nasihat kepada syarikat-syarikat PKS supaya menjadi siap eksport (*export-ready*). Secara keseluruhannya, MITI komited dengan arah tuju strategik di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang menekankan kepentingan bekerja keras, berinovasi, berkeaktiviti dan memperolehi pengetahuan.

Meningkatkan rantai nilai

Keadaan ekonomi global menjadi semakin mencabar, oleh itu Malaysia hendaklah menggunakan sepenuhnya kelebihan-kelebihan strategik yang dimilikinya. Faktor-faktor seperti Kerajaan yang progresif dan demokratik, kedaulatan undang-undang, ekonomi yang ditadbir urus dengan baik, infrastruktur yang lengkap, guna tenaga berpendidikan dan produktif, serta iklim politik yang mesra perniagaan, berupaya mengangkat Malaysia menjadi di kalangan sepuluh negara paling berdaya saing di dunia.

MITI akan terus menerajui usaha-usaha untuk mengintegrasikan produk dan perkhidmatan Malaysia kepada rantai nilai global. Inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan di harap akan meningkatkan semangat keusahawanan, penginovasian dan produktiviti di semua peringkat ekonomi. Bagi menyampaikan mesej dengan lebih berkesan, MITI akan meningkatkan hubungan dengan media awam melalui saluran-saluran komunikasi baru termasuk media sosial.

MITI akan juga memberikan penekanan kepada pembangunan industri yang berkaitan dengan Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA). Di peringkat antarabangsa pula, MITI akan terus memastikan perdagangan yang adil dan mempertingkatkan perhubungan dengan rakan dagang dan kumpulan-kumpulan dagang.

Untuk membawa Malaysia menghampiri sasaran menjadi Negara berpendapatan tinggi, MITI akan terus memudahcara hubungan ekonomi dengan semua pihak – awam dan swasta, di dalam dan di luar negara. Ke arah itu, saya yakin Malaysia dan MITI khususnya memiliki strategi-strategi yang sudah dirancang baik serta memiliki keazaman, kreativiti dan inovasi untuk menyempurnakan wawasan tersebut.

profil pengurusan

Seperti pada 31 Disember 2012

Dato' Sri Mustapa Mohamed
Menteri



Datuk Jacob Dungau Sagan
Timbalan Menteri (Industri)

Dato' Mukhriz Tun Dr. Mahathir
Timbalan Menteri (Perdagangan)


Datuk Dr. Rebecca Fatima Sta Maria
Ketua Setiausaha

Dato' Nik Rahmat Nik Taib
Timbalan Ketua Setiausaha (Industri)



Jayasiri Jayasena
Pegawai Kanan, Bahagian Dasar dan Rundingan
Perdagangan Pelbagaihala

Mohd Ridzal Sheriff
Timbalan Ketua Setiausaha (Perdagangan)



1 Dato' Abdul Ghafar Musa
Pegawai Kanan, Bahagian
Pembangunan Keusahawanan

7 Dato' N. Vasudevan
Pegawai Kanan, Bahagian
Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik

2 Dato' Abd Majid Kutiran
Pegawai Kanan, Dasar Sektor
dan Hal Ehwal Pelaburan

8 Hiswani Harun
Pegawai Kanan, Bahagian
Pembangunan Sektor
Perkhidmatan

3 Mohamed Shahabar Abdul
Kareem
Pegawai Perdagangan Strategik,
Sekretariat Perdagangan
Strategik

9 Tay Lee Looi
Pegawai Kanan, Bahagian Dasar
dan Penyelarasan Rundingan
Perjanjian Perdagangan Bebas

4 Ravidran Palaniappan
Pegawai Kanan, Bahagian
Kerjasama Ekonomi ASEAN

10 Khoo Boo Seng
Pegawai Kanan, Bahagian
Perancangan Strategik

5 Wong Seng Foo
Pegawai Kanan, Bahagian
Hubungan Ekonomi dan
Perdagangan

11 Hanibah Abd. Wahab
Pegawai Kanan, Bahagian
Khidmat Pengurusan

6 Kamariah Yeop Abdullah
Pegawai Kanan, Bahagian
Kerjasama dan Amalan
Perdagangan

12 Harjit Kaur
Pegawai Kanan, Bahagian
Dasar Pelaburan dan Fasilitasi
Perdagangan

13 Mariam Md. Salleh
Duta / Wakil Tetap Malaysia ke Organisasi Perdagangan Dunia
(WTO)

14 Nik Abu Bakar Haji Nik Mohamed
Pegawai, Institut Keusahawanan Negara (INSKEN), Bahagian
Pembangunan Keusahawanan



15 Azmir Shah Zainal Abidin - *Penasihat Undang-Undang Pejabat Penasihat Undang-Undang*

16 Shukrie Mohamed Daud - *Pengarah Seksyen Kawalan Import dan Eksport, Bahagian Kerjasama Perdagangan*

17 Ho Siew Ching - *Pengarah Bahagian Pembangunan Sektor Perkhidmatan*

18 Khiruddin Said - *Pengarah Seksyen Rundingan Sektor Barangan Perindustrian, Pembangunan dan Peraturan Bahagian Dasar dan Rundingan Pelbagaihala*

19 Jaysiwanta Kaur Mangal Singh - *Pengarah Seksyen Hubungan Luar ASEAN Bahagian Kerjasama Ekonomi ASEAN*

20 Hj. Amran Sameon - *Pengarah Seksyen Fasilitasi Perdagangan dan Teknologi, Bahagian Dasar Pelaburan dan Fasilitasi Perdagangan*

21 Hj. Zakaria Jaafar - *Pengarah Seksyen Penyelarasan dan Pemantauan, Bahagian Pembangunan Keusahawanan*

22 Talagavathi Karapayah - *Pengarah Seksyen Rundingan Pertanian, Harta Intelek dan Alam Sekitar, Bahagian Dasar dan Rundingan Pelbagaihala*

23 Normah Osman - *Pengarah Seksyen Hubungan Dalam ASEAN, Bahagian Kerjasama Ekonomi ASEAN*

24 Mohammad Radhi Abdul Razak - *Pengarah Seksyen Amalan Perdagangan, Bahagian Dasar dan Rundingan Pelbagaihala*

25 Isham Ishak - *Pengarah Seksyen Dasar & Strategi, Bahagian Perancangan Strategik*

26 Bahria Mohd Tamil - *Pengarah Pejabat Sekretariat PEMUDAH*

27 Khalidah Mohd Darus - *Pengarah Seksyen Pembangunan Pemasaran, Bahagian Pembangunan Keusahawanan*

28 Mohd Nor Wan Salleh - *Pengarah Seksyen Kerjasama Perdagangan & Penyelarasan Industri, Bahagian Kerjasama Amalan Perdagangan*

29 Hanafi Sakri - *Pengarah Seksyen Pentadbiran, Bahagian Khidmat Pengurusan*

30 Noor Wahida Noordin - *Pengarah Seksyen Dasar Sektor I, Bahagian Dasar Sektor I & Hal Ehwal Pelaburan*

31 See Chee Kong - *Pengarah Seksyen Dasar Sektor IV, Bahagian Dasar Sektor I & Hal Ehwal Pelaburan*

32 Mastura Ahmad Mustafa - *Pengarah Seksyen Dasar Sektor II, Bahagian Dasar Sektor I & Hal Ehwal Pelaburan*

33 Che Mazni Che Wook - *Pengarah Bahagian Dasar dan Rundingan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA)*

Ketua-ketua agensi



34 Razman Abu Samah - *Pengarah Seksyen Dasar Sektor III, Bahagian Dasar Sektor & Hal Ehwal Pelaburan*

39 Hj. Akmar Hj. Omar - *Pengarah Seksyen Pembangunan Perniagaan Bumiputra, Bahagian Pembangunan Keusahawanan*

44 Datuk Dr. Wong Lai Sum - *Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE)*

48 Datuk Mohd Najib Haji Abdullah - *Pengarah Urusan Malaysian Industrial Development Finance (MIDF)*

35 Muhammad Sanusi Abdul Karim - *Pengarah Seksyen Amerika, Afrika dan Eropah, Bahagian Hubungan Ekonomi dan Perdagangan*

40 Zabidah Safar - *Pengarah Kewangan Bahagian Khidmat Pengurusan*

45 Dato' Noharuddin Nordin - *Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)*

49 Dato' Seri Jamil Bidin - *Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Industri Halal (HDC)*

36 Faizal Mohd Yusof - *Timbalan Pengawal Perdagangan Strategik Sekretariat Perdagangan Strategik*

41 Gan Mui Huei - *Pengarah Seksyen Dasar Pelaburan dan Perindustrian, Bahagian Dasar Pelaburan dan Fasilitasi Perdagangan*

46 Dato' Hafsa Hashim - *Ketua Pegawai Eksekutif SME Corporation Malaysia*

50 Datuk Mohd Radzif Mohd Yunus - *Pengarah Urusan Bank SME*

37 Mohd Zahid Abdullah - *Pengarah Seksyen Penyelidikan, Bahagian Perancangan Strategik*

42 Che Nazli Jaapar - *Pengarah Pengurusan Sumber Manusia, Bahagian Khidmat Pengurusan*

47 Dato' Mohd Razali Hussain - *Ketua Pengarah Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)*


51 Mohamad Madani Sahari - *Ketua Pegawai Eksekutif Institut Automotif Malaysia (MAI)*

38 Ho Soo Quen - *Pengarah Seksyen Asia dan Australasia, Bahagian Hubungan Ekonomi dan Perdagangan*


43 Hj. Zamani Desa - *Pengarah Bahagian Pengurusan Maklumat*

sekilas pandang


Carta 1: Jumlah Dagangan, 2011-2012 (RM Bilion)




Carta 2: 10 Eksport Utama Mengikut Produk, 2012 (RM Bilion)




Carta 3: Lima Destinasi Utama Eksport, 2012 (RM Bilion)




Carta 4: Lima Sumber Import Utama, 2012 (RM Bilion)




Carta 5: Eksport Mengikut Rantau, 2012 (RM Bilion)



Carta 6: Import Mengikut Rantau, 2012 (RM Bilion)




Carta 7: Prestasi Dagangan Malaysia, 2002-2012 (RM Bilion)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


Carta 8: Pelaburan Dalam Sektor Perkhidmatan Malaysia, 2012 (RM Juta)



Nota **: Data sehingga Januari-September 2012


Sumber: MIDA

Carta 9: Pelaburan Domestik dan Asing Dalam Projek Diluluskan, 2011 & 2012 (RM Bilion)




Sumber: MIDA

Carta 10: Tahap Produktiviti Malaysia (RM) dan Pertumbuhan (%), 2008-2012




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 11: Penarafan Daya Saing Perusahaan Mikro Untuk Pengukuhan (M-CORE), 2010-2012 (Bil. PKS)



Sumber: SME Corp. Malaysia

Carta 12: Program Penarafan Daya Saing PKS Untuk Pengukuhan (SCORE), 2010-2012 (Bil. PKS)



Sumber: SME Corp. Malaysia



**trajektori
pertumbuhan yang
kukuh**

trajectori pertumbuhannya yang kukuh

Ekonomi Malaysia bertumbuh melebihi jangkaan pada tahun 2012.

Berasaskan momentum pertumbuhan yang kukuh pada tahun 2011, ekonomi domestik menunjukkan prestasi yang mantap daripada tahun 2012 dengan berkembang pada 5.6 peratus. Prestasi ini adalah jauh berbeza dengan senario ekonomi pada tahun 2009, di mana dorongan positif daripada permintaan domestik tidak dapat mengatasi permintaan luaran yang lemah.

Permintaan domestik bertumbuh pada 10.6 peratus, menerajui pertumbuhan kukuh ekonomi negara pada tahun 2012. Faktor-faktor berikut membantu pertumbuhan ekonomi Malaysia: asas ekonomi yang kukuh, struktur ekonomi yang pelbagai dan seimbang, polisi yang pragmatik dan fleksibel, serta sistem kewangan yang dirangka dengan teratur. Segmen ekonomi domestik membantu menampung kurangan eksport, dengan pertumbuhan 0.4 disebabkan oleh kesan pertumbuhan ekonomi lembap yang dihadapi oleh rakan-rakan dagang utama Malaysia, terutamanya negara-negara maju.

Pelaburan swasta merupakan pemangkin utama pertumbuhan pada tahun 2012, meningkat pada 22.0 peratus. Peratusan sumbangan pelaburan swasta kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) mencapai 15.5 peratus, catatan tertinggi semenjak tahun 1998. Pertumbuhan yang menggalakkan segmen ini adalah disumbangkan oleh perbelanjaan modal di dalam sektor

berkaitan pengguna, aktiviti pelaburan di dalam sektor pembuatan berorientasikan domestik, pelaksanaan projek-projek infrastruktur utama, dan perbelanjaan modal di dalam sektor perkhidmatan.

Pelaburan awam berkembang 17.1 peratus, seiring dengan pertumbuhan pelaburan swasta pada tahun 2012. Ini diikuti oleh perbelanjaan modal yang meningkat oleh perusahaan awam bagi menyokong projek-projek infrastruktur sedia ada dan baru, termasuk projek-projek di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP).

Bagi aspek bekalan di dalam ekonomi, semua sub-sektor utama ekonomi berkembang secara positif pada tahun 2012. Sektor pembinaan menunjukkan perkembangan yang kukuh berikutan peningkatan dalam aktiviti pelaburan, bertumbuh pada 18.5 peratus. Pertumbuhan ini merupakan pertumbuhan yang tertinggi bagi sektor ini semenjak tahun



Forum Ekonomi Dunia 2012

1995. Sektor pembuatan menikmati pertumbuhan yang disumbangkan oleh industri berasaskan domestik dan eksport dengan bertumbuh pada 4.8 peratus. Sementara itu, sektor perkhidmatan meningkat pada 6.4 peratus, mengalami pertumbuhan bagi semua sub-sektor. Bagi sektor berasaskan sumber, pertanian berkembang pada 1.0 peratus, manakala perlombongan meningkat pada 1.4 peratus.

Inflasi keseluruhan (*headline inflation*) pada tahun 2012 adalah di tahap terkawal pada 1.6 peratus. Kenaikan inflasi yang sederhana adalah disebabkan peningkatan yang perlahan di dalam harga makanan, yang merupakan kesan tekanan harga luar yang sederhana serta hasil penambahbaikan yang signifikan di dalam bekalan makanan domestik. Kenaikan harga bagi minuman bukan beralkohol dan kategori pengangkutan adalah sederhana. Inflasi teras (*core inflation*), yang merupakan indikator kepada tekanan harga yang didorong oleh permintaan bergerak sederhana kepada 2.4 peratus pada 2012.

Pertumbuhan ekonomi yang kukuh pada 2012 telah memberikan kesan positif dalam pasaran tenaga. Kadar pengangguran kekal pada tahap yang baik pada 3.1 peratus. Peningkatan

ketara dalam pengambilan pekerja disumbangkan oleh sektor perkhidmatan dan pertanian. Walau bagaimanapun, jumlah pemberhentian pekerja meningkat pada 35.2 peratus kepada 7,616, terutamanya disebabkan peningkatan di dalam pemberhentian kerja sementara di sektor pembuatan.

Konsolidasi defisit fiskal diteruskan pada 4.5 peratus kepada KDNK pada tahun 2012. Walaupun jumlah perbelanjaan meningkat pada 10.2 peratus, pungutan hasil yang meningkat pada 12.1 peratus telah mengurangkan defisit bajet. Pungutan hasil yang tinggi daripada penghasilan syarikat-syarikat korporat yang stabil, ditambah dengan pertumbuhan ekonomi yang kukuh dan langkah-langkah penambahbaikan berterusan sistem pencukaian menyumbang kepada pengurangan bajet defisit negara.

Sektor luar kekal kukuh walaupun menghadapi situasi mencabar daripada ekonomi-ekonomi maju dan serantau. Pertumbuhan rendah eksport pada 0.6 peratus pada tahun 2012 adalah disebabkan oleh permintaan yang perlahan bagi komoditi mentah, produk

elektrikal dan elektronik (E&E) dan juga produk bukan E&E. Walau bagaimanapun, eksport perkhidmatan meningkat dengan perlahan, terutama bagi peningkatan dalam terimaan daripada perkhidmatan pembekalan komputer dan teknologi komunikasi maklumat (ICT) dan juga perkhidmatan perniagaan dan profesional.

Import bertumbuh dengan kadar yang sihat sebanyak 5.9 peratus pada 2012. Peningkatan ini adalah dipacu oleh pertumbuhan yang kukuh di dalam import barangan modal kesan aktiviti-aktiviti domestik seperti minyak dan gas, pembuatan, perkhidmatan dan pelaburan. Walau bagaimanapun, import barangan pertengahan menguncup disebabkan oleh pertumbuhan yang perlahan di dalam eksport pembuatan dan juga E&E. Dengan meningkatnya mutu kehidupan, permintaan bagi import barangan penggunaan dijangka akan kekal kukuh.

Pertumbuhan perlahan bagi eksport mengurangkan lebih imbalan pembayaran dalam akaun semasa kepada RM57.3 bilion, atau 6.6 peratus daripada Pendapatan Negara Kasar (PNK). Walaupun terdapat pengurangan di dalam lebih akaun semasa, ia adalah mencukupi bagi memenuhi keluaran bersih di dalam akaun kewangan. Rizab luar berada pada kedudukan selesa, cukup bagi membiayai 9.5 bulan bagi import tertahan dan 4.2 kali bagi hutang luar jangka pendek seperti pada 31 Disember 2012.

Pertumbuhan ekonomi pada kadar yang kukuh pada tahun 2013

Ekonomi domestik dijangka meneruskan pertumbuhan yang kukuh pada 2013. Ekonomi dijangka berkembang pada 5.0-6.0 peratus, dengan pertumbuhan disumbang oleh permintaan domestik yang kukuh, disokong oleh peningkatan yang sederhana di dalam eksport. Permintaan domestik dijangka bertumbuh di antara 8.0-8.5 peratus pada 2013, sementara eksport dijangka berkembang di antara 1.4-2.9 peratus.

Pelaburan swasta khususnya dijangka berkembang di antara 15.5-16.0 peratus dan akan terus menjadi pemangkin pertumbuhan bagi tahun 2013. Pelaburan dijangka memangkin pertumbuhan melalui pengembangan kapasiti dan barisan produk baru E&E dan peralatan perubatan, peningkatan di dalam automasi dan pelaburan di dalam mesin dan juga aktiviti hiliran dan hulu sektor minyak dan gas. Pelaburan juga akan menyokong pertumbuhan di dalam aktiviti berkaitan pembinaan, aktiviti berkaitan pengguna, aktiviti infrastruktur, dan sub-sektor perkhidmatan berasaskan domestik. Peningkatan di dalam pelaburan yang direalisasikan dan peningkatan aliran masuk pelaburan langsung asing juga akan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.


“Kerajaan sedang melihat secara serius mengenai langkah tambahan bagi menggalakkan pelaburan domestik dan berharap ia akan dapat menggiatkan lagi pelaburan swasta khususnya syarikat tempatan.”

– Mustapa Mohamed, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Berita Harian, 29 Jun 2012

Industri makanan dan minuman Malaysia disediakan untuk pasaran halal dunia



Sektor pembuatan beralih kepada produk berteknologi dan bernilai tambah tinggi.



Pada masa yang sama, keyakinan keseluruhan isi rumah dijangka kekal positif. Penggunaan swasta dijangka bertumbuh pada 7.0-7.5 peratus disebabkan oleh sokongan daripada pasaran buruh yang menggalakkan, inflasi yang sederhana, pendapatan bersih nyata yang bertambah baik dan bantuan kerajaan yang berterusan kepada isi rumah yang berpendapatan rendah serta sederhana.

Perbelanjaan awam dijangka terus sederhana pada tahun 2013, selari dengan konsolidasi fiskal yang bertujuan bagi mencapai bajet seimbang menjelang 2020. Penggunaan awam dijangka berkembang di antara 3.5-4.0 peratus, disokong oleh perbelanjaan emolumen, bekalan dan perkhidmatan. Sementara itu, pelaburan awam dijangka bertumbuh pada kadar perlahan pada 7.0-7.5 peratus dan akan berfokus pada aktiviti-aktiviti ekonomi, perbelanjaan pembangunan, perkhidmatan sosial dan perbelanjaan modal.

Dari sudut bekalan ekonomi, semua sektor utama dijangka kekal pada trajektori pertumbuhan yang positif, meneruskan tren pada tahun 2012. Sektor perkhidmatan dan pembuatan akan menjadi pemacu pertumbuhan utama, didorong oleh permintaan domestik yang kukuh dan disokong oleh persekitaran luar yang bertambah baik. Aktiviti berkaitan pengguna di dalam sektor perkhidmatan juga akan mendapat suntikan daripada kempen-

kempen promosi Tahun Melawat Malaysia 2014. Pembuatan akan didorong oleh aktiviti-aktiviti berasaskan domestik (berasaskan pengguna dan pembinaan) serta aktiviti-aktiviti berkaitan eksport (E&E dan aktiviti berkaitan primer). Sektor komoditi dan perlombongan dijangka bertambah baik, disokong oleh pengeluaran, sementara pembinaan akan didorong oleh aktiviti-aktiviti yang berterusan.

Inflasi keseluruhan dijangka berada pada 2.0-3.0 peratus pada 2013. Tekanan-tekanan inflasi adalah daripada gabungan faktor-faktor berikut: harga global yang meningkat bagi komoditi makanan terpilih, penyesuaian kepada harga yang diatur domestik, ketidakpastian yang akan mempengaruhi harga makanan dan minyak mentah global, dan tekanan harga yang didorong oleh domestik.

Asas-asas ekonomi berterusan yang kukuh akan memastikan keadaan pasaran guna tenaga keseluruhan kekal positif. Didorong oleh polisi yang berasaskan pertumbuhan berterusan, pasaran akan terus mewujudkan peluang-peluang pekerjaan. Oleh yang demikian, kadar pengangguran akan kekal rendah pada 3.1 peratus pada 2013.

Konsolidasi fiskal yang berterusan akan kekal menjadi agenda penting bagi 2013, memastikan pertumbuhan ekonomi domestik yang mampan dan memudahkan pertumbuhan jangka panjang. Dengan senario ini, bajet defisit fiskal kepada peratusan KDNK dijangka berkurangan pada 4.0 peratus pada 2013 berbanding defisit 4.5 peratus kepada peratusan KDNK bagi 2012. Pengurangan di dalam bajet defisit ini dijangka disebabkan oleh hasil yang meningkat kesan pungutan cukai yang bertambah baik dan pertumbuhan ekonomi yang kukuh, serta pengurangan di dalam perbelanjaan kerajaan.

Sektor luar Malaysia dijangka bertambah baik pada 2013, walaupun pada kadar yang sederhana. Prospek pertumbuhan yang baik bagi ekonomi-ekonomi serantau dijangka mengurangkan tekanan-tekanan daripada ekonomi-ekonomi maju, yang seterusnya akan menyebabkan jangkaan yang lebih baik bagi ekonomi global. Pertumbuhan global diunjur bertumbuh di antara 3.5-3.7 peratus bagi 2013, daripada 3.2 peratus pada 2012, sementara perdagangan global dijangka bertambah baik di antara 3.5-3.8 peratus pada 2013 daripada 2.8 peratus pada 2012.

Dengan jangkaan pertumbuhan dan perdagangan global yang lebih positif ini, eksport Malaysia juga dijangka didorong oleh pertumbuhan sederhana di dalam sektor E&E, yang turut didorong oleh jangkaan yang lebih

baik bagi semikonduktor global. Eksport juga akan didorong oleh sumbangan positif daripada eksport pembuatan bukan berasaskan E&E dan dagangan intra-serantau. Eksport perkhidmatan akan turut berkembang, disumbang oleh akaun kembara selari dengan kempen promosi bagi Tahun Melawat Malaysia 2014. Eksport juga akan didorong oleh sumbangan dalam harga komoditi dan daripada asas yang rendah.

Import dijangka bertumbuh pada kadar yang kukuh pada 2013, di antara 5.5-6.0 peratus. Import barangan modal dijangka kekal kukuh daripada aktiviti-aktiviti domestik yang berterusan seperti minyak dan gas, pembuatan, perkhidmatan dan pelaburan. Pada masa yang sama, import barangan pertengahan akan turut meningkat berikutan peningkatan dalam eksport pembuatan mengambil kira peningkatan di dalam eksport dan penstockan semula. Permintaan bagi import barangan pengguna dijangka kekal kukuh dengan peningkatan di dalam gaya hidup.

Didorong oleh import berkaitan pelaburan yang kukuh dan pemulihan sederhana eksport, lebihan imbalan pembayaran akaun semasa dijangka terus berkurangan pada 2013. Lebihan akaun semasa dijangka berkitar pada 4.4-4.6 peratus daripada PNK. Lebihan akaun semasa yang rendah juga menggambarkan defisit yang berterusan walaupun pada kadar yang rendah di dalam perkhidmatan dan juga akaun pendapatan.



**perdagangan
antarabangsa dan
hubungan ekonomi**

perdagangan antarabangsa dan hubungan ekonomi

Perdagangan antarabangsa Malaysia kekal kukuh melalui jaringan meluas dengan ekonomi-ekonomi maju seperti Amerika Syarikat (AS) dan Jepun serta pasaran-pasaran baru muncul lain, terutamanya di Asia. Hubungan dagangan ini turut membantu memacu proses transformasi negara menjadi negara berpendapatan tinggi.

Persekitaran perniagaan global mengalami pemulihan yang perlahan disebabkan keadaan kewangan dan makroekonomi yang tidak menentu. Krisis hutang kerajaan yang berterusan di kawasan euro seperti di Cyprus, Greece, Itali dan Sepanyol telah mempengaruhi sentimen ekonomi, sementara perkembangan seperti penggunaan *gas shale* di AS akan membawa perubahan di dalam pasaran pengeluaran tenaga dengan fokus baru kepada China dan AS sebagai pengeluar. Perdagangan antarabangsa terus menghadapi cabaran di dalam pelbagai bentuk sekatan perdagangan, termasuk tarif, kuota dan sekatan bukan tarif (NTB).

Berasaskan latarbelakang ini ekonomi-ekonomi baru muncul di Asia Tenggara berusaha untuk menyekat pelbagai bentuk dan tren proteksionisme. Pada 2012, MITI meneruskan hubungannya melalui rundingan perdagangan dan di dalam kumpulan-kumpulan ekonomi serta perdagangan untuk mengurangkan

sekatan dagangan, memfasilitasi perdagangan serta meningkatkan akses pasaran bagi para pengeksport Malaysia.

Memperkuhkan jaringan di ASEAN

Malaysia terus mendapat manfaat daripada keahliannya di dalam **Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN)**. Perdagangan antara Malaysia dengan ASEAN berkembang pada 8.2 peratus bernilai RM358.1 bilion yang menyumbang 27.3 peratus kepada jumlah dagangan Malaysia.

Pada 2012, kumpulan serantau ini semakin menghampiri matlamatnya bagi mewujudkan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) menjelang 2015. AEC merupakan gambaran sebuah rantau dengan pasaran tunggal dan satu pengeluaran asas, berdaya saing tinggi dan berintegrasi sepenuhnya dengan ekonomi global. Enam Negara Ahli (termasuk Malaysia)



Fary Akmal Osman

MITI Bangkok

Pada 2012, MITI Bangkok menyelaras dua lawatan perdagangan dan pelaburan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri termasuk Misi Pelaburan dan Perdagangan Halal ke Songkhla yang melibatkan 150 delegasi Malaysia. Sebanyak 180 pertemuan padanan perniagaan diadakan semasa misi Songkhla tersebut yang menghasilkan jualan RM381,700 dan potensi jualan dianggarkan RM14.8 juta. MITI Bangkok juga menyelaras sesi jalinan makan-makan yang dianjurkan oleh Menteri MITI dan juga menyelaras penyertaan beliau di Forum Ekonomi Dunia di Bangkok.

telah menghapuskan duti import di peringkat intra-ASEAN sebanyak 99.1 peratus daripada barisan tarif mereka. Malaysia telah menamatkan program penghapusan tarifnya pada tahun 2012. Negara Kemboja, Laos, Myanmar dan Vietnam juga telah menunjukkan kemajuan dengan penghapusan duti import sebanyak 0.0-0.5 peratus ke atas 97.4 peratus barisan tarif negara-negara tersebut.

Setakat 2012, Malaysia telah berjaya melaksanakan 294 daripada 342 langkah-langkah yang digariskan di dalam pelan induk AEC.

Bagi mendokong matlamat di bawah Perjanjian Perdagangan Barangan ASEAN (ATIGA) dan memfasilitasi komuniti perniagaan, Malaysia telah melaksanakan skim persijilan sendiri di bawah Projek Rintis Kedua. Projek rintis ini merupakan kesinambungan kepada projek rintis yang dilaksanakan pada 2010 yang hanya melibatkan empat negara ASEAN, iaitu Brunei Darussalam, Malaysia, Singapura dan Thailand. Pada akhir 2012, seramai 100 pengeksport daripada Malaysia telah mendapat persijilan sendiri melalui projek rintis tersebut.

Proses liberalisasi sub-sektor perkhidmatan kekal pada landasan sasaran 2012 dengan pelaksanaan Pakej ke-8 dalam Perjanjian Rangka Kerja ASEAN Mengenai Perkhidmatan (AFAS) yang melibatkan liberalisasi yang signifikan di dalam ekonomi Negara-negara anggota. Proses rundingan bagi Pakej ke-9 sedang diteruskan dengan matlamat meliberalisasikan secara kumulatif 104 sub-sektor pada penghujung 2013. ASEAN juga telah menunjukkan kemajuan di dalam meliberalisasikan perkhidmatan

kewangan dan penerbangan dengan pelaksanaan Pakej ke-5 Liberalisasi Perkhidmatan Kewangan dan pengaplikasian Pakej ke-7 liberalisasi Pengangkutan Udara.

Sektor perkhidmatan Malaysia juga telah mendapat manfaat apabila Negara-negara anggota ASEAN menandatangani Perjanjian Pergerakan Alami Manusia ASEAN yang bertujuan menyediakan peluang pekerjaan di seluruh rantau ASEAN kepada para pekerja profesional dan pakar Malaysia. Sebanyak tujuh Peraturan Pengiktirafan Bersama (MRA) telah ditandatangani, di mana MRA yang paling aktif adalah MRA mengenai perkhidmatan kejuruteraan dan MRA mengenai perkhidmatan arkitek. Di samping itu, Perjanjian ASEAN mengenai Kastam dan Perjanjian Pelaburan Komprehensif ASEAN (ACIA) yang dikuatkuasakan pada 2012 membantu meningkatkan proses pengintegrasian rantau ASEAN.

Beberapa inisiatif baru telah dilancarkan atau digunapakai di dalam perhubungan ASEAN dengan rakan-rakan dagangnya sepanjang tahun 2012 (lihat Jadual 1).

Jadual 1: Hubungan Luar ASEAN

ASEAN	Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP)	Dilancarkan pada November 2012 oleh ASEAN, China, Jepun, Korea Selatan, Australia, New Zealand dan India Meliputi perdagangan, kerjasama ekonomi dan lain-lain isu baru dan baru muncul.
	Kerjasama ASEAN +3	Rangka kerja dikajisemula pada Julai 2012. Saiz melebihi dua kali ganda Inisiatif Multilateralisasi Chiang Mai (CMIM) kepada US\$240 bilion.
	Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN+1	FTA dengan China, Jepun, Korea Selatan, India, Australia dan New Zealand dilaksanakan dengan lancar.
	ASEAN-Jepun	Memperakukan Halatuju Strategi Ekonomi 10 Tahun ASEAN-Jepun bagi meningkatkan hubungan ASEAN-Jepun.
	Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN-China (ACFTA)	Menandatangani Protokol Ketiga bagi memasukkan Sekatan-sekatan sanitari dan Fitosanitari dan Teknikal kepada perdagangan. Menandatangani protokol bagi Jawatankuasa Bersama ACFTA.
	ASEAN-Amerika Syarikat	Expanded Economic Engagement ASEAN-AS (E3) diperakukan di Mesyuarat Pemimpin ASEAN-AS.
	ASEAN-Rusia	Halatuju Kerjasama Perdagangan dan Pelaburan ASEAN-Rusia diperakukan.
	ASEAN dan Kanada	Penyelarasan Fasilitasi Perdagangan dan Pelaburan (TIFA) diperakukan pada 2012.



Ong Chong Yi

MITI Beijing

MITI Beijing melaksanakan beberapa inisiatif bagi meningkatkan profil Malaysia sebagai destinasi pelaburan bagi perusahaan China pada 2012. Aktiviti-aktiviti ini termasuk ucapan-ucapan promosi mengenai pelaburan di seminar-seminar yang dianjurkan di Beijing, Zhejiang, Hainan, Guangxi dan Hunan, dengan kerjasama Majlis Perniagaan China-ASEAN dan Pusat ASEAN-China. MITI Beijing juga secara aktif menjangkau pegawai-pegawai di majlis perbandaran dan wilayah bagi meneroka peluang-peluang kerjasama, mempromosikan kerjasama ekonomi sehalu dengan penerbitan artikel-artikel di media dan penglibatan di fora perniagaan bagi mempromosikan projek-projek taman sehalu MITI di Qinzhou dan Kuantan.

“kita melihat prospek yang lebih baik pada tahun ini dan melihat pertumbuhan secara sederhana dengan China.”

– Mustapa Mohamed, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, *The Star*, 21 Jun 2012

Hubungan perdagangan utama dengan rakan-rakan dagang tradisi

Negara China sekali lagi menjadi rakan dagang terbesar Malaysia pada 2012. Perdagangan dengan Negara China meningkat sebanyak 8.0 peratus kepada RM180.6 bilion pada 2012, iaitu 13.8 peratus dagangan keseluruhan Malaysia. Negara China juga merupakan sumber import terbesar negara dengan import meningkat sebanyak 21.3 peratus kepada RM91.8 bilion. Sekatan ke atas sarang burung walit (EBN) yang dimulakan oleh Negara China pada 2011 memberi kesan kepada pengeksport Malaysia disebabkan Negara China merupakan pasaran eksport terbesar bagi EBN Malaysia. Protokol Eksport bagi Sarang Burung yang ditandatangani di antara Malaysia dan Negara

China pada 20 September 2012 merupakan kejayaan utama bagi meneruskan perdagangan EBN.

Jepun merupakan rakan dagang global Malaysia ketiga terbesar pada 2012 dan rakan dagang kedua terbesar bagi Malaysia di rantau Asia Timur selepas Negara China. Aliran dagangan di antara Malaysia dan Jepun sentiasa meningkat semenjak 2003 kecuali penurunan yang dihadapi pada 2009 akibat krisis ekonomi global. Perdagangan Malaysia dengan Jepun mencatatkan penurunan

sebanyak 1.0 peratus, mencecah RM145.3 bilion. Eksport bertumbuh sebanyak 1.9 peratus kepada RM82.9 bilion, sementara import berkurangan sebanyak 4.5 peratus kepada RM62.4 bilion.

AS merupakan antara rakan dagang penting Malaysia pada 2012 menyumbang 8.4 peratus keseluruhan dagangan. Eksport ke

AS mencecah RM60.8 bilion, sementara import berjumlah RM49.1 bilion pada 2012. Peningkatan eksport didapati di dalam produk E&E seperti peralatan semikonduktor fotosensitif, peralatan optikal dan saintifik serta produk getah.

Perdagangan dengan **Kesatuan Eropah (EU)** mewakili 9.8 peratus daripada dagangan keseluruhan 2012. Eksport ke EU menurun 13.7 peratus kepada RM62.2 bilion, sementara import dari EU kekal kukuh pada pertumbuhan 11.3 peratus bernilai RM65.53 bilion. Import penting Malaysia daripada EU adalah produk E&E, pesawat dan bahagian peralatan bagi turbin gas dan motor.

Perdagangan dengan Korea Selatan meningkat sebanyak 0.9 peratus kepada RM50.0 bilion pada 2012. Eksport menurun sebanyak 3.6 peratus kepada RM25.3 bilion sementara import meningkat sebanyak 6.0 peratus kepada RM24.7 bilion. Malaysia memanfaatkan penggunaan FTA ASEAN-Korea yang menghasilkan peningkatan dagangan dengan Korea Selatan. Eksport-eksport utama ke Korea Selatan termasuk gas asli cecair (LNG), produk E&E dan petroleum diproses.

Australia merupakan rakan dagang ke-sembilan terbesar Malaysia pada 2012



Muthafa Yusof

MITI New Delhi

Pada 2012, MITI New Delhi memberikan fokus kepada Persidangan Kemuncak Peringatan ASEAN-India yang dihadiri oleh pemimpin-pemimpin negara-negara anggota ASEAN, termasuk Perdana Menteri Malaysia. Persidangan ini menyaksikan pemuktamatan rundingan FTA ASEAN-India mengenai perjanjian-perjanjian perkhidmatan dan pelaburan. Perjanjian tersebut dijangka akan ditandatangani pada Ogos 2013. MITI juga membantu penyertaan syarikat-syarikat Malaysia di Pameran Perniagaan India-ASEAN kedua dan Forum CEO Malaysia-India kelima dan menganjurkan sesi dialog di antara Ketua Setiausaha Kerajaan dan syarikat-syarikat Malaysia yang beroperasi di India.

dengan dagangan sehalu berjumlah RM43.7 bilion, merupakan peningkatan sebanyak 15.3 peratus berbanding 2011. Eksport dan import meningkat masing-masing sebanyak 13.3 peratus dan 14.1 peratus. Malaysia menjangkakan dagangan sehalu dengan Australia akan dikekalkan pada pertumbuhan dua digit terutama sekali dengan penguatkuasaan Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-Australia (MAFTA).

Hubungan ekonomi India dengan Malaysia semakin kukuh pada 2012. Perdana Menteri kedua-dua negara telah meletakkan sasaran dagangan berjumlah US\$20.0 bilion menjelang 2015. Dagangan sehalu dengan India berjumlah RM41.2 bilion pada 2012 melebihi jumlah tertinggi RM38.4 bilion pada 2011. Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-India (MICECA) pada 2011 menyumbang kepada perdagangan ini dengan pengurangan banyak sekatan perdagangan.

Perdagangan dengan benua Afrika mewakili 2.1 peratus jumlah dagangan Malaysia pada 2012. Dagangan menurun 4.5 peratus kepada RM27.5 bilion pada 2012. Jumlah eksport ke negara-negara di Afrika menurun kepada RM16.7 bilion, sementara import bertumbuh


1.7 peratus kepada RM10.8 bilion. Eksport ke pasaran baru muncul di benua Afrika menunjukkan pertumbuhan menggalakkan sebanyak dua digit. Pertumbuhan paling signifikan ditunjukkan oleh Cote d'Ivoire (182.8%), Mozambique (164.8%), Sudan (148%), Tanzania (56.3%) dan Cameroon (44.5%).

Negara-negara Arab merupakan rakan dagang dan pelaburan strategik Malaysia. Dagangan



sehalu Malaysia dengan negara-negara anggota Majlis Kerjasama Teluk (GCC) bagi 10 tahun yang lepas telah bertambah lima kali ganda. Pada 2012, jumlah dagangan Malaysia dengan negara-negara anggota GCC meningkat sebanyak 6.4 peratus kepada RM46.9 bilion. Jumlah eksport bernilai RM18.5 bilion dengan penurunan sebanyak 2.8 peratus, manakala jumlah import bernilai RM28.4 bilion, peningkatan sebanyak 13.3 peratus. Eksport utama Malaysia ke GCC adalah minyak sawit, produk E&E dan produk kimia dan kimia, sementara petroleum dan produk petroleum merupakan import utama daripada rantau berkenaan.

Pada 2012, Malaysia mencatatkan jumlah dagangan RM6.1 bilion dengan Komanwel Negara-negara Merdeka (CIS). Eksport ke rantau berkenaan adalah bernilai RM4.0 bilion, manakala import bernilai RM2.1 bilion. Pada 2012, Malaysia dan Tatarstan di Persekutuan Rusia saling bertukar lawatan bagi mempromosi perdagangan dan pelaburan. Malaysia dan Kazakhstan juga menganjurkan beberapa pertemuan dan lawatan bagi meningkatkan dagangan termasuk Misi Pemasaran Khusus ke Kazakhstan yang diketuai oleh MATRADE. Di samping itu, mesyuarat meja bulat juga diadakan di antara Malaysia dan Turkmenistan pada November 2012.



Petroleum dan produk petroleum merupakan eksport utama negara.



Zuhair Jamaludin

MITI Johor

Kemuncak bagi MITI Johor untuk tahun 2012 adalah pelancaran Forum Ekonomi Dunia Islam ke-8 (WIEF) oleh Perdana Menteri Malaysia dan dihadiri oleh pemimpin, pembicara dan lebih 2000 delegasi dari 86 negara. MITI Johor juga menganjurkan lawatan-lawatan ke Johor oleh Perdana Menteri; Timbalan Perdana Menteri; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan Timbalan Menteri MITI (Perdagangan). Selaras dengan peningkatan minat dalam Iskandar Malaysia, MITI Johor juga menyelaraskan mesyuarat dengan bakal-bakal pelabur. MITI Johor telah mengeluarkan 158,894 Sijil Tempas pada 2012, peningkatan 29.8 peratus berbanding 2011.



Perkembangan utama di dalam perjanjian-perjanjian perdagangan

Perjanjian Perdagangan Malaysia-Chile (MCFTA) telah dikuatkuasakan pada Februari 2012. MCFTA merupakan perjanjian pertama Malaysia dengan negara Latin Amerika. Di bawah MCFTA, kedua-dua negara melaksanakan pengurangan/penghapusan bahagian pertama tarif, dan dua bahagian lagi dijadualkan pada 2014 dan 2016. Eksport Malaysia ke Chile bertumbuh sebanyak 10.9 peratus pada 2012, di mana para pengeksport Malaysia menikmati penghapusan dalam duti import Chile bagi 6,960 barisan tarif (90.2 peratus daripada jumlah barisan tarif), termasuk elektrik dan produk elektronik, gelung getah divulcan dan sarung tangan

surgikal. Sebagai pengeluar terbesar tembaga dunia, Chile juga menawarkan peluang bagi pengusaha elektrik dan elektronik yang menggunakan bahan tersebut secara meluas di dalam pembuatan mereka.

Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-Australia (MAFTA) yang ditandatangani pada Mei 2012 merupakan pencapaian penting bagi MITI. MAFTA menggariskan komitmen bagi dagangan produk, dagangan perkhidmatan dan kerjasama ekonomi bagi kedua-dua negara dan FTA ini juga melengkap Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN-Australia-New Zealand (AANZFTA) sedia ada. Australia akan menghapuskan 100 peratus tarif importnya dengan berkuatkuasanya FTA tersebut pada 1 Januari 2013, manakala Malaysia pula akan secara beransur-ansur mengurangkan atau menghapuskan tarif import bagi 99 peratus barisan tarifnya menjelang 2020. Sektor perkhidmatan Malaysia akan mendapat manfaat daripada komitmen liberalisasi perkhidmatan MAFTA, meliputi pendidikan, telekomunikasi dan perkhidmatan kewangan. Di samping itu, Malaysia dan Australia bersetuju untuk bekerjasama di dalam sektor automotif, pelancongan dan pertanian.

Malaysia, Chile dan Australia merupakan rakan runding di dalam **Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPP)** yang memasuki tahun



Arividya Arimuthu

MITI Brussels

MITI Brussels meneruskan peranan aktif bagi rundingan MEUFTA pada 2012. MITI Brussels juga berusaha bagi meningkatkan hubungan Malaysia-EU melalui jangkauan ruang bicara termasuk memberikan ucapan kepada ahli-ahli penting parlimen EU mengenai jalinan dan usahasama strategik. MITI Brussels mengekalkan fokus yang berorientasikan polisi pada 2012, menyelaras inisiatif bagi memperbaharui dan memulihkan jangkauan Malaysia dengan OECD.

ketiga rundingan pada 2012. Perjanjian ini akan mewujudkan pasaran tunggal dengan setengah bilion pengguna. Pada 2012, Mexico dan Kanada telah diterima memasuki rundingan TPP sebagai ahli rundingan baru. Pusingan rundingan menunjukkan perkembangan yang positif di mana rakan-rakan runding telah mencapai persetujuan bagi beberapa isu penting.

Malaysia dan EU terlibat di dalam rundingan yang berterusan bagi **Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-Kesatuan Eropah (MEUFTA)** pada 2012. Sebanyak lapan pusingan rundingan telah diadakan semenjak 2010, dan satu mesyuarat intersesi diadakan pada 2012 bagi Kumpulan Kerja Peraturan Tempasal, Perdagangan bagi perkhidmatan, Teknologi Hijau dan Remedi Perdagangan. Kedua-dua pihak akan meneruskan rundingan pada 2013.

Malaysia dan Turki menunjukkan kemajuan di dalam rundingan **Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-Turki (MTFTA)**. Rundingan bagi bab kerjasama ekonomi dan semua bab di bawah Perdagangan Barangan telah dimuktamadkan pada akhir 2012, kecuali bagi

bab Akses Pasaran dan Peraturan Tempasal. Selain daripada inisiatif FTA, kedua-dua negara juga telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) untuk menjalinkan kerjasama bagi kewangan dan kewangan Islam yang dijangka akan merapatkan lagi kerjasama di antara kedua-dua negara.

Pada 2012, **Malaysia dan Persatuan Perdagangan Bebas Eropah (EFTA)** yang terdiri daripada Switzerland, Norway, Iceland dan Liechtenstein bersetuju memulakan rundingan bagi Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-EFTA (MEFTA). Rundingan yang pertama akan diadakan pada 2013.

Perkembangan utama di dalam kumpulan-kumpulan ekonomi

Rundingan di Pusingan Doha, Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) menunjukkan kemajuan utama bagi pertanian, fasilitasi perdagangan, pembangunan dan penyelesaian sengketa. Rundingan-rundingan pertanian berfokus pada perjanjian pentadbiran Kuota Kadar Tarif (TRQ) dan langkah-langkah keselamatan makanan bagi negara-negara membangun. Satu Perjanjian Fasilitasi Perdagangan dijangka dikeluarkan pada 2013 hasil usaha bagi memperbaiki artikel-artikel

Ya, APEC merupakan institusi yang tidak mengikat ahli-ahlinya. Namun begitu, ahli-ahli ekonomi mestilah menyumbang kepada satu sama lain. Dan mereka hendaklah terus berpegang kepada prinsip yang membawa negara-negara yang berlainan ini bersama pada 1989, khususnya, semangat untuk membangun komuniti Asia-Pasifik yang dinamik dan harmoni dengan memperjuangkan perdagangan dan pelaburan terbuka dan adil, dan mempromosi dan mempercepatkan integrasi ekonomi serantau.

—Rebecca Fatima Sta Maria, Ketua Setiausaha, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, The Star, 23 September, 2012



Hiswani Harun

MITI Geneva

MITI Geneva memudahcara penyertaan Malaysia di rundingan Pusingan Doha sepanjang 2012. Ahli-Ahli WTO terus berusaha mencari pendekatan baru dan kreatif bagi menggerakkan rundingan ke hadapan pada Persidangan Peringkat Menteri Kesembilan (MC9) yang akan berlangsung di Bali Indonesia pada Disember 2013. Malaysia memainkan peranan penting melobi Ahli-Ahli WTO lain bagi menyokong Indonesia di dalam pencalonannya menjadi tuan rumah MC9 di Bali. Malaysia juga memainkan peranan mengenai rundingan perdagangan dan perluasan Perjanjian Teknologi Maklumat (ITA).

Perjanjian Am Mengenai Tarif dan Perdagangan (GATT) antara lainnya pada 2012. Malaysia menyokong perluasan Perjanjian Teknologi Maklumat (ITA) pada 2012. Perbincangan terkini mengenai ITA berfokus pada perluasan perjanjian bagi meliputi produk dan ahli baru. Badan Penyiasat MITI telah menghubungi badan-badan penyiasat daripada Indonesia, Turki, negara China dan Korea Selatan bagi berkongsi pandangan mengenai remedi perdagangan. Rundingan di Pusingan Doha belum dimuktamadkan sepenuhnya pada 2012.

Empat negara (Montenegro, Samoa, Rusia dan Vanuatu) menyelesaikan proses penyertaan ke WTO pada 2012. RDR Laos akan menamatkan proses domestik dan menjadi ahli WTO pada Februari 2013, menjadikan semua negara ahli ASEAN juga adalah ahli WTO dan membuka peluang pasaran baru bagi ASEAN.

Malaysia merupakan ahli yang aktif di dalam Pertubuhan Persidangan Negara-negara Islam (OIC) dengan menjadi tuan rumah bagi kedua-dua Forum Pelaburan Malaysia-IDB (Bank Pembangunan Islam) dan Forum Ekonomi Islam Dunia ke-8 (WIEF). Malaysia dan syarikat-syarikat antarabangsa menandatangani enam

MoU bernilai RM28.0 bilion pada forum WIEF.

Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC)

berjaya memfasilitasi perdagangan dan mempromosi integrasi ekonomi sepanjang 2012. Pada Kemuncak Pemimpin APEC, ekonomi-ekonomi APEC mengumumkan Deklarasi Vladivostok yang menyatakan sokongan kepada sistem perdagangan multilateral, memperkukuhkan integrasi ekonomi serantau, memacu liberalisasi perdagangan dan pelaburan serta menggalakkan kerjasama dan pertembungan peraturan.





APEC menangani isu generasi baru seperti ketelusan, pengukuhan rantai bekalan global, inovasi dan integrasi PKS ke dalam rantai pengeluaran global. Malaysia juga merupakan peserta aktif bagi membangunkan Senarai Barangan Persekitaran APEC 2012 yang menyediakan persetujuan konsensus penuh bagi liberalisasi pelbagai kategori persekitaran.

Pada 2012, Malaysia mengumumkan kesediaannya menjadi tuan rumah APEC pada 2020 yang juga merupakan tahun bagi Malaysia mencapai sasaran negara berpendapatan tinggi dan merupakan tahun akhir bagi Matlamat Bogor.

Prospek: Perdagangan dunia dan serantau

Malaysia menghadapi cabaran dari persekitaran luar yang tidak menentu bagi 2013. Jika ekonomi-ekonomi maju di kawasan euro tidak

menunjukkan perkembangan positif bagi menyelesaikan krisis hutang kerajaan, prospek pertumbuhan global dijangka akan terus lemah. Pemulihan kukuh di luar jangkaan bagi pasaran perumahan AS dan perkembangan ekonomi yang sihat di China akan menjana momentum pertumbuhan yang baru, mengimbangi keadaan di kawasan euro. Ekonomi-ekonomi di rantau Asia pula dijangka mengalami penambahbaikan di dalam permintaan domestik, khususnya di kalangan Negara-negara anggota ASEAN. Jalinan ekonomi yang rapat dengan ekonomi-ekonomi baru muncul di rantau ini melalui kumpulan-kumpulan seperti AEC akan membantu Malaysia dan negara-negara anggota lain mempelbagaikan pasaran dan mengurangkan pergantungan kepada ekonomi-ekonomi maju.

menjangkau para pengeksport Malaysia

Menjangkau para pengeksport Malaysia

Sekretariat Perdagangan Strategik (STS) menyelaras pelaksanaan Akta Perdagangan Strategik 2010 (STA) yang mengawal eksport, transit, pemungghaan barang dan proses pengantaraan (brokering) barang-barang strategik yang boleh digunakan bagi rekacipta, membentuk dan mengeluarkan senjata pemusnah besar-besaran (WMD) dan sistem penghantarannya. Langkah-langkah yang diambil adalah selari dengan pematuhan Malaysia bagi memenuhi Resolusi 1540 tahun 2004 – Resolusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Pada 2012, STS menganjurkan sebanyak 48 program jangkauan bagi meningkatkan kesedaran dan mendidik para pengeksport Malaysia mengenai pelaksanaan dan pematuhan kepada keperluan STA. Syarikat-syarikat digalakkan membentuk Program Pematuhan Dalam (ICP) bagi kawalan eksport. Pada akhir 2012, STS telah memperakukan ICP bagi 90 buah syarikat. Terkini, STS telah mengeluarkan sejumlah 3,747 permit/sijil.

Anugerah Kecemerlangan Industri (AKI) diperkenalkan pada 1991 bagi mengiktiraf kecemerlangan di dalam produk dan perkhidmatan, pengurusan berkualiti, eksport dan penjenamaan syarikat-syarikat tempatan. Setelah beberapa tahun penganjurannya, terdapat peningkatan dalam bilangan syarikat sektor swasta yang mengambil bahagian di dalam anugerah tersebut dan bilangan syarikat berteknologi tinggi.

Sehingga kini, AKI telah berjaya memberi dorongan kepada pemain-pemain industri bagi membangun dan memperkukuh perdagangan dan perindustrian negara, menggalakkan syarikat-syarikat tempatan mengembangkan sayap ke pasaran serantau dan global serta menjadi platform bagi mempromosi eksport barangan pembuatan Malaysia.

MITI sedang menyemak semula AKI dan merancang untuk memperkenalkan AKI yang lebih baik pada 2013 dengan pengenalan konsep, kategori, kriteria penilaian, insentif baru serta kerjasama dengan pihak lain.

FTA Pocket Talk merupakan program kesedaran bertujuan mendidik komuniti perniagaan Malaysia mengenai faedah dan peluang yang ditawarkan melalui perjanjian-perjanjian perdagangan bebas (mengurangkan duti import dan layanan keistimewaan tarif bagi pengeksport Malaysia serta harga bahan mentah yang lebih murah bagi pengimport Malaysia). Program-program ini membantu peserta di dalam proses permohonan sijil tempasal (COO), yang merupakan syarat bagi layanan keistimewaan duti import. Sejumlah 23 sesi **Pocket Talk** telah diadakan di seluruh negara dengan 513 peserta pada 2012.



Forum Pelaburan Malaysia-IDB

Dari 9 - 11 Mei 2012, Malaysia telah menjadi tuan rumah bagi Forum Pelaburan Malaysia-Bank Pembangunan Islam (IDB) di Kuala Lumpur. Forum ini bertujuan bagi menarik pelabur-pelabur ke negara-negara OIC terutama di rantau Teluk dan meneroka peluang pelaburan di Malaysia. Ia juga menjadi platform bagi IDB mengetengahkan dan mempromosikan produk dan perkhidmatan kewangan kepada para peserta. Lebih 400 peserta daripada 33 negara menghadiri forum tersebut.

YAB Dato' Sri Najib Tun Razak, Perdana Menteri Malaysia telah merasmikan Forum yang bertemakan *Jalinan Perkongsian Perdagangan Strategik di antara Malaysia dan Negara-Negara Ahli IDB*. Di majlis perasmian tersebut, Perdana Menteri juga telah melancarkan dokumen "Strategi Perkongsian Negara Ahli (MCPS)". MCPS merupakan strategi jangka pendek yang menggariskan kerjasama di antara Malaysia dan IDB bagi tempoh tiga tahun.

Perbincangan di Forum ini meliputi perkongsian kisah-kisah kejayaan IDB, perkembangan-perkembangan ekonomi terkini dan peluang pelaburan di Malaysia. Para peserta dari OIC juga mempelajari pengalaman Malaysia di dalam pengurusan haji, pembangunan industri halal, pendidikan tinggi, perdagangan intra-kumpulan dan pengkomersilan inovasi.



Seramai 74 peserta mengambil bahagian di dalam sesi padanan perniagaan bagi mendapatkan peluang perniagaan dan kerjasama di dalam bidang kewangan, pembuatan, elektrik dan elektronik, automotif, hartanah, pembinaan, penyelidikan dan pembangunan, pelancongan dan perkhidmatan. Satu pameran juga diadakan pada 9 dan 10 Mei 2012 bersempena dengan forum ini dengan penyertaan 14 organisasi daripada agensi Kerajaan Malaysia yang terlibat.

Forum ini berjaya mencapai matlamatnya mempromosi projek usahasama di antara syarikat dan pelabur dari negara-negara OIC, berkongsi maklumat mengenai peluang-peluang pelaburan di negara-negara OIC dan menaikkan imej Malaysia sebagai destinasi pelaburan menarik.

Dasar Pandang ke Timur – dimensi baru

Tahun 2012 menandakan ulang tahun ke-30 Dasar Pandang ke Timur (LEP) yang telah menjadi komponen penting bagi hubungan sehalu Malaysia-Jepun dan Malaysia-Korea semenjak 1982. Dasar ini telah berjaya melatih lebih 15,000 rakyat Malaysia di dalam pengetahuan, kepakaran dan nilai budaya kerja Jepun dan Korea Selatan.

Bagi memperingati ulangtahun dasar tersebut, MITI dengan kerjasama Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan Pertubuhan Ekonomi Malaysia-Jepun (MAJECA) telah menganjurkan *Dasar Pandang Ke Timur – Satu Dimensi Baru & Persidangan Bersama ke-31 MAJECA-JAMECA* di Hotel Istana, Kuala Lumpur pada 10 Oktober 2012. YAB Dato' Sri Najib Tun Razak, Perdana Menteri Malaysia telah merasmikan persidangan yang dihadiri oleh 620 peserta dari Malaysia dan Jepun.

Di dalam ucaptamanya, Perdana Menteri telah menggariskan tiga fokus baru LEP. Dimensi baru dasar ini akan meliputi perkongsian dengan perusahaan kecil dan sederhana Jepun dan syarikat-syarikat Malaysia di bidang seperti teknologi hijau, program disasar bagi mencapai objektif Program Transformasi Ekonomi (ETP) di tiga bidang prospek pertumbuhan (kesihatan, pendidikan dan pelancongan) dan pembentukan institusi iaitu Institut Teknologi Antarabangsa Malaysia-Jepun.



Gelombang kedua LEP akan berfokus bagi menarik pelaburan berteknologi tinggi ke Malaysia di dalam industri seperti teknologi hijau, bioteknologi dan teknologi maklumat. Dasar ini memberi manfaat kepada Jepun dan Korea Selatan dengan melahirkan siswazah-siswazah Malaysia yang berkemahiran tinggi yang boleh berkomunikasi di dalam bahasa Jepun dan Korea. Di samping itu, syarikat-syarikat Jepun dan Korea juga boleh menjadikan Malaysia sebagai laluan ke pasaran-pasaran di ASEAN dan Asia Barat.



***megatrend* dan
peluang bagi sektor
pembuatan**

megatrend dan peluang bagi sektor pembuatan

Perkembangan ekonomi global dan *megatrend* di seluruh dunia yang didorong oleh teknologi baru mewujudkan prospek-prospek baru bagi sektor pembuatan terutama bagi sektor nilai dan berteknologi tinggi seperti penyediaan infrastruktur bandar, produk-produk pintar, e-Mobility, peranti perubatan yang canggih dan peralatan ketepatan tinggi.


Pasaran untuk peranti perubatan semakin berkembang.



Perkembangan ekonomi global dan *megatrend* di seluruh dunia yang didorong oleh teknologi baru mewujudkan prospek-prospek baru bagi sektor pembuatan terutama bagi sektor nilai dan berteknologi tinggi seperti penyediaan infrastruktur bandar, produk-produk pintar, e-Mobility, peranti perubatan yang canggih dan peralatan ketepatan tinggi.

Ketidaktentuan ekonomi global pada 2012 terus memberikan kesan kepada persekitaran luaran dan melemahkan permintaan bagi produk-produk pembuatan. Faktor-faktor seperti krisis hutang kerajaan di Eropah dan jurang fiskal di Amerika Syarikat (AS) serta ekonomi Jepun yang lembap memberikan kesan kepada prestasi eksport barangan pembuatan. Para pengilang Malaysia berhadapan dengan persaingan yang semakin meningkat daripada pengilang ekonomi-ekonomi membangun seperti China dan negara-negara ASEAN, terutama di dalam pengeluaran nilai tambah tinggi.

Walaupun menghadapi cabaran-cabaran ini, sektor pembuatan bertumbuh dengan kukuh



Malaysia perlu meningkatkan rantaian nilai E&E-nya

pada 4.8 peratus pada 2012, berbanding 4.7 peratus pada 2011. Pembuatan menyumbang 1.2 peratus kepada pertumbuhan KDNK dan merupakan penyumbang kedua terbesar selepas sektor perkhidmatan. Seperti tahun sebelum ini, industri berorientasikan domestik bertumbuh pada kadar tinggi berbanding industri berorientasikan eksport.

Pengeluaran kluster berorientasikan eksport utama Malaysia seperti elektrik dan produk elektronik (E&E), terutama bagi semikonduktor menyaksikan pemulihan berikutan gangguan daripada bencana alam di Jepun dan Thailand pada 2011. Output bagi kluster berkaitan industri utama meningkat disebabkan terdapat permintaan berterusan bagi kimia dan produk petroleum. Industri berorientasikan eksport negara bertumbuh pada 3.9 peratus pada

2012, berbanding 3.4 peratus pada 2011. Pada masa yang sama, permintaan domestik yang meningkat menyumbang kepada prestasi yang lebih baik industri pembuatan berorientasikan domestik terutama bagi kluster pembinaan dan kluster berkaitan pengguna. Industri berorientasikan domestik bertumbuh 8.3 peratus, berbanding 8.2 peratus pada tahun sebelumnya.

Pertumbuhan melalui pelaburan berkualiti


Kualiti pelaburan adalah sama pentingnya dengan kuantiti pelaburan yang diperolehi dalam usaha untuk menjadikan Malaysia negara berpendapatan tinggi. Dunia semakin dibentuk dengan *megatrend* di kawasan bandar, produk-produk pintar, *e-connectivity*, penjagaan kesihatan dan perubahan di dalam

masyarakat. Bagi menghadapi perubahan-perubahan ini, sektor pembuatan negara memerlukan lebih banyak pelaburan berkualiti di dalam bidang berintensif modal, nilai tambah tinggi dan teknologi tinggi.


Sektor pembuatan Malaysia dapat bertahan menghadapi persekitaran pelaburan yang semakin kompetitif. Walaupun dengan persekitaran ekonomi yang tidak menentu, kebanyakan sub-sektor mencatatkan peningkatan di dalam pelaburan, seperti sub-sektor peralatan pengangkutan, kimia dan produk kimia dan produk petrokimia. MIDA meluluskan sebanyak 804 projek pembuatan bernilai RM41.0 bilion pada 2012 berbanding 846 projek pembuatan dengan pelaburan RM56.1 bilion pada 2011. Daripada jumlah ini, RM20.8 bilion merupakan pelaburan asing, manakala RM20.2 bilion merupakan pelaburan daripada sumber domestik (lihat Carta 13).

Walaupun aliran pelaburan global adalah perlahan, Malaysia berupaya menarik jumlah pelaburan yang signifikan di dalam pelaburan pembuatan. Pada 2012, pelaburan bagi projek baru bernilai RM26.8 bilion atau 65.4 peratus daripada jumlah pelaburan diluluskan. MIDA juga meluluskan sebanyak 331 projek perluasan dan diversifikasi bernilai RM14.2 bilion. Kesemua projek ini dijangka

Carta 13: Pelaburan Domestik dan Pelaburan Asing Bagi Projek Diluluskan, 2008 – 2012 (RM Bilion)



Carta 14: Peluang Pekerjaan di dalam Sektor Pembuatan, 2008 – 2012




mewujudkan 76,631 peluang pekerjaan dengan 73.5 peratus terdiri daripada kategori pengurusan, teknikal, penyeliaan dan tenaga kerja berkemahiran (lihat Carta 14).

Nisbah Pelaburan Modal bagi Setiap Pekerja (CIPE) bagi projek pembuatan diluluskan adalah RM535,715. Nisbah ini menunjukkan tren menaik sejak ia direkodkan pada 1990 pada RM167,638. Bagi tempoh 2000

sehingga 2012, tren umum nisbah CIPE terus menunjukkan pertumbuhan (lihat Carta 15).

Sumber-sumber utama bagi pelaburan asing pada 2012 adalah Jepun (RM2.8 bilion), Arab Saudi (RM2.6 bilion), Singapura (RM2.2 bilion), China (RM2.0 bilion) dan Korea Selatan (RM1.6 bilion). Negara-negara ini mewakili 53.8 peratus jumlah pelaburan asing diluluskan bagi tempoh tersebut.

Carta 15: Nisbah Pelaburan Modal bagi Setiap Pekerja (CIPE) bagi Projek Diluluskan, 2000-2012





Negeri Selangor merupakan penerima terbesar pelaburan diluluskan berjumlah RM11.7 bilion, diikuti oleh Johor, RM5.5 bilion; Sabah, RM5.0 bilion; Sarawak, RM4.7 bilion dan Negeri Sembilan, RM2.7 bilion.

Dana Strategik Pelaburan Domestik bernilai RM1.0 bilion dilancarkan oleh Kerajaan pada Julai 2012 bertujuan bagi mempercepatkan peralihan syarikat milik Malaysia di dalam industri sasaran ke industri nilai tambah dan teknologi tinggi, berintensifkan pengetahuan dan berasaskan inovasi.


Pemacu pertumbuhan eksport Malaysia

Industri berasaskan eksport Malaysia mengalami pertumbuhan marginal sebanyak 0.6 peratus pada 2012 berbanding 3.4 peratus pada 2011. Pertumbuhan eksport mendapat impak daripada krisis hutang di kawasan euro, pemulihan ekonomi AS yang perlahan dan kelembapan ekonomi Jepun serta pertumbuhan perlahan di China dan India. Prestasi eksport Malaysia bergantung kepada permintaan di Asia yang menyumbang

72.2 peratus kepada jumlah eksport. Dengan peningkatan pendapatan dan golongan kelas pertengahan, Asia merupakan pasaran pengguna yang cepat bertumbuh di dunia dan perkembangan ini dijangka akan berterusan disebabkan pembangunan berterusan di negara-negara Asia dan hubungan dagangan yang mendalam di antara negara-negara tersebut. Eksport Malaysia ke Asia meningkat sebanyak 1.9 peratus mencecah RM507.1 bilion pada 2012.


Eksport barangan pembuatan adalah sebanyak RM470.4 bilion mewakili 67.0 peratus daripada jumlah eksport Malaysia. Produk E&E terus menyumbang secara signifikan kepada jumlah eksport dan mewakili 32.9 peratus daripada eksport keseluruhan. Eksport bagi industri E&E ke AS, Thailand dan Vietnam telah meningkat disebabkan permintaan yang tinggi. Industri E&E juga telah menunjukkan tanda-tanda pemulihan pada separuh kedua 2012. Peningkatan eksport juga dicatatkan oleh kimia dan produk kimia, optikal dan peralatan saintifik dan peranti perubatan, solar dan sektor peralatan penjimatan tenaga.

Carta 16: Jumlah Eksport Barangan Pembuatan, 2012 (RM704.4 bilion)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 17: Destinasi Eksport Global bagi Produk Malaysia, 2008 – 2012



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia



Singapura sekali lagi menjadi destinasi terbesar eksport Malaysia, meningkat satu tangga berbanding 2011. Eksport ke Singapura berjumlah RM95.5 bilion, meningkat sebanyak 8.3 peratus berbanding 2011. Eksport E&E merupakan bahagian terbesar eksport (38.8 %). Produk petroleum ditapis mewakili 27.9 peratus eksport ke Singapura.

Eksport ke China berjumlah RM88.8 bilion, menurun 3.1 peratus dan merupakan destinasi eksport kedua terbesar barangan Malaysia. Lebih 70.0 peratus daripada jumlah eksport ke China terdiri daripada barangan pembuatan, menunjukkan peningkatan sebanyak 3.1 peratus pada 2012. Eksport pembuatan yang utama ke China adalah produk E&E, kimia dan produk kimia, produk getah dan optikal dan peralatan saintifik.

Eksport ke Jepun pada 2012 meningkat sebanyak 1.9 peratus kepada RM82.9 bilion. Aktiviti-aktiviti pembinaan semula Jepun selepas gempa bumi dan tsunami pada Mac 2011 menyumbang kepada pengeksporan barangan pembuatan Malaysia. Eksport optikal dan peralatan saintifik meningkat terutama bagi kamera yang direka khas untuk penggunaan di bawah air. Permintaan juga turut meningkat bagi hibrid dan litar bersepadu elektronik lain, transistor dan telefon selular dan set telefon wayarles.

AS menunjukkan tanda-tanda awal pemulihan pada 2012. Eksport Malaysia ke AS bertumbuh 5.4 peratus kepada RM60.8 bilion menjadikan AS destinasi eksport keempat terbesar bagi barangan Malaysia seperti produk E&E.

Aktiviti-aktiviti pengeluaran Thailand pulih pada pertengahan 2012 berikutan gangguan akibat bencana banjir pada 2011. Ini menyebabkan



Syahril Syazli Ghazali

MITI Jakarta

Pada 2012, MITI Jakarta menyelaras lawatan-lawatan kerja dan pertemuan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri dengan pemimpin-pemimpin perdagangan tempatan di Jakarta dan Surabaya. MITI Jakarta juga membantu menguruskan aktiviti-aktiviti perdagangan dan pelaburan yang melibatkan Menteri-Menteri lain, agensi-agensi kerajaan dan persatuan-persatuan perniagaan termasuk Perbadanan Pembangunan Industri Halal (HDC), Lembaga Pembangunan Wilayah Iskandar (IRDA), Malaysia Property Inc. (MPI), Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia (FMM) dan Majlis Perniagaan Malaysia-Indonesia (MIBC). Di samping itu, MITI Jakarta juga menyelaras lawatan Kamar Dagang dan Industri Indonesia (KADIN) dan Himpunan Pengusaha Muda Indonesia (HIPMI) ke Kuala Lumpur.

peningkatan dalam permintaan bagi bahan-bahan mentah, produk perantaraan dan barangan pengguna. Eksport ke Thailand meningkat sebanyak 5.5 peratus kepada RM37.7 bilion dengan beberapa sektor mengalami pertumbuhan dua digit seperti produk E&E, optikal dan peralatan saintifik serta alat ganti automotif dan aksesori.

Indonesia merupakan destinasi eksport ketiga terbesar di kalangan negara ASEAN dan merupakan destinasi kesembilan terbesar keseluruhan bagi 2012. Eksport meningkat sebanyak 32.5 peratus kepada RM27.6 bilion pada 2012. Industri-industri di Indonesia mengalami pertumbuhan yang kukuh menyumbang kepada peningkatan permintaan barangan Malaysia seperti produk petroleum ditapis, kimia dan produk kimia, besi dan produk keluli, jentera, perkakasan dan alat ganti serta lain-lain produk.

Malaysia memanfaatkan akses layanan keutamaan ke pasaran di India berikutan pelaksanaan **Perjanjian Komprehensif Ekonomi Malaysia-India** pada 2011. Akses pasaran yang lebih baik ditambah pula dengan pertumbuhan ekonomi yang lebih kukuh dan aktiviti pembuatan yang aktif

telah mendorong pertumbuhan eksport ke India kepada RM29.3 bilion pada 2012, meningkat sebanyak 4.2 peratus daripada tahun sebelumnya. Peningkatan eksport bagi kelapa sawit, produk E&E, petroleum mentah, kimia dan produk kimia serta pembuatan logam menyumbang kepada pertumbuhan tersebut.



Eksport Malaysia ke Asia Barat adalah sebanyak 3.8 peratus dengan nilai RM26.7 bilion. Asia Barat merupakan pasaran dengan potensi pertumbuhan di mana eksport ke rantau tersebut terhad kepada produk-produk tertentu seperti kelapa sawit, produk E&E dan kimia dan produk kimia.

Latin Amerika juga menjadi semakin penting sebagai destinasi perdagangan. Eksport ke rantau tersebut bernilai RM12.1 bilion dengan separuh daripada nilai tersebut terdiri daripada produk E&E. Eksport-eksport lain yang penting termasuk produk getah, kimia dan produk kimia serta jentera, perkakasan dan alat ganti.

Daripada *megatrend* kepada perniagaan masa hadapan

MITI berhasrat memanfaatkan *megatrend* seperti pertumbuhan bagi sektor hijau dan *e-connectivity*, yang akan memberikan kesan signifikan kepada masyarakat global. Sektor pembuatan akan memanfaatkan tren-tren ini dengan melangkah selari dengan halatuju baru yang dikenalpasti bagi pertumbuhan masa hadapan.

Dengan meningkatnya kadar **urbanisasi**, pusat bandar akan diintegrasikan dengan kawasan pinggir bandar dan bandar-bandar satelit yang akan menyebabkan perluasan had bandar. Bandar-bandar jenis baru seperti bandar-bandar mega, wilayah-wilayah koridor dan bandar-bandar pintar akan memberi impak besar kepada pergerakan, budaya kerja dan masyarakat di masa depan. Para pekilang, pembekal perkhidmatan dan pelabur akan mengambil pendekatan **“Bandar sebagai Pelanggan”**. Selain daripada negara, bandar juga akan menjadi hab pelaburan, penciptaan kekayaan dan pertumbuhan ekonomi. Permintaan setiap bandar bagi infrastruktur-infrastruktur yang khusus, akan memberikan implikasi dan pelbagai peluang kepada syarikat. Di Malaysia, Kerajaan berhasrat menjadikan Kuala Lumpur/Lembah Kelang bandaraya saling berhubung (*connected city*) di mana para penduduknya boleh menikmati pelbagai kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan.

Pengguna-pengguna industri sudah mula mengambil pendekatan “**Smart is the new Green**” yang bermaksud produk-produk pintar merupakan produk-produk hijau yang baharu. Ini disebabkan pengguna produk dan perkhidmatan generasi baru lebih responsif kepada perubahan persekitaran dan keperluan pengguna dan bukan setakat ciri-ciri barangan hijau. **Produk-produk pintar** semakin disepadukan dengan teknologi internet, memenuhi kriteria hijau dengan keberkesanan dan penjimatan tenaga sehingga 30.0 peratus dan secara amnya memberikan dua sehingga tiga tahun pulangan atas pelaburan (ROI). Kerajaan telah mengambil beberapa langkah mempromosi pelaburan teknologi hijau termasuk melalui Model Ekonomi Baru bagi mempercepatkan pertumbuhan ekonomi negara, mempromosi pembangunan mampan dan meningkatkan pendidikan dan kesedaran awam.

Tren sosial yang berubah berpotensi membawa peluang perniagaan di dalam aplikasi khas dan teknologi inovasi. Tren sosial termasuk keperluan Generasi Y yang semakin signifikan, golongan pertengahan



e-Mobility bertujuan bagi membawa perubahan dalam industri automatif

yang semakin canggih, balikan *brain drain* dan pengupayaan wanita. Tren baru muncul di dalam rangkaian, pemasaran digital dan lain-lain kaedah interaksi di antara individu dan organisasi apabila rangkaian sosial memasuki tahap baru (geo-sosialisasi). Teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta industri teknologi hijau dijangka menjadi lebih penting dengan perubahan-perubahan sosial ini.

Pada awal industri pembuatan Malaysia, barangan dan teknologi boleh dikategorikan secara nyata dengan fungsinya. Kini, tren **salinghubung dan pertembungan** (*connectivity and convergence*) membawa kepada teknologi dan inovasi bersepadu dan menyebabkan fungsian barangan dan perkhidmatan tidak lagi boleh dikategorikan. Produk seperti kereta elektrik terdiri daripada pelbagai ciri inovasi termasuk penstoran tenaga, navigasi satelit dan sistem pintar. Keseluruhan industri seperti IT penjagaan kesihatan terdiri daripada komunikasi, interaksi dan menjalankan perniagaan dilaksanakan dengan lebih bersepadu. Teknologi seperti Hab Rumah Pintar akan menjadi kebiasaan di dalam hidup harian penduduk.

e-Mobility akan mengubah industri automotif negara



Dengan penciptaan inovasi seperti perubahan pintar, hospital maya dan dokumen siber, industri **Kesehatan dan Kesejahteraan Diri** akan diubah secara radikal terutama bagi bidang seperti R&D, diagnostik dan pemantauan. Di masa depan, diagnostik akan menjadi kurang invasif, preventatif dan berasaskan imejan. Ubat-ubatan akan dipasarkan sebagai molekul dan ubat koktel yang boleh disesuaikan dengan pesakit. Syarikat-syarikat di semua sektor akan menawarkan kesihatan, penjagaan dan kesejahteraan diri sebagai nilai saranan (*value proposition*) dan faktor membezakan yang penting. Tren ini akan menyebabkan banyak peluang pelaburan baru diwujudkan bagi perkhidmatan penjagaan kesihatan dan peranti perubahan.

Sebanyak US\$41.0 bilion dijangka akan diperuntukkan bagi projek infrastruktur di seluruh dunia pada tahun 2005 sehingga 2030 yang akan menyebabkan peningkatan di dalam kualiti dan keberkesanan operasi di sektor-sektor seperti

pengangkutan, tenaga dan air. Model-model baru perniagaan akan meliputi perkongsian kereta, elaun pergerakan, keretapi berkelajuan tinggi dan lebih peruntukan kerajaan bagi membangunkan sistem pengangkutan pintar (ITS). Permintaan masa depan bagi solusi-solusi e-Mobility akan menekankan pergerakan individu dan pengangkutan yang tidak semestinya di dalam bentuk kereta atau trak. Dengan perjalanan menjadi lebih bersepadu dan pelbagai modal, pihak yang bertanggungjawab mengintegrasikan (*integrator*) akan memasuki pasaran industri yang pelbagai seperti operasi keretapi dan bas, pajakan dan sewaan, telekom dan ICT. Pembangunan keretapi berkelajuan tinggi berpotensi mendorong penubuhan pusat-pusat inovasi baru, R&D dan pusat-pusat kecemerlangan teknik. Pembangunan wilayah-wilayah koridor pengangkutan keretapi akan menyebabkan pertumbuhan kluster-kluster ekonomi dan teknologi yang akan menarik lebih banyak pelaburan dan fasilitasi kerajaan. Peluang-peluang pelaburan dijangka akan wujud bagi tembaga, perak/wayar tembaga magnesium, keluli, peralatan pembinaan dan lain-lain bidang.

Meneroka projek-projek nilai tinggi

Pasaran global yang lembab telah memberikan kesan kepada **industri E&E** pada 2012 dengan penurunan eksport E&E sebanyak 2.6 peratus kepada RM231.2 bilion. Produk E&E tetap



Hairil Yahri Yaacob

MITI Washington DC

MITI Washington DC menyelaras lawatan Perdana Menteri Malaysia ke New York dan Washington DC pada 2012 yang menunjukkan kepentingan Amerika Syarikat sebagai rakan dagang keempat terbesar Malaysia. Sebagai langkah memperkukuhkan daya saing global negara, AS telah mengeluarkan Malaysia dari Laporan Khusus 301 Wakil Perdagangan Amerika Syarikat (USTR). Laporan ini berfokus kepada penggalakkan dan mengekalkan perlindungan hak harta intelek (IPR) dan penguatkuasaan dengan rakan dagang. Ini menunjukkan komitmen Malaysia memperbaiki rejim IPR yang akan meningkatkan daya tarikan negara sebagai destinasi pelaburan antarabangsa.

menjadi eksport utama Malaysia dan mewakili 49.2 peratus eksport pembuatan.

Malaysia merupakan antara negara-negara utama di dalam pengeluaran E&E di pasaran Asia Pasifik, khususnya bagi Singapura, AS, EU, Jepun dan Taiwan yang merupakan destinasi-destinasi utama eksport. Eksport ke AS meningkat 7.9 peratus kepada RM32.9 bilion, disumbang oleh peningkatan eksport peralatan semikonduktor fotosensitif. Eksport E&E meningkat ke Thailand sebanyak 20.2 peratus kepada RM12.5 bilion didorong oleh permintaan bagi alat ganti dan aksesori bagi mesin memproses data automatik. Di samping itu, peningkatan eksport ini berlaku selepas Thailand pulih daripada banjir pada 2011.

Di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA), industri E&E disasar untuk berfokus kepada aktiviti-aktiviti pembuatan dengan pertumbuhan tinggi. Sub-sektor sasaran termasuk semikonduktor, panel solar dan diod pemancar cahaya (LED). Prestasi bagi sub-sektor semikonduktor adalah ketara dengan jualan semikonduktor dan komponen elektronik meningkat sebanyak 13.8 peratus kepada RM79.3 bilion pada 2012. Kerajaan juga menyokong sub-sektor LED dengan dasar

larangan jualan dan pembelian mentol lampu pijar 100-watt bermula 2011.

Industri E&E menarik 112 projek dengan kelulusan pelaburan RM3.9 bilion pada 2012. Pelaburan ini akan mewujudkan sejumlah 18,163 pekerjaan bagi industri E&E. Satu projek bagi sub-sektor elektrik yang ketara melibatkan pelaburan bernilai RM1.4 bilion bagi pengeluaran jongkong dan wafer silikon gred solar serta dijangka meningkatkan rantaian nilai solar.

Menjadi pemangkin industri kimia

Penyumbang kedua terbesar kepada jumlah eksport pembuatan Malaysia adalah industri kimia dan produk kimia. Eksport **kimia dan produk kimia** menurun sebanyak 1.8 peratus kepada RM46.4 bilion dan defisit perdagangan bagi sub-sektor ini meningkat kepada RM5.7 bilion pada 2012 daripada RM3.9 bilion pada 2011. Sub-sektor ini membangunkan kapasiti tambahannya dengan 73 projek diluluskan dengan jumlah modal pelaburan RM6.4 bilion pada 2012. Sejumlah RM5.7 bilion adalah daripada pelaburan asing, peningkatan 76.1 peratus yang menunjukkan peningkatan keyakinan pelabur di dalam sub-sektor ini. Secara keseluruhannya, projek-projek

ini akan mewujudkan 2,740 pekerjaan bagi industri kimia.

Sub-sektor petroleum Malaysia termasuk petrokimia tetap kukuh pada 2012 walaupun ia mengalami proses diversifikasi dan pembangunan kapasiti. Eksport bagi produk petroleum menurun sebanyak 5.0 peratus kepada RM3.4 bilion pada 2012, manakala import bagi produk yang sama meningkat sebanyak 1.1 peratus kepada RM6.7 bilion. Walau bagaimanapun, pelaburan diluluskan berkembang secara signifikan lebih dua kali ganda kepada RM6.0 bilion pada 2012. Sejumlah 77.3 peratus daripada pelaburan ini adalah daripada sumber-sumber domestik.



Pelaburan-pelaburan ini diagihkan bagi 14 projek yang akan mewujudkan 1,274 pekerjaan. Pelaburan yang terbesar adalah projek penghasilan ammonia dan baja urea berbutir di Sabah dengan nilai RM4.5 bilion.

Sub-sektor plastik bertumbuh perlahan pada 2012 disebabkan sektor luar yang lemah. Eksport meningkat sebanyak 1.2 peratus dari RM5.0 bilion bagi enam bulan pertama 2011 kepada RM5.1 bilion bagi enam bulan pertama 2012. Sejumlah 57 projek dengan pelaburan RM1.1 bilion diluluskan pada 2012. Projek-projek ini akan menyediakan peluang pekerjaan kepada 3,910 orang.



Plastik merupakan bahan yang boleh didapati di dalam produk-produk pengguna.



Azman Poji

MITI Sabah

Pada 2012, MITI Sabah menganjurkan dua program jaringan media di Kota Kinabalu dan Tawau bagi memperkukuhkan hubungan dengan media tempatan dan memudahkan aliran maklumat kepada komuniti perniagaan. MITI Sabah juga menyediakan input mengenai pembangunan industri negeri kepada Timbalan Perdana Menteri Malaysia semasa sesi makan malam jaringan dengan dewan-dewan perniagaan negeri di Kota Kinabalu dan menganjurkan sesi-sesi dialog dengan pelbagai agensi kerajaan dan dewan perniagaan mengenai halangan-halangan kepada daya saing eksport Sabah.

Menguasai pasaran penjagaan kesihatan yang menguntungkan

NKEA Penjagaan Kesihatan menekankan penglibatan sektor swasta di dalam industri kesihatan dan mengambil peluang ke atas peluang-peluang pertumbuhan bagi **industri farmaseutikal dan peranti perubatan**. Kerajaan menyokong pembuatan

farmaseutikal melalui Projek Permulaan (EPP) kesihatan seperti penubuhan Pusat Klinikal Penyelidikan Malaysia (CRM) bagi merangsang pertumbuhan percubaan-percubaan klinikal dan Perjanjian *Off-Take* bagi memberikan insentif kepada pengeluar farmaseutikal generik dan lain-lain projek. Tujuh tambahan EPP telah dikenalpasti bagi menyokong industri peranti perubatan di bidang seperti produk Diagnostik



Pengusaha farmaseutikal negara akan menguasai pasaran yang luas bagi ubatan generik mereka.



Mohammad Sanusi Abd. Karim

MITI Tokyo

MITI Tokyo meningkatkan hubungan dagangan Malaysia dan Jepun melalui pelbagai inisiatif dan aktiviti termasuk menyelaras program-program perniagaan sempena dengan lawatan Yang di-Pertuan Agong Malaysia, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan Timbalan Menteri MITI (Perdagangan). Di samping menyelaras penyertaan Malaysia di dalam pameran dan mengadakan perbincangan dengan Parti Demokratik Liberal, MITI juga menganjurkan lawatan pertemuan bagi eksekutif-eksekutif perniagaan Jepun dengan Perdana Menteri Malaysia di Malaysia. MITI Tokyo telah menamatkan operasinya pada Disember 2012 selari dengan rancangan rasionalisasi pejabat-pejabat di luar negara.

In-Vitro, produk Peralatan Penggunaan Tunggal Teras dan kontrak pengeluaran peranti perubatan bernilai tinggi. Di samping itu, Akta Peralatan Perubatan 2012 dan Akta Pihak Berkuasa Peranti Perubatan 2012 yang berkuatkuasa Februari 2012, menyediakan parameter peraturan kepada industri peranti perubatan di Malaysia.

Eksport **produk-produk farmaseutikal** Malaysia meningkat sebanyak 16.8 peratus kepada RM954.0 juta pada 2012. Singapura, Brunei Darussalam dan AS merupakan destinasi utama bagi produk tersebut. Pada 2012, pelaburan diluluskan bagi projek-projek farmaseutikal adalah bernilai RM258.5 juta. Eksport peranti perubatan mencecah RM14.0 bilion pada 2012, meningkat 9.1 peratus berbanding 2011. Prestasi menggalakkan ini didorong oleh eksport utama termasuk sarung tangan pemeriksaan dan surgikal (RM10.6 bilion), peralatan dan perkakasan optalmik dan pergigian (RM935.5 juta) dan lain-lain peralatan, apparatus dan perkakasan perubatan (RM570.9 juta). Destinasi utama eksport bagi peranti perubatan Malaysia termasuk AS, Eropah dan Jepun.

Sebanyak 16 projek dengan nilai pelaburan RM253.3 juta diluluskan pada 2012 termasuk 13 projek (RM113.9 juta atau 45.0%) bagi pengeluaran produk atasan dan nilai tambah tinggi.

Pelaburan dalam R&D pembuatan struktur pesawat meningkatkan inovasi.



Kemajuan di dalam industri aeroangkasa

Kerajaan mengunjurkan sub-sektor penyelenggaraan, baik pulih dan rombak rawat (MRO) **industri aeroangkasa** bertumbuh daripada 12.0 kepada 15.0 peratus setiap tahun. Bagi mendorong inovasi di dalam industri aeroangkasa, Kerajaan merancang untuk menubuhkan Pusat Inovasi Pembuatan Aerostruktur (AMIC) yang akan menjadi pusat bagi pengeluaran R&D struktur pesawat.

Pada 2012, sebanyak 11 projek diluluskan bagi industri aeroangkasa dengan pelaburan RM2.3 bilion. Majoriti pelaburan ini (61.0%) adalah daripada pelabur domestik yang tertarik dengan insentif cukai komprehensif yang disediakan bagi menyokong industri ini. Projek diluluskan akan menjana 2,739 peluang pekerjaan. Sebuah projek milikan Malaysia bernilai RM1.1 bilion melibatkan kerja-kerja rekabentuk, pembuatan dan sub-pemasangan pesawat jet dan komponen-komponen pesawat.

Menambah nilai kepada industri jentera dan peralatan

Industri jentera dan peralatan (M&E)

Malaysia memfasilitasikan peralihan negara menjadi negara berteknologi tinggi. Walaupun eksport M&E negara meningkat sebanyak 6.8 peratus kepada RM25.2 bilion pada 2012, ini telah diatasi oleh import produk M&E yang meningkat sebanyak 12.5 peratus kepada RM52.9 bilion. Eksport utama M&E pada 2012 adalah peralatan pemanasan dan penyejukan dan jentera khusus dan alat ganti.

Kerajaan mempunyai objektif jangka panjang untuk menjadikan Malaysia sebagai hab pengeluaran dan pengedaran teknologi tinggi serta produk dan perkhidmatan khusus. Untuk mencapai objektif ini, Kerajaan menggalakkan pelaburan berkualiti yang menekankan teknologi tinggi dan M&E nilai tambah tinggi. Jumlah pelaburan diluluskan bagi sub-sektor ini adalah lebih dua kali ganda pada 2012 kepada RM1.9 bilion di mana RM1.2 bilion merupakan pelaburan asing. Satu projek baru yang signifikan adalah melibatkan pelaburan asing RM229.5 juta bagi membangun kilang pembuatan moden umbilikal.

Sebenarnya syarikat-syarikat Jepun yang bersaiz kecil dan sederhana menjalin usahasama dengan syarikat-syarikat Malaysia di bidang-bidang seperti pembuatan bahagian-bahagian komponen automotif.

– Mustapa Mohamed, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, *The Star*, 11 Oktober 2012



Industri M&E bergerak ke arah produk berteknologi tinggi yang khusus.



Pemasangan berautomasi di kilang kereta Proton.

Dasar jangka panjang bagi daya saing

Pada 2011, rantaian bekalan di Jepun dan Thailand pulih daripada gangguan akibat bencana alam; pengeluaran automotif meningkat sebanyak 4.6 peratus kepada 627,753 unit kereta penumpang dan kenderaan komersil. Pada masa yang sama, nilai jualan kenderaan bermotor meningkat 6.8 peratus, manakala jualan alat ganti dan aksesori kenderaan bermotor meningkat 20.2 peratus.

Terdapat kemajuan dan perkembangan di dalam semakan semula Dasar Automotif Nasional (NAP) yang bertujuan bagi meningkatkan daya saing industri. Industri automotif Malaysia akan berfokus untuk menjadi hab serantau bagi kenderaan efisien tenaga (EEV) yang akan

memastikan pengambilan teknologi tinggi. NAP 2012 akan meliputi tiga matlamat – pelaburan, teknologi dan kejuruteraan serta perluasan pasaran dan jangkauan – dengan menyediakan strategi bagi pembentukan rantaian bekalan, memastikan kecukupan tenaga manusia di semua peringkat dan juga bagi menjaga keselamatan dan persekitaran.

Pada 2012, sejumlah 70 projek diluluskan bagi industri automotif dengan pelaburan bernilai RM5.0 bilion. Projek-projek yang diluluskan ini akan menjana peluang pekerjaan sebanyak 7,951. Pelaburan bagi pembuatan kenderaan hibrid/elektrik meningkat kepada RM792.4 juta pada 2012 disebabkan NAP 2010 yang menggalakkan peralihan kepada teknologi hijau.



Keluli gulung dikeluarkan untuk pasaran dunia.

Mewujudkan rantaian hulu

Pada 2012, eksport produk **besi dan keluli (logam ferus)** menurun sebanyak 2.5 peratus kepada RM9.9 bilion, manakala eksport produk **logam bukan ferus** mencatat RM10.0 bilion. Malaysia mengekalkan defisit dagangan di kedua-dua sub-sektor disebabkan permintaan tinggi daripada sektor pembinaan negara yang berkembang. Import produk logam ferus meningkat sebanyak 1.6 peratus kepada RM25.2 bilion, manakala import bagi produk logam bukan ferus menurun sebanyak 3.8 peratus kepada RM20.4 bilion.

Bagi mengembangkan industri besi dan keluli, Kerajaan telah menjalankan kajian daya saing industri dan menubuhkan Majlis Keluli Malaysia bagi menyelia dan menyelaras industri supaya selari dengan matlamat pembangunan ekonomi negara. Kerajaan telah melaksanakan penambahbaikan kepada ekosistem besi dan industri bagi menggalakkan pembangunan aktiviti hulu dan hiliran. Pada 2012, sebanyak 98 projek diluluskan dengan pelaburan RM5.0 bilion dengan separuh daripada nilai ini merupakan pelaburan asing. Projek-projek ini dijangka akan mewujudkan 10,347 pekerjaan di dalam industri besi dan keluli.



Operasi di kilang kain.

Peluang bagi industri-industri ringan

Eksport bagi produk **tekstil dan pakaian** menurun 12.0 peratus kepada RM9.5 bilion pada 2012, berbanding RM10.8 bilion pada 2011. AS merupakan pasaran eksport terbesar dengan nilai eksport tekstil RM1.8 bilion. Industri tekstil global sedang mengalami peningkatan 10.0 – 15.0 peratus di dalam permintaan disebabkan peningkatan kos dan kapasiti pengeluaran yang tidak cekap industri tekstil di China. Malaysia berada di dalam posisi strategik untuk menguasai syer pasaran eksport yang besar. Industri tekstil dan pakaian Malaysia siap untuk berkembang dan mewujudkan projek-projek baru pada 2012, menarik RM471.0 juta pelaburan diluluskan, peningkatan 61.8 peratus berbanding 2011.

Eksport bagi industri produk **kayu-kayan** kekal kukuh dan bernilai RM14.9 juta pada 2012, dengan pertumbuhan sederhana 1.5 peratus berbanding 2011. Walaupun eksport papan lapis dan venir serta kertas dan papan kertas menurun disebabkan penurunan di dalam permintaan global, jumlah eksport dirangsang oleh prestasi sub-sektor perabot kayu. Peraturan Kayu Balak Kesatuan Eropah yang akan berkuatkuasa pada Mac 2013 akan mengurangkan pembelian ke hadapan (*buy forward*) produk sub-sektor papan lapis dan menyebabkan sesetengah pembeli beralih kepada papan lapis bukan jenis tropika pada 2012.



Tren yang sihat bagi sarung tangan getah.

Industri **getah** Malaysia menunjukkan pertumbuhan kukuh pada 2012 dengan nilai eksport RM20.1 bilion. Industri ini bertumbuh 10.6, peratus walaupun harga adalah tidak stabil disebabkan permintaan pasaran global dan domestik serta turun naik mata wang. Senarai Produk-produk yang Dipromosikan berkaitan getah di bawah Akta Penggalakan Pelaburan (PIA) 1986 telah disemaksemula untuk hanya meliputi pelaburan di dalam pelbagai jenis tayar, sarung tangan keselamatan dan fungsian istimewa dan produk-produk getah kering.

Industri galian **bukan logam** mencatat eksport bernilai RM5.8 bilion pada 2012 dengan peningkatan sebanyak 1.2 peratus berbanding 2011. Kaca dan barang-barang kaca merupakan sub-sektor terbesar industri ini menyumbang 40.2 peratus kepada jumlah eksport, diikuti dengan perkembangan bagi sub-sektor pembuatan galian yang menyumbang 24.1 peratus kepada jumlah eksport. Sub-sektor seramik yang lebih maju telah dikenalpasti sebagai bidang pertumbuhan berpotensi dengan rantaian kepada industri teknologi tinggi seperti elektronik dan aeroangkasa.

Memenuhi permintaan makanan diproses

Jumlah eksport Malaysia bagi **makanan dan minuman** kekal stabil pada RM15.5 bilion, hampir menyamai nilai pada 2011. Eksport utama 2012 adalah RM3.3 bilion bagi koko dan penyediaan koko serta RM5.0 bilion bagi makanan diproses lain. Di samping itu, import bagi bahan makanan bertumbuh 10.0 peratus kepada RM16.3 bilion, termasuk RM3.9 bilion makanan diproses lain, RM3.7 bilion manisan

Permintaan bagi makanan dan minuman tetap tinggi.



dan konfeksioneri manisan dan RM2.7 bilion produk hasil tenusu. Pemproses makanan laut bagi segmen ikan diproses mendiversifikasi kepada pengeluaran produk nilai tambah tinggi seperti makanan laut tempura dan bersalut tepung dan mendapat persijilan-persijilan Analisis Bahaya Titik Kawalan Kritikal (HACCP) untuk eksport.

Industri produk-produk **kelapa sawit** mengeksport RM71.4 bilion produk pada 2012, penurunan 11.1 peratus daripada 2011. Prospek ekonomi global yang tidak menentu mempengaruhi permintaan antarabangsa serta persaingan harga daripada pengeluar kelapa sawit Indonesia berikutan cukai eksport yang distruktur semula.

Prospek: Transformasi rantai nilai

Fasa kedua bagi NKEA E&E diperkenalkan pada 2012 bagi menyokong peralihan ke arah pengeluaran produk berteknologi tinggi. Projek Permulaan (EPP) baru ditambah bagi bidang-bidang seperti seperti fotovoltex suria (PV), sistem terbenam dan pembuatan komponen E&E kenderaan elektrik. Fasa penghentian secara berperingkat mentol lampu pijar akan diteruskan di fasa kedua (2012-2013), yang akan membuka peluang-peluang baru bagi pengilang-pengilang LED dan pembekal-pembekal komponen di dalam ekosistem LED.

Pada 2013, industri kimia dan produk kimia Malaysia diunjurkan mendapat manfaat daripada sektor minyak dan gas (O&G). Penggunaan sepenuhnya zon petrokimia di Kertih, Terengganu; Gebeng, Pahang dan Pasir Gudang – Tunjang Langsung, Johor akan menyediakan bekalan stok suapan petrokimia pada harga kompetitif bagi pengilang-pengilang plastik. Peraturan-peraturan baru ke atas merkuri dan kimia lain akan dicadangkan pada 2013 dan akan memberi kesan bukan sahaja kepada industri kimia tetapi juga industri automotif dan E&E.

Dengan peningkatan di dalam mod pelaburan bukan ekuiti, industri sokongan kejuruteraan di Malaysia menaiktaraf kemudahan dan pembelian teknologi untuk memposisikan negara sebagai pusat sehenti bagi perkhidmatan kejuruteraan. Industri ini akan bergerak ke arah memperolehi persijilan antarabangsa bagi bekalan bahagian dan komponen bagi aeroangkasa, perubatan dan industri solar/fotovoltex.

Persatuan Keluli Dunia telah mengunjurkan penggunaan keluli global bertumbuh 2.1 peratus pada 2012, kepada 3.2 peratus pada 2013. Industri keluli Malaysia akan menyaksikan peningkatan penggunaan produk berpanjangan disebabkan peningkatan pertumbuhan pada 6.6 peratus bagi sektor pembinaan.

Peningkatan di dalam permintaan bagi tekstil dan pakaian pada 2013 akan membantu

industri tempatan mengekalkan kedudukan sebagai salah sebuah negara yang mendapat penghasilan eksport kesepuluh teratas bagi sektor pembuatan. Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-EU (MEUFTA) dan Perkongsian Trans-Pasifik (TPP) yang dijangka akan dimuktamadkan akan memberi akses kepada pasaran yang lebih baik bagi Malaysia.

Majlis Getah Tiga Pihak Antarabangsa (ITRC) bersetuju melaksanakan Skim Tan Eksport Dipersetujui yang berkuatkuasa pada Oktober 2012. Di bawah skim ini, Malaysia, Thailand dan Indonesia akan mengurangkan sejumlah 300,000 tan eksport bagi tempoh enam bulan sehingga Mac 2013. Pelaburan ke dalam sub-sektor nilai tinggi spesifik dan perindustrian telah melancar pertumbuhan bagi barangan getah industri di masa depan. Semakan semula Dasar Automotif Nasional dan penekanan yang dijangkakan bagi eksport kenderaan bermotor dan bahagian-bahagian komponen akan merangsang aktiviti-aktiviti bahagian auto berasaskan tayar dan getah tempatan.

Setakat 1 Januari 2013, Malaysia telah mengurangkan duti eksport bagi minyak mentah kelapa sawit. Tindakan ini akan menyebabkan pengusaha-pengusaha penapisan memasarkan produk mereka pada harga yang kompetitif di pasaran dunia.



**perkhidmatan:
memperkasa
pertumbuhan,
mempergiatkan
ekonomi**

perkhidmatan: memperkasapertumbuhan, mempergiatkanekonomi

Sektor perkhidmatan Malaysia mengalami pertumbuhan bagi semua sub-sektor pada 2012 dan berada di landasan untuk memacu transformasi ekonomi negara menjadi negara berpendapatan tinggi.




Pelaburan bagi latihan modal insan penting bagi pertumbuhan sektor perkhidmatan.

Sektor perkhidmatan kekal sebagai pemacu bagi ekonomi Malaysia pada 2012, menyumbang 54.6 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) berbanding 54.2 peratus pada tahun sebelumnya. Sektor perkhidmatan Malaysia juga memainkan peranan penting bagi menyokong perluasan ekonomi negara dengan menyumbang 3.5 peratus kepada 5.6 peratus pertumbuhan keseluruhan KDNK pada 2012.

Sumbangan perkhidmatan berkembang sebanyak 6.4 peratus pada 2012. Dagangan dalam perkhidmatan berkembang 9.0 peratus kepada RM248.0 bilion pada 2012. Pertumbuhan di dalam pengangkutan dan perkhidmatan perjalanan adalah sederhana disebabkan permintaan luar yang lemah dari ekonomi-ekonomi maju dan serantau. Walau bagaimanapun, eksport bagi perkhidmatan telah pulih, sumbangan daripada terimaan yang meningkat dari perkhidmatan lain, termasuk perkhidmatan komputer dan teknologi maklumat dan komunikasi oleh syarikat-syarikat Malaysia.

Sumbangan sektor perkhidmatan ini adalah signifikan, memperlihatkan ekspektasi Kerajaan bagi sektor ini di tahun-tahun yang mendatang. Di negara-negara maju seperti Amerika Syarikat (AS), Jepun dan Singapura, sumbangan perkhidmatan kepada KDNK adalah melebihi 70.0 peratus. Jika Malaysia berhasrat menjadi negara berpendapatan tinggi, sektor perkhidmatan negara perlulah mengalami lonjakan yang besar. Di dalam konteks ini, sumbangan sektor perkhidmatan kepada KDNK telah disasarkan sebanyak 65.0



Wan Suraya Wan Mohd. Radzi

MITI Singapore

MITI Singapura menganjur dan menyelaraskan beberapa siri lawatan peringkat tertinggi, mesyuarat dan aktiviti bagi Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Timbalan Menteri MITI (Perdagangan) dan pegawai-pegawai kanan. Lawatan-lawatan ini bertepatan dengan sentimen positif di Singapura mengenai peluang pelaburan di Malaysia, terutama di Iskandar Malaysia. MITI juga mempengerusi dan terlibat di dalam pelbagai persidangan ekonomi, bengkel dan rundingan perdagangan, membantu di dalam penganjuran sesi dialog dan pertemuan-pertemuan perniagaan bagi eksekutif-eksekutif perniagaan dengan pegawai-pegawai kerajaan dan membantu lawatan ke Malaysia bagi syarikat-syarikat yang berpangkalan di Singapura, pejabat perdagangan, institusi perbankan dan lain-lain organisasi.

peratus menjelang 2020 seperti yang digariskan di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP).

Mempergiatkan pelaburan

Sektor perkhidmatan menarik sebahagian terbesar pelaburan diluluskan dalam ekonomi pada 2012, berjumlah RM117.6 bilion, peningkatan 67.0 peratus berbanding RM70.4 bilion pada 2011. Prestasi pelaburan sektor ini meletakkannya di atas landasan selari dengan usaha-usaha Kerajaan bagi menjadikan sektor perkhidmatan pemacu pertumbuhan ekonomi Malaysia. Sebanyak 5,536 projek diluluskan sepanjang tempoh tersebut yang dijangka mewujudkan 103,180 peluang pekerjaan.

Sekali lagi, sub-sektor hartanah menjadi penyumbang utama dengan nilai pelaburan diluluskan RM58.8 bilion, diikuti sub-sektor utiliti (RM12.6 bilion), hotel dan pelancongan (RM8.9 bilion), pengangkutan (RM6.8 bilion) dan telekomunikasi (RM6.6 bilion). Pertumbuhan kukuh di dalam penggunaan swasta mendorong lebih banyak pelaburan di dalam sub-sektor perkhidmatan berkaitan pengguna. Sub-sektor berkaitan pelancongan termasuk penjagaan perkhidmatan kesihatan dan pendidikan menerima rangsangan pelaburan hasil daripada permintaan serantau.




Pelaburan domestik mewakili 89.6 peratus daripada pelaburan diluluskan bernilai RM105.4 bilion pada 2012, lebih dua kali ganda pelaburan domestik ke dalam sektor perkhidmatan pada 2011. Baki RM12.2 bilion pelaburan diluluskan adalah pelaburan langsung asing, menurun dari RM17.9 bilion pada 2011, kesan persekitaran ekonomi global yang lemah. Walau bagaimanapun, sektor perkhidmatan perlu menarik lebih penyertaan daripada sumber-sumber asing disebabkan sasaran di bawah ETP bagi FDI adalah sebanyak 27.0 peratus daripada jumlah pelaburan menjelang 2020.

Pertumbuhan kukuh dalam perdagangan


Minat pelabur di dalam sektor perkhidmatan dipadankan dengan pertumbuhan perdagangan yang kukuh pada 2012. Eksport perkhidmatan Malaysia berkembang 5.8 peratus mencecah RM117.0 bilion berbanding RM100.6 bilion pada 2011. Peningkatan ini didorong oleh peningkatan sebanyak 24.1 peratus eksport bagi perkhidmatan lain meliputi R&D, pajakan operasi, perkhidmatan komputer dan teknologi, perkhidmatan insurans dan pencen dan pembinaan. Sementara itu, import meningkat bagi semua sub-sektor 2012, didahului 18.0 peratus di dalam sektor perkhidmatan lain disebabkan permintaan domestik yang kukuh bagi perkhidmatan pajakan operasi dan pembinaan. Defisit perdagangan perkhidmatan yang meningkat disumbangkan oleh pembayaran yang

Carta 18: Prestasi Pelaburan diluluskan bagi Sektor Perkhidmatan, 2008-2012



Sumber: MIDA

Carta 19: Eksport Perkhidmatan Malaysia, 2012 (RM Bilion) (tidak termasuk transaksi kerajaan)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

tinggi bagi perkhidmatan pengangkutan yang diimport dan terimaan perjalanan bersih yang rendah disebabkan lebih ramai rakyat Malaysia berkunjung ke luar negara.

Mengandakan perdagangan runcit dan pendedaran

Pemintaan domestik yang sihat pada 2012 merupakan faktor yang menyumbang kepada peningkatan kukuh di dalam pelaburan bagi perdagangan pendedaran. Sebanyak 2,676 projek diluluskan dengan nilai pelaburan RM4.9 bilion, dua kali ganda nilai pada 2011. Pelaburan domestik bernilai RM2.9 bilion (59.2%), manakala pelaburan asing bernilai RM2.0 bilion (40.8%). Sub-sektor ini terus bertumbuh, walaupun pada kadar perlahan 4.6 peratus pada 2012, berbanding 7.1 peratus pada 2011.

Perniagaan sektor perkhidmatan yang berkembang maju

Perkhidmatan perniagaan dan profesional telah dikenalpasti sebagai pemangkin kepada pertumbuhan pendapatan tinggi bagi Malaysia di bawah ETP. Hartanah dan perkhidmatan perniagaan mengekalkan momentum pertumbuhan dengan 7.1 peratus pada 2012, meningkat dari 5.5 peratus pada 2011. Hartanah perumahan menarik RM58.8 bilion pelaburan diluluskan pada 2012, lebih tiga kali ganda jumlah diluluskan tahun sebelumnya.

Pada 2012, langkah-langkah liberalisasi secara autonomi yang dimulakan sejak 2009 telah menghasilkan pulangan dengan pertumbuhan pesat organisasi-organisasi serantau. Pelaburan diluluskan MIDA bernilai RM2.0 bilion dengan jumlah 111 organisasi serantau baru merangkumi 14 Ibupejabat Operasi, sembilan Pusat Perolehan Antarabangsa, sebuah Pusat Pengedaran Serantau, 29 Pejabat Serantau dan 58 Pejabat Perwakilan.

Perkhidmatan komunikasi bertumbuh 9.1 peratus pada 2012, meningkat 7.6 peratus berbanding tahun sebelumnya. Perkembangan sub-sektor ICT memberi kesan besar kepada aktiviti hiliran dan hulu perniagaan. Pada 2012, penembusan jalur lebar meningkat kepada 66.0 peratus isi rumah, berbanding 62.3 peratus pada 2011, sementara penembusan telefon selular meningkat 141.6 peratus, berbanding 127.7 peratus pada 2011. Jumlah pelaburan pada sub-sektor ini bernilai RM6.6 bilion, kesemuanya daripada sumber domestik.

Jadual 2: Prestasi Sektor Perkhidmatan pada harga malar 2005

	2011	2012 ^p	2011	2012 ^p
	perubahan tahunan (%)		sumbangan kepada KDNK (%)	
Perkhidmatan	7.0	6.4	54.2	54.6
Perkhidmatan perantara	6.2	7.4	22.0	22.4
Kewangan dan insurans	6.5	7.9	9.2	9.4
Hartanah dan perkhidmatan perniagaan	5.5	7.1	5.4	5.5
Pengangkutan dan penyimpanan	5.4	4.9	3.7	3.6
Komunikasi	7.6	9.1	3.7	3.8
Perkhidmatan Akhir	7.5	5.7	32.2	32.2
Borong dan perdagangan runcit	7.1	4.6	14.4	14.3
Penginapan dan restoran	6.0	5.4	2.5	2.5
Utiliti	3.1	4.3	2.5	2.5
Perkhidmatan kerajaan	12.4	9.6	7.7	8.0
Lain-lain perkhidmatan	4.7	3.9	5.1	5.0

^p preliminari

Sumber: Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2012

“ Perlu ada interaksi lebih banyak dengan industri. Di universiti kita bukan sahaja belajar mengenai teori sahaja tetapi yang lebih penting hari ini adalah memberikan pengalaman kepada pelajar.”

– Mustapa Mohamed, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Utusan Malaysia, 12 Disember 2012



Aliran trafik yang lancar

Sub-sektor pengangkutan merangkumi pengangkutan maritim, penerbangan, pembinaan lebuh raya dan penyelenggaraan. Pada 2012, sejumlah 60 projek diluluskan bagi sub-sektor pengangkutan dengan pelaburan RM6.8 bilion. Trafik penumpang udara meningkat sebanyak 4.9 peratus kepada 68.5 juta penumpang pada 2012. Pengendalian kargo udara menurun 1.7 peratus pada tahun yang sama.

Lima pelabuhan maritim iaitu di Kelang, Pulau Pinang, Kuantan, Bintulu dan Tanjung Pelepas menyumbang 80.5 peratus daripada jumlah 369.3 juta tan berat muatan (FWT) bagi tiga suku pertama 2012. Lima pelabuhan ini juga menyumbang 92.2 peratus jumlah truput pengendalian kontena bagi 15.4 bilion unit bersamaan dua puluh kaki (TEU) pada tempoh yang sama.

Ketibaan pelancong tetap kukuh pada 2012, bertumbuh 1.3 peratus kepada 25.0 juta pada 2012. MIDA meluluskan sebanyak 79 projek dengan jumlah pelaburan RM8.9 bilion bagi sub-sektor hotel dan pelancongan. Pelaburan domestik mewakili 96.6 peratus daripada nilai tersebut.

Sub-sektor kesihatan yang meliputi hospital swasta dan klinik merupakan sub-sektor yang diliberalisasikan pada 2012. MIDA meluluskan enam buah hospital swasta dan klinik dengan pelaburan bernilai RM340.0 juta, penurunan daripada RM712.5 juta pada 2011.

Pelan bagi mempercepatkan pertumbuhan

Untuk mencapai sasaran pertumbuhan bagi sektor perkhidmatan, Rancangan Malaysia Ke-Sepuluh telah menggariskan beberapa strategi untuk meluaskan sumber-sumber baru pertumbuhan, meliberalisasi sektor perkhidmatan, mempromosi amalan terbaik



Liberalisasi secara autonomi sub-sektor kesihatan merupakan sebahagian daripada strategi utama untuk mengembangkan sektor perkhidmatan

peraturan, membangun perusahaan kecil dan sederhana sebagai pemacu pertumbuhan, mempromosi perluasan pasaran, meningkatkan produktiviti melalui inovasi dan memperbaiki akses kepada kewangan.

Pada Disember 2012, Pelan bagi Sektor Perkhidmatan telahpun dimuktamadkan. Pelan ini bertujuan bagi mempercepatkan pertumbuhan perdagangan perkhidmatan Malaysia melalui tiga matlamat pertengahan. Pertama, Pelan ini bertujuan meningkatkan produktiviti pekerja, menggandakan nilai tambah bagi setiap pekerja daripada US\$18,000 pada 2010 kepada US\$36,000 pada 2020. Kedua, nilai tambah perkhidmatan dan sumbangan perkhidmatan kepada nilai eksport lain akan berganda daripada US\$35.0 bilion pada 2007 kepada US\$70.0 bilion pada 2020. Ketiga, Pelan ini menekankan pembangunan industri perkhidmatan berintensif pengetahuan dan

bertujuan menambahkan syer di dalam sektor perkhidmatan dari 59.0 peratus pada 2010 kepada 70.0 peratus pada 2020. Pelan ini juga mengandungi analisis perbandingan kekangan peraturan-peraturan perkhidmatan berbanding 103 negara lain. Pelan ini berfokus kepada pelaksanaan strategi yang telah dikenalpasti sebelum ini bagi pembangunan sektor perkhidmatan dengan penekanan kepada penyelarasan, nilai tambah, pemulihan akses pasaran, promosi eksport dan pembangunan perkhidmatan berintensif pengetahuan.

Daripada liberalisasi kepada perluasan

Usaha berterusan Kerajaan mengupayakan pertumbuhan dengan sektor perkhidmatan termasuk liberalisasi secara autonomi beberapa sub-sektor. Berikutan proses liberalisasi 27 sub-sektor pada 2009, tambahan 15 sub-sektor lagi diliberalisasikan pada 2012 dan tiga lagi dijadualkan pada

2013 (lihat Jadual 3). Langkah-langkah ini akan mewujudkan keadaan pasaran yang kondusif bagi industri tempatan dan menarik lebih pelaburan langsung asing.

Pada 2012, Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) melaksanakan latihan pemetaan bagi proses kelulusan 18 sub-sektor perkhidmatan dan membentangkan hasilnya kepada Jawatankuasa Pemandu Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) mengenai Perkhidmatan Perniagaan, Pendidikan dan Kesihatan. Hasil pemetaan ini akan membantu kementerian dan agensi berkaitan memperbaiki proses kelulusan mereka.

Daripada 27 sub-sektor yang diliberalisasikan, data pelaburan menunjukkan pertumbuhan tertinggi pelaburan adalah daripada sub-sektor perhotelan dan pelancongan dengan RM8.6 bilion adalah merupakan pelaburan domestik pada 2012. Ini merupakan peningkatan empat kali berbanding 2011. Pertumbuhan terbesar dari pelaburan asing adalah daripada sub-sektor operasi ibu pejabat dengan RM1.2 bilion pada 2012. Ini merupakan peningkatan lapan kali ganda berbanding 2011 (lihat Jadual 4).

Jadual 3: Sub-Sektor diliberalisasi

Liberalisasi status	Sub-sektor
Liberalisasi 2012	<ul style="list-style-type: none"> • Telekomunikasi bagi Pembekal Perkhidmatan Aplikasi –Lesen ASP) • Pembekal kemudahan rangkaian (NFP) dan pembekal perkhidmatan rangkaian (NSP)-Lesen-lesen NFP dan NSP • Perkhidmatan Kurier • Pendidikan Tinggi Swasta dengan Status Universiti • Sekolah Antarabangsa • Perkhidmatan Pendidikan Sekolah Teknik dan Vokasional • Perkhidmatan Pendidikan Sekolah Teknikal dan Vokasional untuk pelajar berkelainan upaya • Pusat Latihan Kemahiran • Perkhidmatan Hospital Swasta • Perkhidmatan klinik perubatan pakar persendirian • Perkhidmatan Pakar Pergigian persendirian • Pasar raya dan kedai speciality • Perkhidmatan insinerasi • Perkhidmatan perakaunan (termasuk audit) dan percukaian • Perkhidmatan perundangan
Liberalisasi pada suku kedua 2013	<ul style="list-style-type: none"> • Perkhidmatan arkitek • Perkhidmatan kejuruteraan • Perkhidmatan juruukur bahan



Setakat ini, data perdagangan dan pelaburan perkhidmatan diperolehi daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), Bank Negara Malaysia (BNM), Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Kementerian Pelancongan (MOTOUR) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPKK). Bagi memastikan kualiti data, Kumpulan Kerja Statistik Perkhidmatan (WGSS) dipengerusikan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri sedang berusaha untuk menangani isu-isu pengumpulan data seperti pengklasifikasian sub-sektor, jurang data dan piawaian ke atas data pelaburan. DOSM pada masa ini sedang menjalankan kerja-kerja pemetaan semula sub-sektor yang diliberalisasikan bagi memastikan data yang lengkap akan tersedia apabila proses liberalisasi secara autonomi dilaksanakan sepenuhnya.

Majlis Pembangunan Perkhidmatan Malaysia (MSDC) bertanggungjawab memantau dan memastikan keberkesanan pelaksanaan liberalisasi perkhidmatan. Dipengerusikan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan ahli-ahli yang terdiri daripada kementerian-kementerian yang berkaitan, Pasukan Petugas Khas Pemudah Perniagaan (PEMUDAH) dan sektor swasta, MSDC akan terus memberikan fokus kepada agenda liberalisasi, promosi perdagangan dan rundingan, pelaksanaan dan pengurusan perjanjian perdagangan. Melangkah ke hadapan, EPU akan memainkan peranan untuk menyelaraskan ahli-ahli MSDC, cadangan-cadangan dasar, usaha-usaha domestik, dasar-dasar perdagangan antarabangsa dan pelaburan serta memperolehi input daripada sektor swasta.

Pada 2012, MITI melancarkan satu laman web perkhidmatan khas yang akan menjadi pusat sumber maklumat terkini mengenai pembangunan dan perkembangan sektor perkhidmatan di Malaysia, termasuk inisiatif-inisiatif liberalisasi secara autonomi dan perjanjian-perjanjian perdagangan bebas. MITI juga menjalankan kajian mengenai persekitaran peraturan tempatan sektor perkhidmatan yang akan memberikan cadangan-cadangan bagi penambahbaikan peraturan bagi menggalakkan industri-industri terpilih seperti

Jadual 4: Pelaburan di dalam Sub-sektor yang diliberalisasi

Bil.	Sektor/Sub-Sektor	2012		2011	
		Pelaburan asing (RM'juta)	Pelaburan Domestik (RM'juta)	Pelaburan asing (RM'juta)	Pelaburan Domestik (RM'juta)
1.	Ibu pejabat operasi	1,153.2	60.5	127.4	35.5
2.	Pusat Perolehan Antarabangsa	111.8	454.3	60.4	10.1
3.	Pusat Pengedaran Serantau	111.7	0.0	10.1	0.0
4.	Pejabat Serantau	51.3		24.3	0.0
5.	Pejabat Perwakilan	93.0	0.0	23.9	0.0
6.	Projek-projek R&D	213.8	503.6	1.0	6.6
7.	Perkhidmatan logistik bersepadu	0.0	160.2	0.0	9.2
8.	Perkhidmatan sokongan pasaran bersepadu	0.0	0.0	2.5	0.0
9.	Status MSC	0.0	0.0	927.3	1,585.8
10.	Projek-projek perhotelan dan pelancongan	320.6	8,569.9	93.1	1,826.7
JUMLAH		2,055.4	9,748.5	1,270.0	3,473.9

planning perubahan dan pendidikan swasta tinggi.

Kerajaan bekerjasama dengan organisasi-organisasi pembekal perkhidmatan Malaysia lain seperti Gabungan Pembekal-pembekal Perkhidmatan Malaysia (MSPC) pada 2012, mengumpulkan input dan maklumbalas mengenai pembangunan dasar, cadangan insentif dan pelaksanaan isu. MSPC menyediakan program jangkauan, program

latihan, persijilan, latihan penandaarasan, kajian khusus dan lain-lain program bagi menyokong sektor perkhidmatan.

Program jangkauan dan seminar oleh MITI membantu mewujudkan kesedaran mengenai inisiatif-inisiatif liberalisasi pada 2012. Program-program ini termasuk Seminar Kebangsaan mengenai Peraturan Tempatan Bagi Sektor Perkhidmatan di bawah WTO, program-program jangkauan ke beberapa negeri

bersama MSPC, seminar daya saing dan lawatan turun padang ke syarikat GDEX.

Bertindak menghadapi cabaran utama

MITI dan agensinya telah mengenalpasti beberapa cabaran utama yang perlu diatasi di dalam pembangunan sektor perkhidmatan, iaitu: kekurangan dan ketakpadanan kemahiran, kadar penggunaan teknologi yang rendah disebabkan halangan kepada capaian, kekangan tahap tinggi dalam persekitaran penggubalan dasar, potensi yang tidak diutilisasikan bagi eksport perkhidmatan dan kelemahan kerangka institusional serta struktur tadbir urus bagi pembangunan sektor perkhidmatan.

Bagi mengatasi cabaran-cabaran ini, MITI dan agensi-agensinya telah mencadangkan beberapa strategi dan pelan tindakan.

Prospek: Pendekatan baru bagi perkhidmatan

Kerajaan akan terus meneroka potensi perkhidmatan berintensifkan pengetahuan di bawah NKEA dengan rangkaian kepada sektor lain di dalam ekonomi khususnya sektor yang kurang membangun dan sub-sektor di mana Malaysia telahpun memiliki kecekapan. Ini termasuk sub-sektor minyak dan gas, kewangan Islam, pembuatan panel solar dan

telekomunikasi yang akan membawa faedah kepada perkhidmatan-perkhidmatan tempatan seperti teknologi maklumat, pendidikan, perkhidmatan perniagaan, perkhidmatan alam sekitar dan pembangunan kandungan. Di samping itu, wilayah-wilayah seperti Iskandar Malaysia menawarkan peluang pertumbuhan bagi perniagaan dan perkhidmatan profesional, perkhidmatan penerbangan, pendidikan dan logistik.

Kekangan peraturan yang berkurangan dan jalinan dagangan yang rapat di rantau ini akan merangsang sektor perkhidmatan pada 2013. Kerajaan akan melaksanakan liberalisasi autonomi sektor arkitek, kejuruteraan dan juruukur bahan. Dengan sembilan Negara Anggota ASEAN yang terlibat di dalam Peraturan Pengiktirafan Bersama (MRA) mengenai perkhidmatan kejuruteraan dan perkhidmatan arkitek, pekerja-pekerja profesional di dalam sub-sektor ini akan mempunyai lebih banyak peluang pekerjaan di rantau ini.

Dengan permintaan luaran diunjurkan pulih secara perlahan pada 2013, sektor perkhidmatan Malaysia akan mengekalkan perluasannya berkadar dengan pertumbuhan keseluruhan KDNK yang diunjurkan pada 5.0-6.0 peratus, hasil pertumbuhan sihat di dalam permintaan domestik.

Strategi Meningkatkan Sektor Perkhidmatan

Strategi 1 Meningkatkan Pembangunan Modal Insan	Strategi 2 Akses kepada Teknologi	Strategi 3 Mewujudkan Persekitaran operasi dan peraturan kondusif
<ul style="list-style-type: none"> • Memanfaat bahagian khusus di MIDA bagi pembangunan manusia • Melaksana empat inisiatif pembangunan insan di bawah Pelan Induk PKS • Menubuhkan Pusat Kecemerlangan bagi Projek Pengurusan, Pengurusan Perkhidmatan dan lain-lain bidang yang berkaitan sektor perkhidmatan 	<ul style="list-style-type: none"> • Bekerjasama dengan SME Corp. Malaysia menyokong R&D, penggunaan teknologi dan pembelian teknologi oleh PKS • Menggalakkan syarikat menggunakan Dana Strategik Pelaburan Domestik (DSIF) di bawah MIDA bagi pengaplikasian teknologi dan inovasi • Mempercepatkan Rancangan Jalurlebar Kebangsaan 	<ul style="list-style-type: none"> • Membentuk jadual pelaksanaan bagi kajian <i>Domestic Regulations</i> • Memperbaiki proses bagi menubuhkan perniagaan bagi sub-sektor perkhidmatan yang telah diliberalisasikan • Membentuk Indeks Kekangan Di dalam Perdagangan perkhidmatan • Melaksana Dasar Kebangsaan mengenai Pembangunan dan pelaksanaan peraturan
Strategi 4 Memanfaat Pasaran Serantau Malaysia untuk memperkukuhkan eksport	Strategi 5 Menyemaksemula Kerangka Insentif	Strategi 6 Memperkukuh Struktur Tadbir Urus
<ul style="list-style-type: none"> • Fokus promosi eksport perkhidmatan tanpa agensi atau persatuan penggalakkan sendiri • Mengenalpasti juara tempatan bagi sub-sektor nilai tambah tinggi • Membantu PKS meneroka pasaran baru • memanfaatkan pasaran serantau Malaysia bagi memperbaiki akses pasaran 	<ul style="list-style-type: none"> • Menilai keberkesanan insentif fiskal dan lain-lain insentif • Mewujudkan portal sehati dengan maklumat komprehensif bagi semua insentif yang ditawarkan di bawah pelbagai kementerian dan agensi 	<ul style="list-style-type: none"> • Memperkuku penyelarasan keseluruhan Pelan pelaksanaan dengan mandat bagi penyeliaan kepada MSDC • Memperkukuhkan peranan MSDC bagi pemantauan pembangunan statistik perkhidmatan



**program
berimpak tinggi untuk
usahawan**

program berimpak tinggi untuk usahawan

Perusahaan kecil dan sederhana (PKS) Malaysia menyumbang 32.0 peratus kepada KDNK negara. Sumbangan ini dijangka akan meningkat 41.0 peratus menjelang 2020. Untuk mencapai sasaran ini, PKS perlu melakukan perubahan signifikan di dalam aspek produktiviti dan inovasi. Kerajaan komited untuk membantu PKS mencapai potensi maksima mereka dengan pelaksanaan program berimpak tinggi dan lain-lain aktiviti seperti yang digariskan di bawah Pelan Induk PKS.

PKS di Malaysia berada di posisi yang unik untuk meraih manfaat daripada pelbagai peluang yang telah diwujudkan di bawah Projek Permulaan (EPP) di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP). Peluang-peluang ini wujud khususnya melalui sub-sektor pendidikan, penjagaan kesihatan, peruncitan, pertanian dan perkhidmatan minyak dan gas. SME Corp. Malaysia merupakan penyelaras dan peneraju agenda nasional bagi pembangunan PKS. Pada 2012, SME Corp. Malaysia telah melaksanakan tanggungjawabnya sebagai agensi pusat penyelaras bagi kesemua pembangunan PKS untuk semua sektor ekonomi dan memantau pelaksanaan 139 program dengan peruntukan sebanyak RM8.7 bilion. Program-program dan aktiviti-aktiviti ini melibatkan usahasama lebih 15 Kementerian dan 60 agensi.

Memangkin Pelan Induk

Pada 12 Julai 2012, Kerajaan telah melancarkan Pelan Induk PKS (2012-2020) yang bermatlamat meningkatkan sumbangan PKS Malaysia kepada KDNK daripada 32.0 peratus kepada 41.0 peratus menjelang 2020. Pelan Induk ini menjelaskan dasar bagi halatuju pembangunan PKS secara menyeluruh sehingga 2020 selaras dengan visi negara menjadi negara berpendapatan tinggi selari dengan Model Ekonomi Baru. Tiada seorang usahawapun akan diabaikan kerana Pelan Induk ini merangkumi semua PKS Malaysia bagi semua sektor, kawasan-kawasan strategik, kumpulan-kumpulan etnik dan semua wilayah di seluruh negara.

Berdasarkan wawasan mewujudkan PKS global yang berdaya saing yang akan meningkatkan penciptaan kekayaan dan meningkatkan kesejahteraan negara, Pelan

“Pelan Induk PKS bertujuan untuk meningkatkan sumbangan PKS kepada ekonomi negara dan menaikkan industri berkenaan ke tahap yang lebih tinggi”

– Mustapa Mohamed, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, *The Star*, 10 Disember 2012



Induk PKS mengandungi empat matlamat strategik, iaitu:- meningkatkan penubuhan perniagaan; menambah bilangan syarikat yang mempunyai pertumbuhan tinggi dan berinovasi; meningkatkan produktiviti dan mempergiat usaha pemformalan. Bagi mencapai matlamat ini, inisiatif Pelan Induk akan menangani enam pendorong prestasi; penerapan inovasi dan teknologi;

pembangunan modal insan; akses kepada pembiayaan; akses kepada pasaran; persekitaran perundangan dan kawal selia serta infrastruktur.

Pelan Induk PKS adalah berfokuskan hasil dan berasaskan bukti dan akan mengikuti konsep ‘pelan sepanjang hayat’ yang relevan dengan perubahan masa dan maklumat baru. Pelan

Program Berimpak Tinggi, Pelan Induk PKS

HIP 1: Mengintegrasikan pendaftaran dan pelesenan perniagaan

- Mewujudkan satu titik pendaftaran tunggal dengan menyepadukan Sistem Pendaftaran Perniagaan Negara iaitu MyCoD dan Sistem Pelesenan Perniagaan Negara iaitu BLESS.

HIP 3: Program Pelaburan PKS (SIP)

- Menyediakan pembiayaan peringkat awal dengan membangunkan syarikat pelaburan yang akan melabur dalam PKS berpotensi dalam bentuk hutang, ekuiti atau hibrid kedua-duanya.

HIP 5: Program Pemangkin

- Mewujudkan jaguh tempatan menerusi pendekatan yang tertumpu dengan sokongan dalam bidang pembiayaan, akses kepada pasaran dan pembangunan modal insan.

HIP 2: Platform Pengkomersialan Teknologi (TCP)

- Mewujudkan rangkaian kebangsaan yang diurus oleh pihak swasta bagi menggalakkan idea yang inovatif dari peringkat bukti konsep kepada peringkat pengkomersialan.

HIP 4: Program Going Export (GoEx)

- Menawarkan bantuan khusus kepada pengeksport baharu dan PKS yang ingin menceburi pasaran baharu. PKS yang bersedia untuk mengeksport boleh mendapatkan bantuan sokongan yang menyeluruh.

HIP 6: Keterangkuman Inovasi

- Menyediakan bimbingan secara handholding dan sokongan bagi mengupayakan perusahaan mikro dan mengubah Memperkasa kumpulan pendapatan 40% terendah dengan memanfaatkan inovasi bagi menggalakkan transformasi masyarakat luar bandar menerusi bimbingan sepenuhnya.

Induk ini memerlukan perkongsian awam-swasta yang kukuh yang akan berkongsi tanggungjawab dan akauntabiliti, manakala Kerajaan pula berperanan sebagai pemudah cara dan pemangkin bagi program-program di bawah Pelan Induk.

Untuk mencapai matlamat Pelan Induk PKS, sebanyak 32 inisiatif telah dicadangkan dengan

penekanan pada enam Program Berimpak Tinggi (HIP).

Inisiatif utama yang lain termasuk mewujudkan permintaan bagi produk dan perkhidmatan PKS, menggalakkan penggabungan sumber dan perkongsian perkhidmatan, mengurangkan asimetri maklumat, membina kapasiti dan pengetahuan PKS dan langkah-langkah

khusus untuk Malaysia Timur. Untuk memacu agenda Pelan Induk, SME Corp. Malaysia sedang diperkukuh dan dipertingkatkan supaya berupaya menyediakan sokongan institusi yang lebih besar di dalam bentuk pangkalan data yang boleh dipercayai, sistem pemantauan dan penilaian yang berkesan serta meningkatkan penyelarasan dan memberikan sokongan dan perkhidmatan perniagaan yang berkesan. Sejumlah RM30.0 juta akan diperuntukkan bagi pelaksanaan Pelan Induk pada tahun 2013.

Tumpuan kepada Prestasi PKS


SME Corp Malaysia menggunakan Penarafan Daya Saing PKS untuk Peningkatan (SCORE) sebagai alat untuk menilai dan menaraf PKS berdasarkan prestasi perniagaan dan keupayaan mereka. Syarikat-syarikat diberi nilai dari 0-Bintang ke 5-Bintang dan bagi PKS yang mendapat penarafan 2-Bintang atau kurang akan diberi bantuan handholding untuk membina kapasiti dan keupayaan, manakala PKS dengan penarafan 3-Bintang atau lebih akan dipilih untuk menyertai misi perdagangan dan program jaringan untuk menjadikan mereka PKS global. Sebanyak 2,928 PKS telah dinilai di bawah SCORE pada 2012, dengan 47.0 peratus daripada PKS mencapai 3-Bintang dan ke atas, berbanding dengan 39.2 peratus pada 2011.



Shuhardi Turaz Radzik Aznan

MITI Perak

Pada 2012, MITI Perak menganjurkan pelbagai taklimat dan seminar kesedaran kepada pengeksport negeri dan sektor swasta meliputi program ancaman siber, persijilan sendiri dan permohonan perniagaan di atas talian. MITI Perak bekerjasama dengan Bank Negara Malaysia dan Invest Perak menganjurkan Pocket Talk mengenai mata wang Renminbi (RMB) bagi menggalakkan pengeksport tempatan menggunakan matawang tersebut apabila meneroka pasaran China. MITI Perak juga memperkukuhkan lagi jaringan dengan semua agensi dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dengan menerima delegasi seramai 80 orang daripada Dewan Perniagaan Narathiwat di Thailand bersempena dengan program tahunan kawasan Segitiga Pertumbuhan Indonesia, Malaysia, Thailand (IMT-GT).



Alat penilaian yang kedua iaitu Penarafan Daya Saing untuk Pengukuhan Perusahaan Mikro (M-CORE) digunakan untuk mengenal pasti prestasi perusahaan mikro dalam empat bidang utama: prestasi perniagaan, keupayaan kewangan, operasi dan pengurusan. Pada 2012, 480 perusahaan mikro telah dinilai dengan M-CORE, dengan lima peserta mencapai taraf Tahap 3.

Program Pemecutan Perniagaan (BAP) dan Program Pengayaan & Peningkatan (E2) adalah inisiatif untuk membantu PKS dan perusahaan mikro melalui penilaian, pembinaan keupayaan, khidmat nasihat perniagaan dan khidmat nasihat bantuan kewangan. BAP adalah bagi PKS dengan penarafan 2-Bintang atau lebih tinggi di bawah SCORE, manakala E2 adalah bagi perusahaan mikro dengan penilaian Tahap 3 dan ke bawah di bawah M-CORE. Di bawah Program Pembangunan BAP dan E2, pelbagai aktiviti-aktiviti pengukuhan dengan pembiayaan langsung sehingga RM22.5 juta telah diluluskan untuk 333 syarikat. Aktiviti ini termasuk penilaian syarikat, pembangunan kapasiti, khidmat nasihat perniagaan dan khidmat nasihat untuk akses bantuan kewangan.

Pusat Rujukan Setempat (ORC) berfungsi sebagai pusat untuk menghubungkan PKS dengan semua program yang terdapat di bawah SME Corp. Malaysia dan kementerian

serta agensi berkaitan, bank, institusi kewangan pembangunan dan persatuan. Seramai 3,986 pengunjung telah melawat ORC pada 2012.

SME Corp. Malaysia juga menganjurkan Hari Terbuka Pembiayaan Mikro (MFOD) di lapan negeri termasuk Kuala Lumpur dan turut menyediakan maklumat mengenai pembiayaan mikro kepada 1,531 PKS. Di samping itu, sebanyak 132 Pocket Talk telah dianjurkan kepada 4,304 peserta. Pembiayaan mikro ditawarkan melalui kedua-dua Program Pembangunan E2 dan BAP.

Kejayaan melalui akses pasaran

MITI melalui SME Corp. Malaysia meneruskan tradisi mengadakan **Pameran Inovasi PKS (SMIDEX)** pada 2012. Bertajuk "PKS Membentuk Masa Depan," pameran menjadi platform untuk memperkenalkan Minggu PKS, satu program promosi yang akan diadakan di seluruh negara bagi meningkatkan kebolehlihatan (*visibility*) produk dan perkhidmatan PKS. Seramai 87 PKS mendapat manfaat daripada sesi padanan perniagaan melalui SMIDEX 2012, meningkat daripada 75 PKS dalam sesi padanan perniagaan bagi SMIDEX 2011. SME Corp. Malaysia berjaya mencatatkan potensi jualan sebanyak RM247.5 juta daripada sesi padanan perniagaan di SMIDEX, peningkatan 27.1 peratus daripada tahun sebelumnya.

SME Corp. Malaysia juga bekerjasama dengan pasar raya besar untuk memberi peluang kepada PKS tempatan peluang mempromosikan produk mereka di luar negara. Seramai 67 PKS mendapat manfaat daripada sesi-sesi yang telah dijalankan dengan Tesco Korea Selatan dan Malaysia Brand Outlet (MBO) di Singapura. Produk yang berjaya mendapat akses ke outlet-outlet tersebut terdiri daripada sub-sektor makanan dan minuman, termasuk produk sedia untuk dimakan, produk kordial dan sedia untuk diminum serta kentang goreng. Produk-produk lain yang mendapat manfaat daripada sesi tersebut termasuk aksesori dan produk penjagaan diri dan kecantikan.

SME Corp. Malaysia dengan kerjasama Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC) dan POS Malaysia menganjurkan bengkel bertujuan untuk menyesuaikan PKS dengan amalan terbaik proses perniagaan dalam talian. Program rangkaian perniagaan dalam talian dianjurkan selaras dengan wawasan Kerajaan untuk beralih ke perdagangan elektronik (e-dagang) dan menggalakkan keusahawanan muda, bagi menyebarkan Perniagaan-ke-Perniagaan (B2B) dan persekitaran Perniagaan-ke-Pelanggan (B2C) kepada PKS. Secara keseluruhannya, empat bengkel telah dianjurkan pada 2012 dengan penyertaan 247 PKS. Sebanyak 45.0 peratus PKS yang telah mengambil bahagian di dalam program ini telah melibatkan diri di dalam pemasaran atas talian.

Bagi meningkatkan peluang jalinan perniagaan dan hubungan untuk PKS, SME Corp. Malaysia telah menganjurkan program *offset* dengan MRT Corp, yang terdiri daripada sesi padanan perniagaan yang telah menarik 28 PKS dari pelbagai kategori, termasuk keretapi gerabak, kren dan pengangkat dan E&E. Sesi ini menjana jualan berpotensi sebanyak RM37.5 juta.

Persijilan **National Mark of Malaysian Brand** telah dicipta oleh SME Corp Malaysia dengan kerjasama SIRIM QAS International bertujuan untuk mengukuhkan jenama produk dan perkhidmatan PKS dengan menggalakkan peningkatan kualiti, kecemerlangan dan kelainan. Sejak permulaan program pada 2 Mac 2009 hingga November 2012, sebanyak 55 syarikat telah diiktiraf dengan National Mark Jenama Malaysia. Pengiktirafan ini telah membantu PKS untuk meluaskan pasaran ke negara-negara luar seperti Indonesia, Filipina, Thailand, China dan negara-negara Timur Tengah.

Pada 2012, SME Corp. Malaysia juga menganjurkan empat bengkel untuk membangunkan manual jenama dan lapan Seminar Persijilan Halal Malaysia. Di samping itu, Galeri Bergerak Penjenamaan dan Pembungkusan menganjurkan 25 perjalanan untuk mewujudkan kesedaran dan menyediakan khidmat nasihat kepada



usahawan luar bandar di seluruh negara. “The Brand Transformer” yang membantu menggiatkan Galeri Bergerak Penjenamaan dan Pembungkusan juga telah dilancarkan pada tahun 2012 dan akan dimasukkan ke dalam program ini bermula pada tahun 2013.

Membangun inovasi dan keupayaan

Usahawan Malaysia digalakkan untuk menceburi industri teknologi tinggi dan inovasi melalui program-program pembangunan teknologi SME Corp. Malaysia khususnya **Program 1-InnoCERT**. Program ini telah menerima 340 pendaftaran atas talian pada 2012, di mana 33 syarikat berjaya disahkan selepas pelaksanaan audit tapak oleh SIRIM Berhad. PKS yang mendapat sijil 1-InnoCERT juga dipilih untuk menyertai Anugerah Inovasi

PKS di SMIDEX 2012. Anugerah SME Paling Inovatif Teratas dan Anugerah Inovasi Terbaik Bagi Pembuatan dimenangi oleh Penchem Technologies Sdn Bhd. Pemenang kategori lain ialah Dream Catcher Consulting Sdn Bhd, Tanah Emas Technologies Sdn Bhd, Testhub Sdn Bhd, JG Biotech Sdn Bhd dan Return 2 Green Sdn Bhd. Sebanyak lima syarikat juga menerima kemudahan kredit yang diluluskan di bawah Polisi Laluan Hijau. Polisi ini adalah untuk memberi insentif dan mengiktiraf sumbangan PKS tempatan yang inovatif melalui kemudahan pembiayaan, insentif cukai, akses kepada perolehan kerajaan dan akses kepada perolehan Kementerian Kewangan. Setakat ini, sebelas syarikat 1-InnoCERT telah memohon untuk mendapatkan insentif tersebut dan sebanyak RM179.4 juta insentif telah diluluskan.

Untuk membawa Malaysia ke hadapan dalam industri LED / SSL, SME Corp. Malaysia telah diamanahkan oleh Kerajaan untuk melaksanakan **Program LED / SSL Hijau (EPP 10)** di bawah NKEA Elektrik & Elektrik yang bertujuan untuk mengembangkan syarikat SSL / LED tempatan menjadi juara global. Pada 2012, SME Corp. Malaysia mengenalpasti sebuah syarikat berpotensi

Success Stories

Coffeeland Sdn Bhd

Coffeeland merupakan pengeluar minuman yang memasarkan rangkaian minuman kisar ais Java Blenz. Ditubuhkan pada 1998 di Bandar Puteri Puchong, Selangor, syarikat ini membangun dan mengembangkan rangkaian minuman melalui perkongsian strategik. Kini, produk-produk syarikat boleh didapati di kiosk-kiosk, kafe dan restoran.

Coffeeland menerima sijil National Mark of Malaysian Brand pada 2010 oleh SME Corp. Malaysia. Syarikat ini memanfaatkan National Mark tersebut bagi menarik pasaran dan mendapatkan urusniaga dengan pengedar di Indonesia.

Melangkah ke hadapan, Coffeeland berhasrat untuk menjalin perkongsian dengan pengedar-pengedar antarabangsa di samping mencapai visi menjadi pengeluar kopi ais kisar bermutu tinggi dan minuman solusi.

Fire Fighter Industry Sdn Bhd

Fire Fighter merupakan pemain utama bagi pembuatan, pemasangan dan penyelenggaraan pelbagai rangkaian sistem perlindungan api dan peralatan-peralatan berkaitan. Ditubuhkan pada 1974, syarikat ini menerima pelbagai persijilan ISO dan memperolehi kepercayaan pelanggan dengan menyampaikan produk dan perkhidmatan berkualiti. Fire Fighter memasuki pembuatan pemadam api bergerak pada 1996.

SME Corp. Malaysia mengiktiraf syarikat dengan National Mark of Malaysian Brand pada 2010. Fire Fighter Industry Sdn Bhd mengembangkan aktiviti-aktiviti periklanan dan promosi dengan insentif RM100,000 yang diterima daripada SME Corp. Malaysia sebagai sebahagian daripada ganjaran National Mark. Dengan pengiktirafan jenama kualiti nasional dan kecemerlangan ini, Fire Fighter telah memasuki perkongsian dengan Shell Malaysia Ltd yang membenarkan pelanggan untuk membeli produknya daripada pengedar-pengedar Shell LPG Gas. Syarikat juga terlibat di dalam roadshow yang diadakan oleh Shell di seluruh negara.

Dengan sokongan SME Corp. Malaysia, Fire Fighter bersedia untuk memasarkan produk dan perkhidmatannya yang bermutu ke pasaran yang lebih luas. Syarikat telah mula mengeksport ke negara-negara jiran seperti Brunei dan Indonesia dan juga mensasarkan pasaran Myanmar dan negara-negara ASEAN lain.

New Technics Car Audio Sdn Bhd

New Technics merupakan pemborong produk audio kereta utama berpangkalan di Shah Alam, Selangor. Ditubuhkan pada 1977, syarikat memasarkan jenama-jenama terkenal seperti Mohawk, DLS, Kicker, Uncle Sam dan MTX. New Technics kini mempunyai lebih 400 pengedar Malaysia, China, Brunei, Singapore dan Thailand dengan nilai jualan tahunan AS\$2.5 juta.

Pada 2011, SME Corp. Malaysia mengiktiraf New Technics dengan National Mark of Malaysian Brand bagi jenama Mohawk untuk amplifier, subwoofers, equaliser and aksesori. Profil syarikat dan reputasi telah meningkat dengan signifikan dengan persijilan ini dan kini mempromosikan produknya kepada pengedar baru antaranya melalui majalah penerbangan Syarikat Penerbangan Malaysia.

Dengan penerimaan National Mark ini, syarikat dimotivasikan untuk terus meningkatkan kepuasan pelanggan, mempelbagaikan rangkaian produk dan menggiatkan usaha bagi menjadi pemain utama di dalam industri audio kereta tempatan.

ProEight Offshore Engineering Sdn Bhd

ProEight, pemenang Anugerah PKS Paling Inovatif di pertandingan 1-InnoCERT pada 2011, merupakan syarikat yang dibina dengan budaya inovasi. ProEight secara berterusan memperbaiki produk dan menguji perkakasannya bagi meletakkannya selangkah ke hadapan daripada pesaing. Syarikat juga menarik pekerja profesional berkemahiran khusus jurutera bagi meningkatkan keupayaan R&D yang akan menyumbang kepada kelebihan inovasi syarikat.

Perkhidmatan kejuruteraan ProEight yang berkualiti tinggi dan meterai mekanikal yang dipatenkan telah membantu syarikat memperolehi kontrak-kontrak baru dan meluaskan kontrak-kontrak sedia ada. Syarikat kini dilantik sebagai vendor di bawah Program Pembangunan Vendor PETRONAS (VDP) dan juga kontrak dengan Vinyl Chloride (Malaysia) Sdn Bhd, Sarawak SHELL Berhad (SSB) dan Sabah SHELL Petroleum Company (SSPC).

Anugerah PKS Paling Inovatif ini juga telah meningkatkan kebolehlihatan ProEight di peringkat antarabangsa. Syarikat kini menjalinkan hubungan perniagaan dengan PETRONAS (Thailand) Co. Ltd, PETRONAS Carigali (Turkmenistan) Sdn Bhd, Petroleum Development of Oman (PDO), ProEight International AG Zurich, Switzerland dan ProEight – Oman Joint Venture (JV) Muscat, Oman. ProEight juga terlibat di dalam program Anugerah Enterpris 50 SME Corp. Malaysia 2012 dan disenaraikan pada kedudukan 24 di kalangan 50 pemenang anugerah berkenaan.





Malaysia adalah destinasi pendidikan yang menarik.

iaitu Eco Tech LED Sdn Bhd. Syarikat ini menerima bantuan bagi Sijil Keselamatan Produk Kejuruteraan (PSE) dan pemasangan peralatan talian automatik dan seterusnya telah berjaya menembusi pasaran Jepun.

Pada 2012, pelbagai agensi Kerajaan menjalankan kajian halatujui teknologi untuk mengenal pasti jurang dalam empat sub-sektor industri: Makanan dan Pembungkusan, Peluang Elektrik dan Elektronik, Teknologi dalam Pembungkusan Halal dan Pembelajaran Teknologi. Seramai 300 peserta dari PKS menghadiri seminar bagi keempat-empat pelan hala tuju berkenaan.

Menyedari bahawa PKS memerlukan modal insan untuk membangun dan berkembang, SME Corp. Malaysia terus memfasilitasi Program Peningkatan Kemahiran, sejajar dengan inisiatif Kerajaan

untuk membangunkan pekerja pengetahuan tempatan dan mewujudkan ekonomi berpendapatan tinggi. Program ini ditawarkan melalui 44 Pusat Pembangunan Kemahiran dan Latihan Profesional Pembekal yang dilantik dan telah berjaya melatih 6,816 pekerja PKS bagi 2012.

Institusi pengajian tinggi memainkan peranan penting dalam pembangunan PKS melalui Program **SME @ University**. Tiga sesi program dilaksanakan pada tahun 2012 (SME @ UiTM, SME @ UPM dan SME @ UIAM) dengan penglibatan 64 PKS. Program ini adalah berdasarkan kepada kepakaran dan amalan terbaik dari Universiti SME Tokyo, dilaksanakan oleh SME Support Jepun. Kerajaan terus menyokong Program Latihan SME-University yang melibatkan 13 universiti,

Wysen Industry Sdn Bhd

Wysen merupakan syarikat yang mereka dan mengeluarkan perabot pejabat berkualiti tinggi untuk syarikat-syarikat besar dan PKS. Syarikat ini ditubuhkan pada tahun 1999 dan berpusat di Bandar Bukit Puchong. Ia telah mewujudkan pasaran eksport yang kukuh di Asia Tenggara, Afrika dan Timur Tengah. Wysen telah meluaskan produknya meliputi pelbagai sistem perabot modular.

Syarikat telah menarik perhatian pasaran perabot pejabat antarabangsa dan meluaskan asas pelanggan selepas mendapat persijilan National Mark of Malaysian Brand pada tahun 2011. Pengiktirafan ini juga membantu tenaga kerja Wysen menyesuaikan diri untuk bekerja dengan PKS, dengan bantuan dan bimbingan diperolehi melalui mesyuarat kakitangan khas dan seminar yang diadakan dengan SME Corp Malaysia.

Dengan pensijilan National Mark, Wysen berhasrat untuk membangunkan produk-produk baru dan sofistikated bagi meningkatkan persekitaran kerja para pelanggan syarikat.

Fitrah Food Manufacturing Sdn Bhd

Fitrah Food merupakan sebuah syarikat pengeluaran makanan yang beroperasi di Subang Jaya, Selangor. Syarikat ini mengkhusus di dalam pengeluaran minuman berasaskan cincau, cincau herba dan rumpai laut dan limau. Syarikat mula beroperasi pada tahun 2003 dengan modal permulaan RM300,000. Ia beroperasi di kilang berkeluasan 7,000 kaki persegi dengan dua barisan pengeluaran yang boleh menghasilkan purata 10,000 minuman sehari.

Fitrah Food adalah antara PKS pertama yang menyertai program Groom Big di bawah MITI pada tahun 2006. Memanfaatkan pengetahuan yang diperolehi daripada program bagi aspek peningkatan berkualiti, pembungkusan dan pelabelan dan sesi latihan pematuhan halal, Fitrah Food mempertingkatkan produk dan keupayaan serta mula mengembangkan operasi. Syarikat ini kini memasar dan mengedar minumannya ke lebih 100 cawangan Mydin di seluruh negara sehari dan 260 kedai Mesra PETRONAS serta beberapa kedai serbaneka di Lembah Klang.

Melalui program Groom Big, Fitrah Food telah diperakukan sebagai Jenama Terbaik 1Malaysia dan mencapai RM3.2 juta dalam jualan pada tahun 2012. Melangkah ke hadapan, syarikat berharap untuk mencapai sasaran jualan RM3.8 juta pada tahun 2013

Success Stories

Perisa Specialities Sdn Bhd

Perisa Specialities mengeluarkan dan mengedar perencah makanan, oleoresins rempah, minyak pati, warna semulajadi dan perasa makanan bagi industri pemprosesan makanan. Ditubuhkan pada tahun 1997 dan terletak di Kepong, Kuala Lumpur, syarikat telah menambah rangkaian produk untuk merangkumi lebih daripada 200 produk berkaitan perencah makanan.

Sejak diiktirafkan sebagai syarikat National Mark of Malaysian Brand pada tahun 2012, reputasi Perisa Specialities telah meningkat di pasaran tempatan dan antarabangsa. Syarikat telah memanfaatkan pensijilan tersebut untuk bekerjasama dengan sebuah syarikat Bangladesh untuk pembangunan produk bagi makanan ringan.

Dengan sokongan daripada SME Corp Malaysia, Perisa Specialities beraspirasi untuk meluaskan lagi pasaran di peringkat tempatan dan antarabangsa.

Smart Reader Worldwide Sdn Bhd

Smart Reader Worldwide merupakan pembekal francais bagi pendidikan awal kanak-kanak. Smart Reader Kids adalah jenama terkenal program pendidikan prasekolah syarikat. Syarikat yang memulakan perniagaan di dalam industri francais satu dekad yang lalu, kini mempunyai sebanyak 300 pusat Smart Reader Kids di seluruh negara dan 150 pusat lagi di luar negara.

Pada tahun 2010, Smart Reader Worldwide telah menerima National Mark of Malaysian Brand dan menerima insentif bernilai RM100,000 daripada SME Corp Malaysia untuk tujuan pengiklanan dan promosi. Didorong oleh prestij dan kredibiliti anugerah ini dan penambahbaikan berterusan program-program pendidikan, kejayaan dan reputasi syarikat terus berkembang.

Kini, Smart Reader Kids telah bertapak di Amman, Jordan dan di dalam perancangan untuk mengembangkan aktiviti perniagaannya ke Thailand, Bahrain dan Indonesia.

330 pelajar dan 60 PKS bagi 2012. SME Corp. Malaysia telah mengangkat program ini ke tahap seterusnya dengan Kejohanan Internship SME-Universiti yang memberi pengiktirafan kepada Perunding Muda buat kali pertamanya berdasarkan pencapaian mereka dengan PKS masing-masing.

Program Mentor PKS telah diwujudkan dengan kerjasama SME Corp., Nestlé dan Perbadanan Pembangunan Industri Halal (HDC) dengan berkongsi amalan terbaik dan pengetahuan bagi PKS dalam makanan halal dan industri minuman. Pada 2012, empat sesi telah diadakan dengan penyertaan 56 PKS.

Program Panel Penasihat Pakar PKS (SEAP) menyediakan khidmat nasihat teknikal dan perniagaan kepada PKS. Pada 2012, pakar-pakar SEAP menyediakan bimbingan pakar dan bantuan dalam meningkatkan operasi dan amalan untuk sejumlah 30 projek yang melibatkan 17 PKS.

Perhimpunan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana adalah program jangkauan awam yang dianjurkan oleh Kerajaan pada 2012 untuk menggalakkan pertumbuhan perusahaan mikro, kecil dan sederhana dan untuk meningkatkan taraf hidup negara. Tiga sesi program berjaya menjana jualan sehingga RM1.3 juta dan memberikan peluang bagi Kementerian, agensi-agensi dan institusi-

institusi kewangan untuk berkomunikasi dengan para usahawan dan belajar mengenai keperluan mereka.

Perusahaan halal

Usahawan halal Malaysia mempunyai potensi untuk menembusi pasaran produk halal global yang kini dianggarkan bernilai AS\$2.3 trilion, meliputi kedua-dua sektor bukan makanan dan makanan. MITI melalui HDC, berperanan sebagai penyelaras untuk membangunkan potensi ini dengan meningkatkan pembangunan piawaian halal, memudahkan pembinaan kapasiti dan mempromosikan syarikat-syarikat produk halal Malaysia.

Di bawah HDC, pelaburan dalam industri halal memberi tumpuan kepada Taman-taman Halal di seluruh negara, di mana pengendali taman boleh memohon untuk memperolehi insentif-insentif halal. Pada 2012, sebanyak enam Taman Halal dengan akreditasi "HALMAS" meningkatkan jumlah pelaburan RM1.0 billion dengan 16 projek diluluskan.

HDC juga aktif dalam proses inkubasi, promosi, latihan dan perundingan untuk usahawan halal pada 2012. Sepanjang tahun lepas, HDC memupuk sebanyak 456 syarikat di bawah program Transformasi Perniagaan Halal (HBT), melatih 15521 Pekerja Pengetahuan Halal bagi pematuhan halal dan proses halal yang



diperakui oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), dan melahirkan 351 Eksekutif Halal serta mewujudkan 532 syarikat siap pensijilan halal.

Untuk menyokong inovasi dalam industri halal, MITI melalui HDC menganjurkan Sidang Kemuncak Penyelidikan Halal (WHR 2012) bertema “Inovasi Pemangkin bagi Transformasi Perniagaan.” HDC juga menganjurkan Pameran Inovasi WHR dengan kerjasama Agensi Inovasi Malaysia untuk mempamerkan produk prototaip bagi industri halal. Sebagai sebahagian daripada usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat rujukan halal global, HDC melalui Pusat Sokongan Halal Global juga telah melancarkan Bahagian 1 dan 2 Sistem Pergudangan Data Halal pada 2012.

Keusahawanan yang kompetitif

Pada 2012, aktiviti-aktiviti MITI untuk membangunkan usahawan Bumiputera yang lebih berdaya saing melibatkan 247 program dengan sokongan dan usahasama lapan kementerian dan 31 agensi. Sebanyak RM5.7 juta telah diperuntukkan untuk aktiviti-aktiviti pembangunan keusahawanan Bumiputera.

Program utama SME Corp. Malaysia untuk PKS Bumiputera pada 2012 termasuk **Program Peningkatan Enterpris Bumiputera (BIP)**, delegasi perniagaan ke Uzbekistan dan Seminar IPO 2012 dengan kerjasama Bursa Malaysia dan Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU).

Di samping itu, SME Corp. Malaysia telah memulakan perkongsian pintar dengan TERAJU untuk meningkatkan pembangunan Syarikat Bumiputera Berprestasi Tinggi (TeraS) dengan menyediakan pembiayaan berjumlah RM196.0 juta.

Bahagian Pembangunan Usahawan (BPU) di MITI berfungsi sebagai pusat rujukan dasar-dasar dan program-program pembangunan yang melibatkan keusahawanan Bumiputera di semua agensi di bawah MITI. Bagi melengkapi Pelan Induk PKS, BPU menghasilkan **Pelan Pembangunan Usahawan Bumiputera** sebagai model perniagaan dan rujukan bimbingan, menggalak dan mengukuhkan Agenda Pembangunan Bumiputera.

Success Stories

Petroclamp Sdn Bhd

Petroclamp adalah pembekal perkhidmatan berinovatif di dalam industri minyak dan gas dengan fokus pada produk downhole bagi telaga minyak. Terletak di Taman Perindustrian Zurah, Rasa, Selangor, ia merupakan syarikat milikan 100% Bumiputera yang menyediakan R & D, kejuruteraan petrokimia, teknologi penyiapan dan penggerudian berarah bagi industri minyak dan gas sejak penubuhannya pada tahun 2008.

Pada tahun 2010, Petroclamp mula merintis pembangunan pertama produk pelindung dual kabel di dalam industri minyak dan gas, Controline Pelindung Downhole. MITI membantu syarikat melalui Program Pembangunan Vendor (PPV) pada Mei 2011, dengan pemberian geran latihan bernilai RM39,600 termasuk perundingan, sokongan khidmat nasihat dan teknikal dari SIRIM.

PETRONAS Carigali menunjukkan keyakinan kepada keupayaan syarikat dengan memberikan syarikat empat projek perintis pada Disember 2011. Bertitik tolak daripada ini, Petroclamp telah berjaya mengembangkan pasaran kepada beberapa syarikat terkemuka dengan menyiapkan kumpulan pertama produk untuk Schlumberger pada Jun 2012. Pada bulan Ogos 2012, PETRONAS telah meluluskan lesen untuk Petroclamp.

Usahawan SDSI dengan kerjasama Mydin

Di bawah SDSI, beberapa usahawan tempatan telah meluaskan capaian pasaran dan mengembangkan perniagaan mereka melalui kerjasama dengan Mydin. Mydin telah menyediakan platform penting untuk penjualan produk usahawan-usahawan tersebut.

Fitrah Food Manufacturing Sdn Bhd memasarkan minuman cinau melalui rangkaian pasar raya Mydin. Jualan syarikat melalui Mydin menunjukkan peningkatan berterusan dan kini telah mencecah RM1.5 juta setahun.

AJ Food Industries (M) Sdn Bhd adalah PKS Bumiputera pertama memperkenalkan produk mayonis dalam pasaran tempatan di bawah jenama Jasma Mayo Bite. Syarikat yang berpangkalan di Selangor ini mula memasarkan produk melalui pasar raya Mydin pada tahun 2006. Jumlah jualan produk melalui Mydin meningkat daripada RM17,000 pada tahun 2006 kepada RM290,000 pada tahun 2011.

Ditubuhkan di Perak pada tahun 1999, **Peneram Asli Enterprise** adalah pengeluar produk karpap mini. Melalui usahasama dengan Mydin, syarikat telah mencapai jualan tahunan sebanyak RM200,000, berbanding dengan jualan sebanyak RM5,000 pada permulaan operasi.

Keropok My House Trading Sdn Bhd, merupakan pengeluar keropok ikan beku ditubuhkan di Selangor pada tahun 2001. Syarikat telah melalui pelbagai cabaran sebelum berhasil memperkenalkan produknya melalui Mydin. Jualan tahunan 2011 adalah RM160,000, berbanding jualan diperolehi pada tahun pertama iaitu berjumlah RM5,000.

Shahrinie Foods Industries adalah pengeluar kuih tradisional yang beroperasi di Perak. Ia berjaya memasarkan produk biskut kelapa melalui pasar raya Mydin. Nilai jualan syarikat yang terkini mencecah RM70,000 setahun.



Halatuju Pembangunan Keusahawanan

Daya Saing Global: Meningkatkan penjenamaan, mengembang dan meluaskan syer pasaran dan mewujudkan penyumbang-penyumbang utama kepada KDNK PNK

Pengukuhan: Meningkatkan keupayaan ekonomi, persijilan dan penembusan pasaran baru

Mempertingkatkan: Menyemai pengetahuan yang penting dan meningkatkan kualiti produk dan perkhidmatan

Pewujudan: Melahirkan usahawan-usahawan baru

Pembudayaan: Meningkatkan semangat keusahawanan di kalangan masyarakat Bumiputera

Pelan Tindakan Pembangunan Usahawan bertujuan membangunkan usahawan Bumiputera yang berdaya saing dan mampan melalui lima peringkat: pembudayaan, pewujudan, peningkatan, pengukuhan dan daya saing global.

Membangun negara keusahawanan

Pada 2012, **Institut Keusahawanan Negara (INSKEN)** menyokong Pelan Tindakan Pembangunan Usahawan dengan penganjuran program yang melibatkan sejumlah 20,717 peserta. INSKEN menjalankan pelbagai aktiviti untuk menyokong proses-proses pembudayaan, penciptaan dan peningkatan di bawah Pelan

tersebut. Program-program pembudayaan melibatkan Kursus Asas Keusahawanan untuk Mahasiswa, Latihan *Hands-on* Keusahawanan, Program Go Halal dan Cabaran Usahawan Muda 1Malaysia (1MYEC). INSKEN menggalakkan pewujudan usahawan dengan program-program latihan asas perniagaan dan Skim Usahawan Siswazah. Untuk mencapai objektif peningkatan keusahawanan di bawah Pelan ini, INSKEN menjalankan kursus kemahiran insaniah (*softskills*) dan Seminar Keusahawanan Satu Daerah Satu Industri (SDSI). INSKEN bekerjasama dengan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta usahawan tempatan dan pakar-

pakar industri dalam program rangkaian untuk meningkatkan jaringan di antara kumpulan-kumpulan ini.

Program INSKEN lain termasuk khidmat nasihat untuk membantu usahawan dalam pembangunan produk dan pengembangan perniagaan, program jangkauan, latihan bimbingan usahawan dan program pembinaan kapasiti untuk pegawai-pegawai MITI.

Jangkauan kepada usahawan-usahawan

Pada 2012, Menteri dan Timbalan Menteri MITI menerajui program-program jangkauan turun padang dan pertemuan dengan para usahawan di seluruh negara. Program-program turun padang ini dengan program Get Malaysian Business Online (GMBO) dan program Peningkatan Keusahawanan Fikirkan 1Malaysia (1MEET) melibatkan sejumlah 2,577 usahawan Bumiputera.

MITI mengetuai Jawatankuasa Pemasaran, Promosi dan Pembangunan Usahawan untuk Satu Daerah, Satu Industri (SDSI). Di bawah garis panduan pelaksanaan SDSI baru yang dilancarkan pada 30 Mac 2012, MITI memainkan peranan penting dalam pembangunan SDSI bersama-sama dengan Kementerian Pelancongan (MOTOUR), Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW), Kementerian Pertanian (MOA), Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) serta Lembaga Kemajuan




Azran Deraman

MITI Kelantan

MITI Kelantan menganjurkan beberapa program turun padang bagi Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan Ketua Setiausaha MITI pada 2012. MITI Kelantan juga menyelaras penglibatan pegawai-pegawai kanan MITI di mesyuarat-mesyuarat dan program Pocket Talk bersama syarikat dan pihak badan berkuasa berkenaan isu-isu yang tertunggak. MITI Kelantan juga menganjurkan secara bersama lawatan Pesuruhjaya Tinggi/Duta daripada negara-negara Afrika ke negeri tersebut, serta menyelaras lawatan oleh Menteri MITI dan usahawan-usahawan Kelantan ke Songkhla, Thailand dan juga menganjurkan lawatan-lawatan ke Taman Perindustrian Selatan Thailand bagi tujuan pemadanan perniagaan. MITI Kelantan juga mengeluarkan lebih 25,000 Sijil Tempasal pada 2012.

Peranan MITI di dalam SDSI



Tanah Persekutuan (FELDA). MITI secara berterusan memantau dan menilai inisiatif SDSI untuk memastikan bahawa ia memberikan hasil yang diharapkan. Pada 2012, aktiviti SDSI ditambah untuk meningkatkan penglibatan masyarakat perniagaan dan syarikat-syarikat utama seperti pasar raya besar, syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan agen pemasaran.

Pada 2012, acara Pameran SDSI yang dianjurkan oleh MITI menjadi platform untuk mempromosi dan memasarkan produk dan perkhidmatan SDSI di pasaran tempatan dan global. Acara



ini melibatkan 584 usahawan sebagai pempamer dan menyediakan peluang untuk usahawan mengetahui mengenai maklumat berkenaan insentif dan kemudahan kerajaan, membangunkan kemahiran keusahawanan melalui latihan seminar dan mengembangkan rangkaian perniagaan serta pemasaran. Kehadiran pengunjung meningkat sebanyak 12.0 peratus berbanding pameran tahun sebelumnya.

Di samping itu, usahawan SDSI digalakkan untuk mengambil bahagian dalam pameran perdagangan di dalam negeri dan antarabangsa seperti Hari Belia 2012, Ekspo Sokongan PKS, Program Peningkatan Groom Big Usahawan SDSI Sarawak, Pameran

Antarabangsa Makanan dan Minuman Malaysia (MIFB), Pameran Pertanian Malaysia, Pameran Antarabangsa Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan (MAHA) dan Satu Kampung Satu Industri (OVOP), Thailand. Acara-acara ini telah menarik sejumlah 102 usahawan SDSI yang berkelayakan.

Menggunakan Strategi Lautan Biru (BOS), MITI bekerjasama dengan KPDNKK, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA), Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) dan Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) pada 2012 untuk menjalankan siri sesi padanan perniagaan antara usahawan SDSI dengan pembeli, pengedar, agen pemasaran,



Sabariah Mohd Sofian

MITI Sarawak

Pada 2012, MITI Sarawak menyelaras dan menganjurkan dua program turun padang bagi Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri ke Taman Perindustrian Samalaju dan Pelabuhan Bintulu. MITI Sarawak juga menganjurkan sesi jaringan dengan industri-industri negeri dan media-media tempatan. Aktiviti-aktiviti lain yang dianjurkan oleh MITI Sarawak termasuk "Hari MITI" bersama para pelajar, taklimat Pocket Talk FTA, sesi jangkauan STA, bengkel Groom Big dan program-program jangkauan MITI dengan Gabungan Pembekal-pembekal Perkhidmatan Malaysia. MITI Sarawak juga membantu menyelaras pameran Groom Big dan program turun padang bagi Timbalan Menteri MITI (Perdagangan).

pengimport dan pasar raya besar. Sesi-sesi ini menyediakan peluang perniagaan dan rangkaian kepada 108 usahawan. Berdasarkan maklum balas positif daripada peserta, program ini telah memberi manfaat usahawan SDSI dengan menyediakan pengetahuan mengenai keperluan untuk produk pemasaran untuk pasar raya besar.

Menurut kajian impak yang dijalankan oleh Unit Penyelaras Pelaksanaan (ICU) di Jabatan Perdana Menteri, SDSI telah berjaya mewujudkan sebanyak 4,835 usahawan di 141 daerah di seluruh negara pada 31 Disember 2011. Seramai 973 usahawan mencapai jualan tahunan dari RM50,000 kepada RM500,000, manakala 50 usahawan mencapai jualan tahunan melebihi RM500,000. Program ini telah menjana 12,428 peluang pekerjaan pada 31 Disember 2011, dengan sebahagian besar peluang pekerjaan



diwujudkan dalam industri pelancongan, kebudayaan dan seni, industri makanan dan minuman serta industri pertanian.

Program Peningkatan Kualiti Produk dan Perkhidmatan (Groom Big) meneruskan matlamat untuk menyokong usahawan Bumiputera dengan meningkatkan reka bentuk produk, pembungkusan dan kualiti ke tahap yang lebih tinggi yang diperlukan untuk berjaya dalam pasaran tempatan dan luar negara. Pada 2012, MITI berjaya menganjurkan 41 bengkel dan empat lain-lain aktiviti pemasaran promosi untuk 1,200 peserta Groom Big. Sepanjang 2012, Groom Big menangani isu-isu bekalan bahan mentah dan pemasaran melalui penubuhan Koperasi Groom Big dengan sejumlah tujuh koperasi yang didaftarkan setakat ini di Sabah, Sarawak, Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor dan Wilayah Utara. Koperasi Groom Big Wilayah Utara khususnya telah bekerjasama dengan Pasar Raya Besar Mydin untuk mempromosi dan memasarkan produk-produk 50 usahawan Groom Big.

Bagi mengukuhkan keupayaan usahawan, BPU melaksanakan Program Pembangunan Penyelaras Kecemerlangan Promosi dengan kerjasama Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) yang menghasilkan peningkatan dalam kepuasan pelanggan bagi sembilan syarikat yang mengambil bahagian. Di samping itu, program ini meningkatkan pematuhan piawaian



antarabangsa seperti ISO 9000, ISO 9001 dan MS ISO 9001:2008. BPU bekerjasama dengan MATRADE melalui Program Pembangunan Pengeksport Bumiputera (BEDP) untuk membantu usahawan mencapai daya saing global dengan kemahiran dan pengetahuan bagi penjenamaan dan pengembangan pasaran.

Untuk menggalakkan lagi penciptaan usahawan, program jangkauan ke atas Saham Khas Bumiputera telah dilaksanakan sebanyak enam kali di seluruh Malaysia pada 2012. Sebanyak 1,856 syarikat dan koperasi Bumiputera telah diperuntukkan sejumlah 644,009,800 unit saham bernilai RM170.1 juta pada 2012.

Usahasama dalam sektor utama

BPU terus meningkatkan usahawan dengan Program Pembangunan Vendor (PPV) yang membangun usahawan Bumiputera sebagai pengeluar komponen, pembekal dan penyedia perkhidmatan bagi syarikat-syarikat besar tempatan, syarikat-syarikat multinasional dan

GLC. Dilaksanakan pada 1988 dengan industri automotif negara, VDP telah diperluas untuk merangkumi perkhidmatan kejuruteraan minyak dan gas, perabot, elektrik dan elektronik dan telekomunikasi. Sehingga Disember 2012, 68 syarikat utama dengan 946 vendor telah didaftarkan di bawah program ini.

Pada 2012, BPU memanfaatkan perkongsian strategik dengan GLC untuk menggunakan premis perniagaan di lokasi-lokasi seperti terminal lapangan terbang sebagai platform untuk usahawan Bumiputera.

Pelaburan di masa depan

Pada 2012, MITI melalui MIDF meluluskan permohonan untuk pembiayaan di bawah beberapa skim untuk memenuhi keperluan PKS. Di bawah Skim Pinjaman Mudah Bagi Pembangunan Automotif, MIDF meluluskan permohonan berjumlah RM118.3 juta yang membantu vendor komponen automotif termasuk PKS. Pada 2012, MIDF telah



meluluskan permohonan berjumlah RM31.1 juta di bawah Skim Pinjaman Mudah bagi Automasi & Pemodelan yang menggalakkan usaha automasi dan aktiviti berteknologi tinggi dalam pembuatan di samping mengurangkan pergantungan kepada pekerja asing.

Di bawah Skim Pinjaman Mudah Untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (SLSME), MIDF meluluskan 365 permohonan baru untuk bantuan kewangan berjumlah RM244.3 juta pada tahun 2012, peningkatan sebanyak 41.5 peratus daripada jumlah tahun sebelumnya sebanyak RM172.7 juta. SLSME ini menyediakan bantuan kepada syarikat-syarikat baru dengan akses kepada pembiayaan awal



dan membantu PKS yang ditubuhkan untuk mengembangkan dan meningkatkan perniagaan mereka. Pada 2012, peruntukan dana khas telah dikenal pasti dalam SLSME bagi PKS diurus dan dimiliki oleh kaum India di Malaysia untuk meningkatkan inklusif pembangunan ekonomi negara.

SME Bank terus menyediakan PKS dengan Skim Premis Usahawan yang ditubuhkan sebagai pendekatan bersepadu untuk menyokong pembangunan keusahawanan menerusi penyediaan ruang kilang dengan kadar sewa yang istimewa untuk perusahaan baru. Premis ini boleh didapati di seluruh negara, kebanyakannya bagi sektor pembuatan. PKS yang menyertai skim ini juga menerima pembiayaan, latihan keusahawanan dan khidmat nasihat.


Kumpulan pertama terbitan Sukuk SME Bank yang telah dilancarkan pada 13 Ogos 2012 telah terlebih langganan sebanyak 5.9 kali menandakan kejayaan terbitan tersebut. Terbitan awal RM500.0 juta merupakan bahagian pertama daripada sejumlah RM3.0 bilion sukuk tersebut.



ABX Express (M) Sdn Bhd

ABX telah ditubuhkan 29 tahun yang lalu sebagai perniagaan kecil milik Bumiputera berpangkalan di Labuan. Syarikat menyediakan perkhidmatan kurier ke destinasi domestik dan antarabangsa. Dengan bantuan kewangan dan sokongan melalui Skim Pinjaman Mudah untuk Perkhidmatan Pembangunan Kapasiti (SLSCD) daripada MIDF, syarikat mengembangkan perniagaan dan meningkatkan keupayaan ICT. Sistem Pengimbas Bergerak Tenaga Kerja baru membolehkan ABX untuk mengesahkan lokasi dan status pakej penghantaran di mana-mana lokasi di dunia.

Pada tahun 2004, ABX menjadi syarikat kurier tempatan pertama menjalinkan kerjasama dengan rangkaian perniagaan kurier antarabangsa. Ini membolehkan syarikat mengembangkan operasi di peringkat global. Hari ini, syarikat mempunyai 78 cawangan di seluruh negara dan mempunyai pelbagai pelanggan seperti Maybank dan PETRONAS.



Azman Hamzah Plastik Sdn Bhd

Azman Hamzah Plastik (AHP) merupakan pakar bagi ketepatan acuan suntikan plastik dan pemasangan komponen bagi industri automotif. Ditubuhkan pada 1989, syarikat itu mengeluarkan lebih 400 jenis produk, termasuk komponen plastik dalaman dan luaran, komponen plastik enjin dan kompartmen enjin untuk pelanggan seperti Proton, Perodua dan UMW Toyota.

Pada tahun 2010, AHP mendapatkan sokongan daripada MIDF di bawah Skim Pinjaman Mudah Bagi Pembangunan Automotif (SLSAD) untuk memenuhi permintaan pasaran dan meningkatkan potensi perniagaan. Dengan pinjaman tersebut, AHP dapat mengukuhkan kemudahan perniagaan dan keupayaan serta menjadi syarikat di kalangan usahawan Bumiputera yang paling berjaya di negara ini. Syarikat kini mempunyai kilang di Selangor dan Perak dan mensasarkan lebih ramai pelanggan tempatan dan antarabangsa.


Success Stories

C-Tech Rubber (M) Sdn Bhd

Ditubuhkan 25 tahun dahulu oleh usahawan-usahawan Bumiputera, C-Tech mereka dan mengeluarkan produk-produk getah khusus bagi industri pemrosesan ternakan ayam antarabangsa. Produk-produk utama adalah jejeri pencabut getah yang dipasang pada sistem pencabut untuk mencabut bulu ayam, itik dan ayam turki.

C-Tech telah membina reputasi di peringkat antarabangsa dengan membangunkan peralatan mencabut baru dan produk khusus bagi sistem. Dengan bantuan kewangan dan sokongan daripada MIDF, syarikat berupaya membeli kilang yang terbaru, meningkatkan kadar pengeluaran, menurunkan kos dan meluaskan operasi secara amnya.

Dengan peningkatan pemakanan ayam di seluruh dunia, perniagaan C-Tech berpotensi untuk terus berkembang di masa depan.



Life Waters Industries Sdn. Bhd.

Ditubuhkan pada 2002, Life Waters Industries merupakan syarikat minuman berasal dari Sabah. Ia mengeluarkan air minuman osmosis balikan (RO), minuman berkarbonat berperisa dan sistem dispenser air minuman di bawah jenama K2. Dengan bantuan kewangan daripada MIDF, Life Waters berhasil meningkatkan kapasiti pengeluaran dan meluaskan operasinya.

Pada 2010, Life Waters memenangi Anugerah Kecemerlangan Industri Sabah 2010/2011 bagi sumbangannya kepada ekonomi negeri tersebut. Kini, syarikat mempunyai tiga kilang yang terdapat di Kota Kinabalu dan Sandakan dengan 180 pekerja dan pasaran bagi produknya di hotel-hotel terkemuka dan resort percutian di seluruh Sabah. Life Waters juga telah memasuki pembuatan produk bagi pelbagai syarikat berasaskan pengeluaran kontrak.

Dengan bantuan MIDF, Life Water Industries menjangkakan permintaan bagi produk-produknya meningkat dan menjangkau lebih ramai pelanggan.



Kerajaan menggalakkan penggunaan mesin dan peningkatan kualiti bagi PKS dengan potensi eksport seperti pengusaha makanan.

Prospek: Langkah seterusnya

Malaysia dijangka mengekalkan pertumbuhan KDNK yang kukuh pada 2013. Dengan prospek ini, PKS tempatan berpeluang untuk berkembang dan memanfaatkan persekitaran ekonomi yang positif. Kerajaan akan terus menyokong pembangunan PKS dan memperkenalkan inisiatif-inisiatif baru serta memperkukuhkan program-program sedia ada.

MITI akan berkerjasama rapat dengan kementerian dan agensi berkaitan untuk memastikan pelaksanaan segera serta menyeluruh Pelan Induk PKS 2012-2020. Kerajaan dengan kerjasama sektor swasta akan melancarkan enam HIP untuk mencapai empat matlamat utama Pelan Induk berkenaan dengan inisiatif-inisiatif 32 yang lain.

Di samping, Bajet 2013 telah memperuntukkan RM30.0 juta untuk menyokong pelaksanaan Pelan Induk PKS. SME Bank bersama-sama dengan Bank Pembangunan Islam juga akan memperuntukkan RM200.0 juta kepada Tabung Industri Makanan Halal.

Di mesyuarat Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK) pada bulan April 2013, MITI akan membentangkan penemuan Deloitte di Retreat Strategi Breakout yang diadakan pada Disember 2012. Ini akan menyokong pelaksanaan lanjut pelan perniagaan khusus bagi perusahaan mikro. Setakat ini, 97.3 peratus daripada jumlah pertumbuhan di Malaysia terdiri daripada PKS, di mana 77.0 peratus daripada PKS tersebut merupakan perusahaan mikro. Sementara itu, 20.0 peratus daripada PKS merupakan

“PKS juga perlu berdikari dalam memastikan kejayaan syarikat dan tanpa terlalu mengharapkan bantuan Kerajaan.”

– Mustapa Mohamed, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Utusan Malaysia, 10 Oktober 2012


perusahaan kecil dan baki tiga peratus adalah perusahaan sederhana. Majoriti 645,136 PKS Malaysia terdapat di dalam sektor perkhidmatan, seperti ditunjukkan oleh Carta 20.

Beberapa acara penting bagi PKS akan diadakan pada bulan Jun 2013. Sidang Kemuncak Wanita Global 2013 akan diadakan di Kuala Lumpur 6-8 Jun, merupakan platform untuk membincangkan strategi untuk meningkatkan peluang ekonomi kepada usahawan wanita di seluruh dunia. Persidangan PKS ASEAN-Korea akan diadakan dari 12-14 Jun untuk mempamerkan produk dan perkhidmatan yang inovatif di antara negara-

negara ASEAN dan Korea. Akhirnya, pelaksanaan Minggu PKS di seluruh negara dijadualkan pada Jun 24-30. Minggu PKS 2013 akan mempromosikan PKS tempatan serta produk dan perkhidmatan mereka di seluruh negara.

Pada 2013, MITI juga akan terus menilai dan meningkatkan jenama SDSI. Produk dan perkhidmatan SDSI akan didaftarkan di bawah petunjuk geografi dengan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) untuk memastikan produk dan perkhidmatan memenuhi standard kualiti yang diperlukan untuk menembusi pasaran tempatan dan luar negara.

Carta 20: Pecahan PKS Malaysia, 2012





**negara yang
berdaya saing**

negara yang berdayasaing

Prestasi produktiviti Malaysia kekal kukuh walaupun menghadapi faktor-faktor luaran yang mencabar pada 2012. Produktiviti bertumbuh pada 2.0 peratus pada 2012 didorong oleh permintaan domestik yang kukuh, yang membantu mengurangkan kesan daripada permintaan luar yang lemah.



Sektor perlombongan menunjukkan tanda-tanda pemulihan dengan mencatatkan pertumbuhan negatif yang rendah pada 4.4 peratus pada 2012, berbanding dengan pertumbuhan negatif 29.1 peratus pada 2011. Sektor perlombongan juga mencatatkan tahap produktiviti pada RM784,367, merupakan pencapaian tertinggi di kalangan semua sektor bagi 2012. Sektor pertanian juga mencatatkan penurunan pada 11.2 peratus bagi pertumbuhan produktiviti disebabkan pengurangan di dalam permintaan luar bagi minyak sawit dan produk berasaskan minyak sawit.

Sektor pembinaan terutamanya mencatatkan pertumbuhan pada 15.5 peratus, disokong oleh faktor-faktor seperti penambahbaikan di dalam penyampaian perkhidmatan melalui penggunaan ICT, penambahbaikan di dalam peraturan dan peningkatan di dalam bekalan guna tenaga mahir. Sementara itu, perkembangan di dalam industri berasaskan domestik memangkin kepada pertumbuhan produktiviti bagi sektor pembuatan pada 4.5 peratus. Sektor perkhidmatan bertumbuh pada 1.8 peratus didorong oleh sub-sektor maklumat dan telekomunikasi, kewangan dan insurans serta hartanah.

Produktiviti Faktor Menyeluruh Malaysia (PFM) menyumbang 18.3 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi tempoh lima tahun daripada 2008-2012. Sepanjang tempoh tersebut, modal bertumbuh pada 2.0 peratus dan menyumbang 48.5 peratus kepada pertumbuhan ekonomi, sementara input guna tenaga menyumbang 1.4 peratus kepada output pertumbuhan. Sepanjang tempoh 2008-2012, sektor pembuatan mencatatkan PFM sebanyak 1.4 peratus manakala sektor perkhidmatan mencatatkan pertumbuhan PFM sebanyak 3.5 peratus.



Jadual 5: Tahap Produktiviti dan Pertumbuhan Malaysia 2009-2012

Malaysia	2009	2010	2011	2012
Tahap produktiviti (RM)	54,109	56,721	57,737	58,875
Pertumbuhan produktiviti (%)	-2.1	4.8	1.8	2.0

Terserai antara yang terbaik

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

memantau dan mengukur daya saing perniagaan di Malaysia melalui laporan-laporan kedudukan daya saing antarabangsa. Dalam **Laporan Tahunan Daya Saing Dunia (WCY)** yang dikeluarkan oleh Institut Pembangunan bagi Pengurusan (IMD), kedudukan Malaysia meningkat kepada 14 daripada 59 negara yang berdaya saing, merupakan peningkatan sebanyak dua tangga daripada tahun lepas. Malaysia mencatat peningkatan yang memuaskan bagi keberkesanan perniagaan, peningkatan enam mata daripada tangga 14 pada tahun 2011, manakala bagi keberkesanan kerajaan, Malaysia berada pada tangga 13 berbanding 17 pada tahun 2011. Prestasi daya saing yang memuaskan ini disumbangkan oleh penambahbaikan di dalam undang-undang perniagaan, kewangan, kerangka kewangan, kerangka sosial, produktiviti dan keberkesanan.

WCY menyenaraikan Malaysia sebagai keempat berdaya saing di kalangan 13 negara di Asia-Pasifik, satu peningkatan daripada tangga kelima tahun sebelumnya. Hanya Hong Kong, Singapura dan Taiwan berada di kedudukan atas Malaysia. Di kalangan lima negara ASEAN, Malaysia kekal di kedudukan kedua selepas Singapura.

Di dalam **Laporan Daya Saing Global 2012-2013 (GCR 2012-2013)** oleh Forum Ekonomi

Dunia (WEF), Malaysia berada di kedudukan 25 daripada 144 negara dan berada di kalangan 20 peratus negara teratas paling berdaya saing di dunia. Malaysia juga telah dinaiktarafkan daripada tahap pembangunan yang didorong oleh kecekapan kepada tahap peralihan menuju ke tahap pembangunan yang didorong oleh inovasi.


GCR 2012-2013 melaporkan kekuatan daya saing ketara Malaysia adalah di dalam teras Kecekapan Pasaran Barangan yang berada di kedudukan ke-11, dan teras Pembangunan Pasaran Kewangan disenarai di kedudukan ke-6 dan perkhidmatan Kerajaan bagi meningkatkan prestasi perniagaan disenaraikan di kedudukan ke-4.

Laporan Kemudahan Menjalankan

Perniagaan 2013 oleh Bank Dunia menyenaraikan Malaysia di tangga ke-12, merupakan peningkatan signifikan daripada tangga ke-18 di dalam laporan 2012. Laporan tersebut yang mengukur sejauhmana peraturan dan penguatkuasaan mempengaruhi perjalanan perniagaan mengiktiraf Malaysia di kalangan 10 negara teratas yang melaksanakan pembaharuan di rantau APEC. Bank Dunia juga telah memperakui usaha pembaharuan Malaysia dengan penubuhan Jawatankuasa Pembaharuan Peraturan di peringkat antara Kementerian.



Jadual 6: Kedudukan Daya Saing Malaysia (Buku Tahunan Daya Saing Dunia)



Malaysia kekal menjadi negara teratas bagi Mendapatkan Kredit dan negara ke-4 teratas bagi Perlindungan Pelabur. Aspek-aspek yang telah ditambahbaik didapati bagi aspek Pembayaran Cukai, Pendaftaran Hartanah, Mendapatkan Bekalan Elektrik, Perdagangan Antara Sempadan dan Berurusan dengan Permit Pembinaan. Bank Dunia juga telah mengenalpasti amalan-amalan terbaik daripada Malaysia: penyediaan maklumat

ukur kadaster atas talian di bawah Pendaftaran Hartanah, pengedaran mengenai pinjaman di bawah satu peratus daripada pendapatan per kapita di bawah Mendapatkan Kredit, menggariskan tanggungjawab yang jelas bagi pengarah untuk kes urusan berkaitan pihak di bawah Perlindungan Pelabur, dan membenarkan pengaduan secara elektronik di bawah Penguatkuasaan Kontrak.

Jadual 7: Kemudahan Menjalankan Perniagaan 2013, Kedudukan Teratas Asia-Pasifik

Ekonomi	Kemudahan Menjalankan Perniagaan (Kedudukan)		
	2013	2012	2011
Singapura	1	1	1
Hong Kong	2	2	2
New Zealand	3	3	3
Korea Selatan	8	8	15
Australia	10	15	11
Malaysia	12	18	23
Taiwan	16	25	24


Persekitaran pengupayaan perniagaan: Amalan terbaik peraturan

Malaysia berupaya meningkatkan lagi daya saingnya dengan memastikan persekitaran peraturan yang ada tidak menghalang komuniti perniagaan menjalankan perniagaan mereka tanpa sebab yang musabab. Rancangan Malaysia Ke-Sepuluh (2011-2015) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) menggariskan mandat bagi MPC menerajui kajian semula yang menyeluruh peraturan-peraturan perniagaan yang ada. MPC bertanggungjawab membentuk kerangka peraturan yang akan memastikan mutu yang lebih baik peraturan-peraturan baru dan sedia ada secara berterusan, serupa dengan sistem-sistem Amalan Terbaik Peraturan (GRP) yang terbukti berkesan di Australia, Kanada dan negara-negara Organisasi Untuk Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD) lain.

Kerangka Sistem Pengurusan Peraturan Berkualiti (QRMS) yang dicadangkan menyatakan pengubahsuaian kepada proses pembuatan peraturan sedia ada memerlukan penubuhan peranan kawalan kualiti untuk menyemak dan menguatkuasakan pematuhan kepada keperluan prosedur, menerbit dan menyediakan proses pembuatan peraturan yang dibentuk dengan teratur serta membangunkan kapasiti pembuat peraturan yang bertanggungjawab kepada pematuhan prosedur. Kerangka yang dicadangkan ini juga memperkenalkan semakan secara langsung bagi peraturan-peraturan baru serta keperluan bagi pembuat peraturan untuk menyediakan maklumbalas kepada cadangan-cadangan daripada badan kawalselia pusat.

Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara yang dipengerusikan oleh Ketua

Carta 21: Aliran Tindakan Sistem Pengurusan Peraturan Berkualiti



Setiasa Kerajaan akan menyediakan mekanisme kawalan berkualiti bagi pembangunan dan semakan semula cadangan-cadangan peraturan.

Menyedari kepentingan pembentukan dan mengekalkan ekosistem GRP, Kerajaan telah mengambil langkah memastikan sistem bagi menjamin kualiti peraturan ini disokong sepenuhnya oleh agensi-agensi berkaitan dan digunakan di peringkat tertinggi kerajaan. Usaha-usaha pemudahcara oleh Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH) dan pelaksanaan GRP akan melengkapi satu dengan lain bagi mewujudkan persekitaran perniagaan yang lebih menarik.

MPC telah mengeluarkan draf Polisi Negara bagi Pembangunan dan Pelaksanaan Peraturan serta Buku Panduan Amalan Terbaik Peraturan bagi memastikan penggunaan amalan terbaik di semua peringkat agensi kerajaan. Organisasi-organisasi antarabangsa juga telah dirujuk bagi memastikan proses ini akan selari dengan piawaian antarabangsa. Penilaian Impak Peraturan (RIA) kini merupakan keperluan mandatori bagi pembuat peraturan, bermula dengan projek rintis di lima kementerian dan agensi: Kementerian Dalam Negeri (KDN), MITI, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).



**MITI pada 2012
dan seterusnya**

MITI pada 2012 dan seterusnya

Melangkah ke hadapan, Halatuju Strategik MITI bagi Tahun 2013 akan berfokus kepada aktiviti-aktiviti utama bagi memfasilitasi pertumbuhan perdagangan Malaysia dan mencapai integrasi yang lebih bagi rantai nilai global, hasil pelaksanaan polisi Kerajaan dan Program Transformasi Ekonomi.

Tahun 2012 bukan sahaja merupakan tahun yang penuh bermakna bagi hubungan perdagangan antarabangsa Malaysia, sektor industri dan usahawan kecil dan sederhana, ia juga merupakan tahun yang signifikan kepada MITI sebagai sebuah organisasi Kerajaan. Tahun 2013 dan tahun-tahun yang akan datang, akan menawarkan peluang yang lebih baik kepada semua bahagian dan agensi di MITI.



Jangkauan media awam

MITI mengekalkan hubungan yang rapat dengan media pada 2012 bagi menyampaikan dengan berkesan peranan dan aktiviti kepada orang awam. Pada 2012, liputan media mengenai MITI dan agensi di dalam dan luar negeri semakin dipertingkatkan. Liputan mengenai MITI di suratkhbar-suratkhbar utama Malaysia (Utusan Malaysia, Berita Harian, New Straits Times, The Star, The Sun) merangkumi 519 artikel yang melaporkan isu-isu substantif perdagangan. MITI juga dipaparkan di dalam sejumlah 50



artikel terbitan luar negara, menjadikannya sebuah Kementerian yang paling banyak mendapat liputan media antarabangsa. Bagi merapatkan hubungan dengan ahli media tempatan, MITI juga menganjurkan sejumlah lapan sesi pertemuan dengan 14 organisasi media utama sepanjang 2012.

MITI juga mengekalkan kehadirannya secara aktif di atas talian melalui pelbagai media sosial pada tahun 2012. Dari Januari 2012 ke Januari 2013, MITI mempunyai 15,393 'followers' bagi Twitter, 2,017 'Like' bagi Facebook, dan 316 'posts' dan 2,518 komen bagi Blogger.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri meneruskan aktiviti turun padang pada 2012. Sebanyak 66 aktiviti turun padang telah dilaksanakan bagi mendapatkan maklumbalas dan mendengar secara langsung keperluan usahawan PKS, pekerja, pelabur dan pedagang.

Pencapaian kualiti di tahun 2012

Pada 2012, MITI mengekalkan persijilan Persekitaran Kualiti (QE/5S) bagi empat tahun berturut-turut, menunjukkan komitmen Kementerian mengamalkan amalan berkualiti.

Semenjak mencapai persijilan QE/5S pada 2009, MITI juga telah menjadi contoh bagi kejayaan pelaksanaan program dan telah menerima beberapa lawatan serta kunjungan daripada Kementerian dan agensi lain yang berminat untuk mempelajari kejayaan MITI.

MITI telah berjaya mengekalkan persijilan MS ISO9001:2008 pada 2012 yang telah diberikan oleh SIRIM QAS International. MITI merupakan kementerian pertama diiktiraf dengan piawaian sistem pengurusan kualiti tersebut pada tahun 2009.

Sepanjang 2012, MITI melaksanakan sejumlah 22 program kualiti dan pembudayaan inovasi dengan sokongan dan penglibatan penuh warga MITI. Program-program ini mencapai kemuncaknya dengan MITI Innovation Hunt Sesi I semasa sambutan Program Pemupukan Kualiti dan Inovasi Kementerian yang melibatkan penglibatan MITI dan semua agensi. Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) telah menjalankan penilaian Sistem Penarafan Bintang (SSR) bagi peringkat kementerian untuk ketiga kalinya pada tahun 2012. MITI telah diaudit mengikut kriteria SSR, dan mendapat penarafan 4-Bintang pada 2008 dan 5-Bintang pada 2010.





Mengutilisasikan sumber-sumber maklumat

Pusat Sumber MITI merupakan pusat-sehenti bagi rujukan dan maklumat menyediakan capaian kepada pelbagai bahan perpustakaan yang komprehensif bagi perdagangan antarabangsa dan industri dan juga bidang-bidang berkaitan. Pusat Sumber MITI telah memenangi beberapa anugerah termasuk Anugerah Perpustakaan sebagai perpustakaan paling aktif di Malaysia yang aktif menganjurkan aktiviti-aktiviti promosi dan pembudayaan membaca bagi tahun 2010 dan 2011. Pusat Sumber juga telah memenangi Anugerah Sistem Persekitaran Kualiti MITI (EQS/5S) bagi 2012. Anugerah-anugerah ini membuktikan keberkesanan Pusat Sumber MITI.

Pusat Sumber MITI juga melaksanakan aktiviti-aktiviti pada 2012 yang meliputi Kelab Buku MITI 2012, perkhidmatan Pintu-ke-Pintu bagi meningkatkan kesedaran kepada perkhidmatan dan perpustakaan di Pusat Sumber, sesi ulasan buku, kempen membaca dengan kerjasama Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), para pembekal buku dan pelajar UiTM.

Teknologi komunikasi maklumat MITI

Tahun 2012 merupakan tahun yang berhasil bagi Perkhidmatan ICT MITI dengan pelaksanaan

pelbagai inisiatif dan pencapaian anugerah-anugerah yang penting. MITI telah menerima Anugerah Emas bagi Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif, Wilayah Selatan bagi Projek Helpdesk ICT – iSupport dan juga Anugerah Emas (3-Bintang) di Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif Kebangsaan 2012 bagi projek yang sama. Pada November 2012, MITI telah ditarafkan pada tangga ke-4 dengan penarafan 5-Bintang bagi Laporan Penilaian Website dan Portal Kerajaan Malaysia (MGPWA) oleh Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDEC).

Bahagian Pengurusan Maklumat telah berjaya melaksanakan tiga inisiatif MAMPU pada 2012. Inisiatif IPV6 telah dilaksanakan pada Jun 2012, Aplikasi MyMeeting dilaksanakan pada Ogos 2012 dan kemudahan Pusat Data Sektor Awam (PDSA) dilaksanakan pada Disember 2012.

Bagi penilaian SSR 2012 oleh MAMPU, MITI telah mendapat pujian bagi Faktor WOW/Amalan Terbaik bagi Pusat Pemulihan Bencana dan juga bagi konferensi video bagi mesyuarat pengurusan dan pasca-kabinet dengan pejabat Wilayah MITI dan pejabat luar negeri. MITI juga mendapat pujian bagi inovasi ICT, EZLink dan e-Forum.

Pada 2012, MITI juga telah melaksanakan penggantian penggunaan komputer *desktop*



dengan komputer riba bagi memudahkan pergerakan dan meningkatkan produktiviti.

Teras Strategik 2013

Enam teras strategik MITI bagi melangkah ke hadapan adalah:

1. Meningkatkan ekport pembuatan dan perkhidmatan.
2. Meningkatkan pelaburan berkualiti di dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan.
3. Pewujudan peluang pekerjaan berasaskan pengetahuan dan berpendapatan tinggi.
4. Meningkatkan produktiviti dan inovasi di

5. Pembangunan PKS dan pengintegrasian ke dalam rantaian nilai global.
6. Pembangunan usahawan Bumiputera.

Halatuju Strategik 2013 menggariskan perancangan strategi bagi 2013 meliputi pelbagai acara di peringkat domestik dan antarabangsa bagi jangkauan dan promosi sektor-sektor utama. Projek Afrika, meliputi Misi Pemasaran Khusus (SMM) dan Misi Pembelian Masuk akan mewujudkan permintaan bagi produk dan perkhidmatan Malaysia di Afrika melalui inisiatif penjenamaan. Pada 2013, MITI akan juga mengembangkan Pusat Dagangan



Keperluan Permit Diluluskan (AP) akan disemak semula pada 2013.

dan Pelaburan Malaysia, serta menyediakan program sokongan khusus bagi syarikat tingkat-pertengahan.

Bagi memenuhi keperluan industri, MITI akan mengkaji semula keperluan Permit Diluluskan (AP), mengambilkira kesesuaian sistem AP semasa. Sebagai tambahan, MITI juga akan melaksanakan aktiviti Perekayasaan Proses Perniagaan (BPR) bagi pelbagai pemprosesan, termasuk penilaian mekanisme bagi Lesen Pembuatan (ML), Pesanan Pengecualian Am (GEO) ke atas duti import dan pengecualian cukai jualan ke atas Mesin dan Peralatan dan keperluan bagi kelulusan model bagi pengeluaran kenderaan komersil. MITI juga akan memastikan aktiviti bagi 2013 sejajar untuk menarik pelaburan berkualiti dan mewujudkan pekerjaan berkualiti, sementara mengambil pendekatan ekosistem bagi menarik pelaburan untuk mengisi jurang yang terdapat di dalam rantaian nilai tempatan.

Bagi sektor perkhidmatan, MITI akan mengenalpasti perkhidmatan *niche* bagi penggalakkan, memfasilitasi penggalakkan berasaskan pengetahuan tinggi dan perkhidmatan nilai tambah tinggi bagi memastikan pelaksanaan Pelan Halatuju Perkhidmatan dan menganjurkan Konferensi Perkhidmatan Kebangsaan. Sebagai tambahan, MITI juga akan menyemak semula, menggubal dan menjajarkan jadual komitmen

Kalendar Aktiviti MITI 2013

- Minggu Halal (3 - 4 Apr 2013)
- Persidangan SMIDEX 2013 & PKS ASEAN Korea (12 - 14 Jun)
- Persidangan Kebangsaan Sektor Perkhidmatan (29 Ogo 2013)
- Persidangan Kemuncak Keusahawanan Dunia Ke-4 (11 - 12 Okt 2013)
- Pameran dan Ekspo Satu Daerah Satu Industri (SDSI) (29 Nov - 1 Dis 2013)
- Persidangan Kemuncak Wanita Dunia (6 - 8 Jun 2013)
- Minggu PKS (23 - 30 Jun 2013)
- Lokasi Malaysia (Ogo/Sep 2013)
- INTRADE 2013 (26 - 28 Nov 2013)

horizontal WTO, AFAS dan FTA dengan inisiatif liberalisasi autonomi yang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan.

Halatuju Strategik 2013 menggariskan strategi komunikasi dan perhubungan yang berstruktur bagi mewujudkan faktor 'feel-good' kepada *stakeholders* dan menyorotkan sumbangan MITI kepada ekonomi dan menjadikan jangkauan di atas talian lebih interaktif. Jangkauan ini akan dilaksanakan melalui sosial media, peningkatan profil Kementerian di dalam akhbar utama dan liputan TV serta menyampaikan maklumbalas yang tepat dan cepat bagi isu-isu utama.

Perancangan keusahawanan

Pelaksanaan Pelan Induk PKS pada 2013 akan melibatkan pelaksanaan enam Program Berimpak Tinggi (HIP). Kajian semula berdasarkan Bancian 2011 akan mendefinisikan PKS selari dengan inflasi yang mempengaruhi asas, perubahan keadaan ekonomi dan faktor-faktor lain. MITI juga akan membentuk juara-juara di kalangan sektor PKS di samping membangun PKS secara keseluruhannya. Akta Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (MSME) juga akan digubal bagi membantu penggalakkan dan pertumbuhan MSME di Malaysia. Pelan MITI untuk menyokong usahawan wanita termasuk melalui penganjuran Persidangan Kemuncak Wanita Dunia 2013 dan Anugerah Usahawan Wanita Kebangsaan (6 Nov 2013).

Pada 2013, industri halal Malaysia akan dibangunkan selari dengan Jejak Halal (*Halal Footprint*) yang



menggunakan pendekatan Model Pembangunan Kluster dan pendekatan tiga-tahap Kecemerlangan Halal menjadi institusi pengetahuan utama halal. Halatuju Strategik akan menyokong usahawan Bumiputera pada 2013 melalui kajian semula panduan program pembangunan vendor dan dengan memudahcara proses pendaftaran Pengenalpastian Geografikal (GI) bagi produk Satu Daerah, Satu Industri (SDSI) bagi meningkatkan nilai.

Strategi MITI bagi produktiviti dan pembangunan pada 2013 mempertanggungjawabkan MPC untuk membangun kapasiti sekurang-kurangnya 20 pegawai utama untuk menjadi pakar yang dikenali di peringkat domestik dan antarabangsa, mempromosikan Amalan Terbaik Peraturan (GRP) dan bekerjasama dengan organisasi-organisasi amalan terbaik global. Bagi membangunkan lagi kompetensi sumber manusia di pasaran domestik, MITI dan agensi akan melaksanakan program menaiktaraf kemahiran secara menyeluruh, mengembangkan Pusat Kecemerlangan Auto Institut Automotif Malaysia (MAI) dan menubuhkan Pusat Kajian Perdagangan Antarabangsa Malaysia.

Pada 2013, Halatuju Strategik MITI melibatkan beberapa kajian impak dan faedah-faedah yang diperolehi melalui FTA, pendapat awam mengenai MITI, survei mengenai impak yang dihadapi industri domestik akibat proses graduasi daripada Sistem Umum Keutamaan (*Generalised System Preferences*) (GSP) dan pewujudan pangkalan data bagi cukai-cukai eksport.

LAMPIRAN 1: PERTUBUHAN DAN KUMPULAN KEAHLIAN

Organisasi/Kumpulan	Ahli Negara/Ekonomi
APEC	Australia, Brunei Darussalam, Kanada, Chile, Hong Kong SAR, Indonesia, Jepun, Malaysia, Mexico, New Zealand, Papua New Guinea, China, Peru, Filipina, Korea Selatan, Rusia, Singapura, Taiwan, Thailand, Amerika Syarikat dan Vietnam.
ASEAN	Brunei Darussalam, Kemboja, Indonesia, Lao RDR, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam.
ASEAN-CER	ASEAN, Australia dan New Zealand.
CEFTA	Albania, Bosnia dan Herzegovina, Croatia, Macedonia, Moldova, Montenegro, Serbia dan United Nations Interim Administration Mission di Kosovo (UNMIK).
KOMANWEL	Antigua dan Barbuda, Australia, Bahamas, Bangladesh, Barbados, Belize, Botswana, Brunei Darussalam, Cameroon, Kanada, Cyprus, Dominica, Fiji, Gambia, Ghana, Grenada, Guyana, India, Jamaica, Kenya, Kiribati, Lesotho, Malawi, Malaysia, Maldives, Malta, Mauritius, Mozambique, Namibia, Nauru, New Zealand, Nigeria, Pakistan, Papua New Guinea, Rwanda, St. Kitts dan Nevis, Saint Lucia, Saint Vincent dan the Grenadines, Samoa, Seychelles, Sierra Leone, Singapura, Kepulauan Solomon, Afrika Selatan, Sri Lanka, Swaziland, Tanzania, Tonga, Trinidad dan Tobago, Tuvalu, Uganda, United Kingdom, Vanuatu dan Zambia.
D-8	Bangladesh, Mesir, Indonesia, Iran, Malaysia, Nigeria, Pakistan dan Turki.
EAEC	ASEAN, Jepun, China dan Korea Selatan.
ECO	Afghanistan, Azerbaijan, Iran, Kazakhstan, Republik Kyrgyz, Pakistan, Tajikistan, Turki, Turkmenistan dan Uzbekistan.
EU	Austria, Belgium, Bulgaria, Cyprus, Republik Czech, Denmark, Estonia, Finland, Perancis, Jerman, Greece, Hungary, Ireland, Itali, Latvia, Lithuania, Luxembourg, Malta, Belanda, Poland, Portugal, Romania, Republik Slovakia, Slovenia, Sepanyol, Sweden dan United Kingdom.
G-15	Algeria, Argentina, Brazil, Chile, Mesir, India, Indonesia, Iran, Jamaica, Kenya, Malaysia, Mexico, Nigeria, Senegal, Sri Lanka, Venezuela dan Zimbabwe.
GCC	Bahrain, Kuwait, Oman, Qatar, Arab Saudi dan Emiriyah Arab Bersatu.
IOR-ARC	Australia, Bangladesh, India, Indonesia, Iran, Kenya, Madagascar, Malaysia, Mauritius, Mozambique, Oman, Singapura, Afrika Selatan, Sri Lanka, Tanzania, Thailand, Emiriyah Arab Bersatu dan Yaman.
MERCOSUR	Argentina, Brazil, Paraguay, Uruguay dan Venezuela.
NAFTA	Kanada, Mexico dan Amerika Syarikat.

Organisasi/Kumpulan	Negara Ahli/Ekonomi
NAM	Afghanistan, Algeria, Angola, Antigua dan Barbuda, Bahamas, Bahrain, Bangladesh, Barbados, Belarus, Belize, Benin, Bhutan, Bolivia, Botswana, Brunei Darussalam, Burkina Faso, Burundi, Kongo, Kamerun, Cape Verde, Republik Afrika Tengah, Chad, Chile, Colombia, Comoros, Congo, Ivory Coast, Cuba, Republik Demokratik Congo, Djibouti, Republik Dominica, Ekuador, Mesir, Equatorial Guinea, Eritrea, Ethiopia, Gabon, Gambia, Ghana, Grenada, Guatemala, Guinea, Guinea-Bissau, Guyana, Haiti, Honduras, India, Indonesia, Iran, Iraq, Jamaica, Jordan, Kenya, Kuwait, RDR Lao, Lebanon, Lesotho, Liberia, Libya, Madagaskar, Malawi, Malaysia, Maldives, Mali, Mauritania, Mauritius, Mongolia, Maghribi, Mozambique, Myanmar, Namibia, Nepal, Nicaragua, Niger, Nigeria, Oman, Pakistan, Palestina, Panama, Papua New Guinea, Peru, Filipina, Qatar, Republik Korea Selatan, Rwanda, Saint Kitts dan Nevis, Saint Lucia, Saint Vincent dan the Grenadines, Sao Tome dan Principe, Arab Saudi, Senegal, Seychelles, Sierra Leone, Singapura, Somalia, Afrika Selatan, Sri Lanka, Sudan, Suriname, Swaziland, Syria, Tanzania, Thailand, Timor Leste, Togo, Trinidad dan Tobago, Tunisia, Turkmenistan, Uganda, Emiriyah Arab Bersatu, Uzbekistan, Vanuatu, Venezuela, Viet Nam, Yaman, Zambia dan Zimbabwe.
OECD	Australia, Austria, Belgia, Kanada, Chile, Republik Ceko, Denmark, Estonia, Finlandia, Perancis, Jerman, Greece, Hungary, Islandia, Irlandia, Israel, Itali, Jepang, Luxembourg, Mexico, Belanda, New Zealand, Norwegia, Polandia, Portugal, Korea Selatan, Republik Slovakia, Slovenia, Spanyol, Swedia, Switzerland, Turki, United Kingdom dan Amerika Serikat.
OIC	Afghanistan, Albania, Algeria, Azerbaijan, Bahrain, Bangladesh, Benin, Brunei Darussalam, Burkina Faso, Kamerun, Chad, Comoros, Ivory Coast, Djibouti, Mesir, Gabon, Gambia, Guinea, Guinea-Bissau, Guyana, Indonesia, Iran, Iraq, Jordan, Kazakhstan, Kuwait, Republik Kyrgyz, Lebanon, Libya, Malaysia, Maldives, Mali, Mauritania, Maghribi, Mozambique, Niger, Nigeria, Oman, Pakistan, Palestina, Qatar, Arab Saudi, Senegal, Sierra Leone, Somalia, Sudan, Suriname, Syria, Tajikistan, Togo, Tunisia, Turki, Turkmenistan, Uganda, Emiriyah Arab Bersatu, Uzbekistan dan Yaman.
SAARC	Afghanistan, Bangladesh, Bhutan, India, Maldives, Nepal, Pakistan dan Sri Lanka.
SADC	Angola, Botswana, Republik Demokratik Congo, Lesotho, Malawi, Mauritius, Mozambique, Namibia, Seychelles, Afrika Selatan, Swaziland, Tanzania, Zambia dan Zimbabwe.
WTO	Afrika Selatan, Albania, Amerika Serikat, Angola, Antigua dan Barbuda, Arab Saudi, Argentina, Armenia, Australia, Austria, Bahrain, Bangladesh, Barbados, Belanda, Belgia, Belize, Benin, Bolivia, Botswana, Brazil, Brunei Darussalam, Bulgaria, Burkina Faso, Burundi, Kongo, Kamerun, Kanada, Republik Afrika Tengah, Chad, Chile, Colombia, Congo, Costa Rica, Ivory Coast, Kroasia, Cuba, Siprus, Republik Demokratik Congo, Denmark, Djibouti, Dominica, Republik Dominica, Ekuador, Mesir, El Salvador, Estonia, Kesatuan Eropah, Fiji, Filipina, Finlandia, Perancis, Gabon, Gambia, Georgia, Jerman, Ghana, Yunani, Grenada, Guatemala, Guinea, Guinea-Bissau, Guyana, Haiti, Honduras, Hong Kong SAR, Hungary, Islandia, India, Indonesia, Irlandia, Israel, Itali, Jamaica, Jepang, Jordan, Kenya, Kepulauan Solomon, Kuwait, Republik Kyrgyz, Latvia, Lesotho, Liechtenstein, Lithuania, Luxembourg, Macau, Macedonia, Madagaskar, Malawi, Malaysia, Maldives, Mali, Malta, Mauritania, Mauritius, Mexico, Moldova, Mongolia, Montenegro, Maghribi, Mozambique, Myanmar, Namibia, Nepal, New Zealand, Nicaragua, Niger, Nigeria, Norwegia, Oman, Pakistan, Panama, Papua New Guinea, Paraguay, Tiongkok, Peru, Polandia, Portugal, Qatar, Rumania, Republik Ceko, Republik Korea Selatan, Rusia, Rwanda, Saint Kitts dan Nevis, Saint Lucia, Saint Vincent dan the Grenadines, Senegal, Sierra Leone, Singapura, Republik Slovakia, Samoa, Slovenia, Spanyol, Sri Lanka, Suriname, Swaziland, Swedia, Switzerland, Taiwan, Tanzania, Thailand, Togo, Trinidad dan Tobago, Tunisia, Turki, Uganda, Emiriyah Arab Bersatu, United Kingdom, Uruguay, Vanuatu, Venezuela, Vietnam, Zambia dan Zimbabwe.

LAMPIRAN 2 : JADUAL STATISTIK - PERDAGANGAN

Jadual 1 : Perdagangan Tahunan, 2000-2012


Tahun	Jumlah Perdagangan	Eksport	Import	Imbangan Perdagangan
	(RM juta)			
2000	684,729.2	373,270.3	311,458.9	61,811.4
2001	614,512.9	334,283.8	280,229.1	54,054.7
2002	660,520.5	357,430.0	303,090.5	54,339.6
2003	714,422.2	397,884.4	316,537.9	81,346.5
2004	880,885.2	481,253.0	399,632.2	81,620.8
2005	969,104.5	536,233.7	432,870.8	103,362.9
2006	1,067,388.3	589,240.3	478,147.9	111,092.4
2007	1,106,344.3	604,299.6	502,044.6	102,255.0
2008	1,182,817.8	663,013.5	519,804.3	143,209.2
2009	987,187.9	552,518.1	434,669.8	117,848.3
2010	1,167,650.7	638,822.5	528,828.2	109,994.3
2011	1,271,488.3	697,861.9	573,626.3	124,235.6
2012 ^p	1,309,551.9	702,187.9	607,364.0	94,823.9

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia

Nota: Data 2011 dan sebelum adalah data muktamad

^p - data sementara

Carta 1 : Perdagangan Tahunan, 2000-2012



Jadual 2 : Perdagangan dengan Rakan Dagang Utama, 2011-2012

Negara/ Ekonomi	2012 ^a							2011						
	Jumlah Perdagangan (RM juta)	Bahagian (%)	Eksport (RM juta)	Bahagian (%)	Import (RM juta)	Bahagian (%)	Imbangan Perdagangan (RM juta)	Jumlah Perdagangan (RM juta)	Bahagian (%)	Eksport (RM juta)	Bahagian (%)	Import (RM juta)	Bahagian (%)	Imbangan Perdagangan (RM juta)
JUMLAH	1,309,551.9	100.0	702,187.9	100.0	607,364.0	100.0	94,823.9	1,271,488.3	100.0	697,861.9	100.0	573,626.3	100.0	124,235.6
China	180,610.5	13.8	88,746.0	12.6	91,864.5	15.1	-3,118.5	167,257.2	13.2	91,550.7	13.1	75,706.5	13.2	15,844.2
Singapura	175,963.2	13.4	95,484.2	13.6	80,479.0	13.3	15,005.2	161,890.1	12.7	88,190.6	12.6	73,699.5	12.8	14,491.1
Jepun	145,322.5	11.1	82,933.2	11.8	62,389.3	10.3	20,543.9	146,730.1	11.5	81,368.0	11.7	65,362.0	11.4	16,006.0
Amerika Syarikat	109,882.5	8.4	60,791.7	8.7	49,090.8	8.1	11,700.8	113,058.5	8.9	57,653.0	8.3	55,405.5	9.7	2,247.5
Thailand	74,013.1	5.7	37,705.1	5.4	36,308.0	6.0	1,397.1	70,222.5	5.5	35,742.5	5.1	34,480.0	6.0	1,262.4
Indonesia	58,728.6	4.5	27,619.4	3.9	31,109.3	5.1	-3,489.9	55,954.1	4.4	20,841.1	3.0	35,113.0	6.1	-14,272.0
Korea Selatan	49,966.3	3.8	25,297.7	3.6	24,668.7	4.1	629.0	49,522.9	3.9	26,252.2	3.8	23,270.7	4.1	2,981.5
Taiwan	47,042.3	3.6	21,820.1	3.1	25,222.3	4.2	-3,402.2	50,361.5	4.0	23,228.2	3.3	27,133.3	4.7	-3,905.1
Australia	43,717.1	3.3	29,101.5	4.1	14,615.6	2.4	14,485.9	38,492.9	3.0	25,682.6	3.7	12,810.3	2.2	12,872.3
Hong Kong	43,390.7	3.3	30,069.9	4.3	13,320.8	2.2	16,749.0	44,853.5	3.5	31,252.6	4.5	13,600.9	2.4	17,651.7
India	41,150.1	3.1	29,334.2	4.2	11,815.9	1.9	17,518.3	38,345.8	3.0	28,154.4	4.0	10,191.5	1.8	17,962.9
Jerman	39,232.9	3.0	16,019.9	2.3	23,213.0	3.8	-7,193.1	40,432.4	3.2	18,455.9	2.6	21,976.5	3.8	-3,520.6
Vietnam	27,903.2	2.1	11,807.6	1.7	16,095.6	2.7	-4,288.1	22,057.9	1.7	11,709.5	1.7	10,348.3	1.8	1,361.2
Emiriyah Arab Bersatu	24,815.7	1.9	12,415.1	1.8	12,400.5	2.0	14.6	21,163.7	1.7	12,960.7	1.9	8,203.0	1.4	4,757.8
Belanda	23,600.3	1.8	18,589.5	2.6	5,010.8	0.8	13,578.7	22,892.1	1.8	19,280.7	2.8	3,611.4	0.6	15,669.3
Perancis	18,493.7	1.4	5,464.1	0.8	13,029.6	2.1	-7,565.5	17,579.0	1.4	8,066.5	1.2	9,512.5	1.7	-1,446.1
Filipina	15,276.8	1.2	10,475.6	1.5	4,801.2	0.8	5,674.4	15,726.4	1.2	10,945.0	1.6	4,781.5	0.8	6,163.5
United Kingdom	13,637.8	1.0	6,807.4	1.0	6,830.4	1.1	-23.0	13,298.1	1.0	7,156.7	1.0	6,141.5	1.1	1,015.2
Arab Saudi	11,341.1	0.9	3,784.9	0.5	7,556.1	1.2	-3,771.2	12,041.1	0.9	3,574.6	0.5	8,466.4	1.5	-4,891.8
Brazil	8,922.9	0.7	3,359.8	0.5	5,563.1	0.9	-2,203.4	8,845.2	0.7	3,419.8	0.5	5,425.4	0.9	-2,005.6
Itali	8,267.9	0.6	2,985.8	0.4	5,282.2	0.9	-2,296.4	8,651.7	0.7	3,610.4	0.5	5,041.4	0.9	-1,431.0
Pakistan	6,516.1	0.5	5,736.2	0.8	780.0	0.1	4,956.2	8,579.4	0.7	7,804.4	1.1	775.0	0.1	7,029.4
Afrika Selatan	6,152.9	0.5	3,294.8	0.5	2,858.1	0.5	436.7	6,500.3	0.5	3,159.8	0.5	3,340.5	0.6	-180.7
New Zealand	6,033.2	0.5	3,611.4	0.5	2,421.7	0.4	1,189.7	5,422.3	0.4	3,011.7	0.4	2,410.6	0.4	601.1
Kanada	5,802.2	0.4	2,927.7	0.4	2,874.5	0.5	53.3	5,582.9	0.4	2,782.1	0.4	2,800.8	0.5	-18.7
Switzerland	5,483.5	0.4	1,036.6	0.1	4,446.9	0.7	-3,410.4	5,502.8	0.4	994.3	0.1	4,508.5	0.8	-3,514.3
Mexico	5,447.5	0.4	4,576.2	0.7	871.3	0.1	3,704.9	6,235.6	0.5	5,356.5	0.8	879.1	0.2	4,477.3
Belgium	4,941.7	0.4	2,280.7	0.3	2,661.1	0.4	-380.4	5,112.9	0.4	2,978.0	0.4	2,134.9	0.4	843.1
Bangladesh	4,878.4	0.4	4,648.6	0.7	229.8	0.0	4,418.8	5,559.4	0.4	5,437.5	0.8	121.9	0.0	5,315.6
Qatar	4,868.6	0.4	737.9	0.1	4,130.6	0.7	-3,392.7	5,188.4	0.4	560.2	0.1	4,628.2	0.8	-4,068.0
Iran	4,582.3	0.3	3,523.0	0.5	1,059.3	0.2	2,463.7	4,982.6	0.4	3,214.1	0.5	1,768.5	0.3	1,445.5
Argentina	4,572.9	0.3	911.4	0.1	3,661.4	0.6	-2,750.0	4,235.9	0.3	811.8	0.1	3,424.1	0.6	-2,612.4
Costa Rica	3,911.3	0.3	188.4	0.0	3,722.9	0.6	-3,534.4	4,324.1	0.3	189.3	0.0	4,134.8	0.7	-3,945.6
Mesir	3,875.8	0.3	3,320.3	0.5	555.4	0.1	2,764.9	4,615.9	0.4	4,205.8	0.6	410.0	0.1	3,795.8
Rusia	3,429.8	0.3	2,151.5	0.3	1,278.3	0.2	873.2	3,830.6	0.3	2,716.8	0.4	1,113.7	0.2	1,603.1

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia

Nota : nil. - nilai kecil/ terlalu kecil

Jadual 3 : Pasaran Utama Eksport, 2011-2012

Negara/ Ekonomi	Exports				
	2012 ^P			2011	
	RM juta	Bahagian (%)	Perubahan (%)	RM juta	Bahagian (%)
JUMLAH	702,187.9	100.0	0.6	697,861.9	100.0
Singapura	95,484.2	13.6	8.3	88,190.6	12.6
China	88,746.0	12.6	-3.1	91,550.7	13.1
Jepun	82,933.2	11.8	1.9	81,368.0	11.7
Amerika Syarikat	60,791.7	8.7	5.4	57,653.0	8.3
Thailand	37,705.1	5.4	5.5	35,742.5	5.1
Hong Kong	30,069.9	4.3	-3.8	31,252.6	4.5
India	29,334.2	4.2	4.2	28,154.4	4.0
Australia	29,101.5	4.1	13.3	25,682.6	3.7
Indonesia	27,619.4	3.9	32.5	20,841.1	3.0
Korea Selatan	25,297.7	3.6	-3.6	26,252.2	3.8
Taiwan	21,820.1	3.1	-6.1	23,228.2	3.3
Belanda	18,589.5	2.6	-3.6	19,280.7	2.8
Jerman	16,019.9	2.3	-13.2	18,455.9	2.6
Emiriyah Arab Bersatu	12,415.1	1.8	-4.2	12,960.7	1.9
Vietnam	11,807.6	1.7	0.8	11,709.5	1.7
Filipina	10,475.6	1.5	-4.3	10,945.0	1.6
United Kingdom	6,807.4	1.0	-4.9	7,156.7	1.0
Pakistan	5,736.2	0.8	-26.5	7,804.4	1.1
Perancis	5,464.1	0.8	-32.3	8,066.5	1.2
Bangladesh	4,648.6	0.7	-14.5	5,437.5	0.8
Mexico	4,576.2	0.7	-14.6	5,356.5	0.8
Arab Saudi	3,784.9	0.5	5.9	3,574.6	0.5
New Zealand	3,611.4	0.5	19.9	3,011.7	0.4

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia

Nota : * - tidak bermakna

: nil. - nilai kecil/ terlalu kecil

Jadual 4 : Sumber Import Utama, 2011-2012

Negara/ Ekonomi	Exports				
	2012 ^P			2011	
	RM juta	Bahagian (%)	Perubahan (%)	RM juta	Bahagian (%)
JUMLAH	607,364.0	100.0	5.9	573,626.3	100.0
China	91,864.5	15.1	21.3	75,706.5	13.2
Singapura	80,479.0	13.3	9.2	73,699.5	12.8
Jepun	62,389.3	10.3	-4.5	65,362.0	11.4
Amerika Syarikat	49,090.8	8.1	-11.4	55,405.5	9.7
Thailand	36,308.0	6.0	5.3	34,480.0	6.0
Indonesia	31,109.3	5.1	-11.4	35,113.0	6.1
Taiwan	25,222.3	4.2	-7.0	27,133.3	4.7
Korea Selatan	24,668.7	4.1	6.0	23,270.7	4.1
Jerman	23,213.0	3.8	5.6	21,976.5	3.8
Vietnam	16,095.6	2.7	55.5	10,348.3	1.8
Australia	14,615.6	2.4	14.1	12,810.3	2.2
Hong Kong	13,320.8	2.2	-2.1	13,600.9	2.4
Perancis	13,029.6	2.1	37.0	9,512.5	1.7
Emiriyah Arab Bersatu	12,400.5	2.0	51.2	8,203.0	1.4
India	11,815.9	1.9	15.9	10,191.5	1.8
Arab Saudi	7,556.1	1.2	-10.8	8,466.4	1.5
United Kingdom	6,830.4	1.1	11.2	6,141.5	1.1
Brazil	5,563.1	0.9	2.5	5,425.4	0.9
Itali	5,282.2	0.9	4.8	5,041.4	0.9
Belanda	5,010.8	0.8	38.8	3,611.4	0.6
Filipina	4,801.2	0.8	0.4	4,781.5	0.8
Switzerland	4,446.9	0.7	-1.4	4,508.5	0.8
Qatar	4,130.6	0.7	-10.8	4,628.2	0.8

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia

Nota : * - tidak bermakna

: nil. - nilai kecil/ terlalu kecil

Jadual 5: Perdagangan dengan ASEAN, 2011-2012

Negara/ Ekonomi	Eksport					Import					Imbangan Perdagangan	
	2012 ^p			2011		2012 ^p			2011		2012 ^p	2011
	RM juta	Bahagian (%)	Perubahan (%)	RM juta	Bahagian (%)	RM juta	Bahagian (%)	Perubahan (%)	RM juta	Bahagian (%)	RM juta	
JUMLAH	702,187.9	100.0	0.6	697,861.9	100.0	607,364.0	100.0	5.9	573,626.3	100.0	94,823.9	124,235.6
ASEAN	188,215.5	26.8	9.7	171,636.9	24.6	169,921.0	28.0	6.5	159,493.2	27.8	18,294.5	12,143.7
Singapura	95,484.2	13.6	8.3	88,190.6	12.6	80,479.0	13.3	9.2	73,699.5	12.8	15,005.2	14,491.1
Thailand	37,705.1	5.4	5.5	35,742.5	5.1	36,308.0	6.0	5.3	34,480.0	6.0	1,397.1	1,262.4
Indonesia	27,619.4	3.9	32.5	20,841.1	3.0	31,109.3	5.1	-11.4	35,113.0	6.1	-3,489.9	-14,272.0
Vietnam	11,807.6	1.7	0.8	11,709.5	1.7	16,095.6	2.7	55.5	10,348.3	1.8	-4,288.1	1,361.2
Filipina	10,475.6	1.5	-4.3	10,945.0	1.6	4,801.2	0.8	0.4	4,781.5	0.8	5,674.4	6,163.5
Myanmar	2,176.4	0.3	27.3	1,710.3	0.2	566.9	0.1	-20.7	715.1	0.1	1,609.5	995.2
Brunei Darussalam	2,138.2	0.3	28.4	1,665.6	0.2	162.6	nil	8.7	149.5	nil	1,975.6	1,516.1
Kemboja	769.3	0.1	-2.6	790.2	0.1	397.1	0.1	94.7	203.9	nil	372.1	586.3
Lao RDR	39.8	nil	-5.3	42.1	nil	1.4	nil	-41.1	2.3	nil	38.5	39.8

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia

Nota: nil. - nilai kecil/ terlalu kecil

Jadual 6: Perdagangan dengan NAFTA, 2011-2012

Negara/ Ekonomi	Eksport					Import					Imbangan Perdagangan	
	2012 ^p			2011		2012 ^p			2011		2012 ^p	2011
	RM juta	Bahagian (%)	Perubahan (%)	RM juta	Bahagian (%)	RM juta	Bahagian (%)	Perubahan (%)	RM juta	Bahagian (%)	RM juta	
JUMLAH	702,187.9	100.0	0.6	697,861.9	100.0	607,364.0	100.0	5.9	573,626.3	100.0	120,316.5	109,994.3
NAFTA	68,295.6	9.7	3.8	65,791.6	9.4	52,836.6	8.7	-10.6	59,085.4	10.3	15,459.0	6,706.2
Amerika Syarikat	60,791.7	8.7	5.4	57,653.0	8.3	49,090.8	8.1	-11.4	55,405.5	9.7	11,700.8	2,247.5
Mexico	4,576.2	0.7	-14.6	5,356.5	0.8	871.3	0.1	-0.9	879.1	0.2	3,704.9	4,477.3
Kanada	2,927.7	0.4	5.2	2,782.1	0.4	2,874.5	0.5	2.6	2,800.8	0.5	53.3	-18.7

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 7: Perdagangan dengan Kesatuan Eropah, 2011-2012

Negara/ Ekonomi	Eksport					Import					Imbangan Perdagangan	
	2012 ^p			2011		2012 ^p			2011		2012 ^p	2011
	RM juta	Bahagian (%)	Perubahan (%)	RM juta	Bahagian (%)	RM juta	Bahagian (%)	Perubahan (%)	RM juta	Bahagian (%)	RM juta	
JUMLAH	702,187.9	100.0	0.6	697,861.9	100.0	607,364.0	100.0	5.9	573,626.3	100.0	94,823.9	124,235.6
Kesatuan Eropah	62,180.9	8.9	-13.7	72,030.9	10.3	65,526.7	10.8	11.3	58,858.2	10.3	-3,345.8	13,172.7
Belanda	18,589.5	2.6	-3.6	19,280.7	2.8	5,010.8	0.8	38.8	3,611.4	0.6	13,578.7	15,669.3
Jerman	16,019.9	2.3	-13.2	18,455.9	2.6	23,213.0	3.8	5.6	21,976.5	3.8	-7,193.1	-3,520.6
United Kingdom	6,807.4	1.0	-4.9	7,156.7	1.0	6,830.4	1.1	11.2	6,141.5	1.1	-23.0	1,015.2
Perancis	5,464.1	0.8	-32.3	8,066.5	1.2	13,029.6	2.1	37.0	9,512.5	1.7	-7,565.5	-1,446.1
Itali	2,985.8	0.4	-17.3	3,610.4	0.5	5,282.2	0.9	4.8	5,041.4	0.9	-2,296.4	-1,431.0
Belgium	2,280.7	0.3	-23.4	2,978.0	0.4	2,661.1	0.4	24.6	2,134.9	0.4	-380.4	843.1
Spanyol	1,567.5	0.2	-19.3	1,943.4	0.3	1,288.7	0.2	6.4	1,211.1	0.2	278.8	732.3
Sweden	1,392.9	0.2	-8.7	1,526.5	0.2	2,001.9	0.3	1.4	1,974.2	0.3	-608.9	-447.8
Poland	935.0	0.1	6.2	880.1	0.1	502.6	0.1	20.2	418.2	0.1	432.4	461.9
Republik Czech	889.8	0.1	-38.7	1,452.6	0.2	348.4	0.1	2.2	340.8	0.1	541.4	1,111.8
Finland	836.8	0.1	-17.1	1,009.4	0.1	825.2	0.1	-12.1	939.3	0.2	11.5	70.1
Hungary	681.7	0.1	-45.4	1,247.7	0.2	253.2	0.0	-51.9	526.8	0.1	428.5	720.9
Denmark	596.7	0.1	-21.4	759.4	0.1	644.6	0.1	5.0	614.0	0.1	-47.9	145.4
Ireland	532.2	0.1	-8.4	581.0	0.1	971.8	0.2	-42.5	1,689.5	0.3	-439.6	-1,108.5
Portugal	431.7	0.1	-15.2	508.9	0.1	271.5	0.0	366.6	58.2	0.0	160.2	450.7
Greece	376.0	0.1	42.0	264.7	0.0	96.1	0.0	118.1	44.1	0.0	279.8	220.6
Romania	284.8	0.0	-19.0	351.8	0.1	71.9	0.0	-18.2	87.9	0.0	212.9	263.9
Republik Slovakia	246.5	0.0	-25.1	328.9	0.0	51.7	0.0	-47.2	98.0	0.0	194.8	231.0
Austria	204.1	0.0	-47.8	391.1	0.1	1,485.1	0.2	-27.6	2,050.9	0.4	-1,281.0	-1,659.8
Latvia	200.6	0.0	70.0	118.0	0.0	58.2	0.0	75.7	33.1	0.0	142.3	84.8
Lithuania	167.8	0.0	-11.6	189.9	0.0	254.8	0.0	269.8	68.9	0.0	-86.9	121.0
Luxembourg	160.8	0.0	-37.9	258.9	0.0	101.4	0.0	22.5	82.8	0.0	59.4	176.2
Estonia	158.5	0.0	-15.0	186.5	0.0	12.7	0.0	38.3	9.2	0.0	145.8	177.3
Bulgaria	118.9	0.0	-40.7	200.4	0.0	85.2	0.0	7.8	79.0	0.0	33.6	121.4
Malta	100.2	0.0	16.6	86.0	0.0	74.3	0.0	111.6	35.1	0.0	26.0	50.9
Slovenia	93.0	0.0	-7.9	101.1	0.0	65.3	0.0	39.4	46.8	0.0	27.7	54.2
Cyprus	58.1	0.0	-39.8	96.6	0.0	35.0	0.0	8.7	32.2	0.0	23.2	64.5

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia

Nota : * - tidak bermakna

: nil. - nilai kecil/ terlalu kecil

Jadual 8: Perdagangan dengan APEC, 2011-2012

Negara	Eksport					Import					Imbangan Perdagangan	
	2012 ^p			2011		2012 ^p			2011		2012 ^p	2011
	RM juta	Bahagian (%)	Perubahan (%)	RM juta	Bahagian (%)	RM juta	Bahagian (%)	Bahagian (%)	RM juta	Bahagian (%)	RM juta	
JUMLAH	702,187.9	100.0	0.6	697,861.9	100.0	607,364.0	100.0	5.9	573,626.3	100.0	94,823.9	124,235.6
APEC	540,130.3	76.9	3.4	522,503.4	74.9	458,701.2	75.5	4.1	440,490.6	76.8	81,429.1	82,012.8
Singapura	95,484.2	13.6	8.3	88,190.6	12.6	80,479.0	13.3	9.2	73,699.5	12.8	15,005.2	14,491.1
China	88,746.0	12.6	-3.1	91,550.7	13.1	91,864.5	15.1	21.3	75,706.5	13.2	-3,118.5	15,844.2
Jepun	82,933.2	11.8	1.9	81,368.0	11.7	62,389.3	10.3	-4.5	65,362.0	11.4	20,543.9	16,006.0
Amerika Syarikat	60,791.7	8.7	5.4	57,653.0	8.3	49,090.8	8.1	-11.4	55,405.5	9.7	11,700.8	2,247.5
Thailand	37,705.1	5.4	5.5	35,742.5	5.1	36,308.0	6.0	5.3	34,480.0	6.0	1,397.1	1,262.4
Hong Kong	30,069.9	4.3	-3.8	31,252.6	4.5	13,320.8	2.2	-2.1	13,600.9	2.4	16,749.0	17,651.7
Australia	29,101.5	4.1	13.3	25,682.6	3.7	14,615.6	2.4	14.1	12,810.3	2.2	14,485.9	12,872.3
Indonesia	27,619.4	3.9	32.5	20,841.1	3.0	31,109.3	5.1	-11.4	35,113.0	6.1	-3,489.9	-14,272.0
Korea Selatan	25,297.7	3.6	-3.6	26,252.2	3.8	24,668.7	4.1	6.0	23,270.7	4.1	629.0	2,981.5
Taiwan	21,820.1	3.1	-6.1	23,228.2	3.3	25,222.3	4.2	-7.0	27,133.3	4.7	-3,402.2	-3,905.1
Vietnam	11,807.6	1.7	0.8	11,709.5	1.7	16,095.6	2.7	55.5	10,348.3	1.8	-4,288.1	1,361.2
Filipina	10,475.6	1.5	-4.3	10,945.0	1.6	4,801.2	0.8	0.4	4,781.5	0.8	5,674.4	6,163.5
Mexico	4,576.2	0.7	-14.6	5,356.5	0.8	871.3	0.1	-0.9	879.1	0.2	3,704.9	4,477.3
New Zealand	3,611.4	0.5	19.9	3,011.7	0.4	2,421.7	0.4	0.5	2,410.6	0.4	1,189.7	601.1
